

MODUL PEMERKASAAN MENANGANI BULI DALAM PERKHIDMATAN KAUNSELING DI SEKOLAH



Modul Pemerkasaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah

Fauziah Mohd Sa'ad
Nurul 'Ain Mohd Daud
Nurul Hasyimah Mat Rani
Nur Shuhana Mohd Sansuddin

Neuro Immersive Wellness Centre, UPSI
2026

Isi Kandungan

01	Pengenalan	07
	Asas Teoritikal Modul Pemerkasaan Menangani Buli	08
	Teoritikal Rawatan Buli	09
	Modul Menangani Buli Kementerian Pendidikan Malaysia (MMBKPM)	09
	Terapi Kognitif Tingkah Laku (TKT)	09
02	Pengisian Modul Pemerkasaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah	
	Pengenalan	10
	Bahagian I: Pengenalan Modul Pemerkasaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah	11
	Bahagian II: Peraturan-Peraturan Jangan Buli	11
	Rumusan	11
03	Objektif Modul Pemerkasaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah	
	Kesahan dan Kebolehpercayaan Pengisian Modul Pemerkasaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah	14
	Kesahan Modul Pemerkasaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah	14
	Kebolehpercayaan Modul Pemerkasaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah	14
	Rumusan	14

04	Strategi 1: Pengenalan Modul Pemerkasaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling di Sekolah	17
	Aktiviti 1: Suai Kenal / <i>Ice-breaking</i>	18
	Aktiviti 2: Pengenalan Modul Pemerkasaan Menangani Buli dalam Perkhidmatan Kaunseling di Sekolah	18
	Aktiviti 3: Tayangan Video Buli	18
05	Strategi 2: Matlamat, Definisi dan Konsep Modul Pemerkasaan Menangani Buli dalam Perkhidmatan Kaunseling di Sekolah	17
	Aktiviti 1: <i>Focus Point</i>	18
	Aktiviti 2: Rantaian Jiwa	18
	Aktiviti 3: Kau Rasa Aku Rasa	18
06	Strategi 3: Jenis-Jenis, Faktor-Faktor dan Implikasi Buli	17
	Aktiviti Kendiri 1: Tusukan Hempedu	18
	Aktiviti Kendiri 2: Sembilang Laut	18
	Aktiviti Kendiri 3: Dunia Batinku	18
07	Strategi 4: Pengurusan Disiplin di Sekolah dan Peranan Setiap Pihak	17
	Aktiviti Kendiri 1: Pejuang	18
	Aktiviti Kendiri 2: Pahlawanku	18
08	Strategi 5: Modul Pemerkasaan Menangani Buli Peringkat Pencegahan	17
	Aktiviti 1: Sinaran Kegemerlapan	18
	Aktiviti 2: Muka Pintu	18

09	Strategi 6: Modul Pemerkasaan Menangani Buli Peringkat Perkembangan	17
	Aktiviti: Rantaian Hati	18
	Aktiviti 2: Teratai Malam	18
10	Strategi 7: Modul Pemerkasaan Menangani Buli Peringkat Pemulihan	17
	Aktiviti 1: Cahaya Bulan	18
	Aktiviti 2: Pancaran Matahari	18
11	Strategi 8: Aplikasi Orientasi Pencegahan, Perkembangan dan Pemulihan	17
	Aktiviti 1: Cermin Kaca	18
	Aktiviti 2: Roda Kehidupan	18
12	Strategi 9: Peraturan Umum Jangan Buli	17
	Aktiviti 1: Jiwa Terseksa	18
13	Strategi 10: Tindakan Menangani Kes Buli	17
	Aktiviti 1: Kegemilangan	18
14	Strategi 11: Tips-Tips Menangani Buli	17
	Aktiviti 1: Keabadian Jiwa	18
15	Strategi 12: Peti Aduan Mangsa Buli / Pemerhati Buli	17
	Aktiviti 1: Keharmonian Cinta	18



01

Pengenalan

1.1 Pengenalan, Kesahan Dan Kebolehpercayaan Modul Pemeraksanaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah

Bahagian ini merangkumi pengenalan, kesahan dan kebolehpercayaan Modul Pemeraksanaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling di Sekolah. Secara khususnya, bahagian pengenalan menghuraikan asas teoritikal dan konseptual yang mendasari pembinaan modul, di samping menjelaskan objektif modul serta memberikan ringkasan keseluruhan kandungannya.

Seterusnya, bahagian kesahan menerangkan kaedah yang digunakan untuk menilai ketepatan Modul Pemeraksanaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling di Sekolah dengan tujuan memastikan modul yang dibangunkan ini merangkumi semua ciri dan gagasan penting yang seharusnya wujud dalam konsep yang ingin diukur.

Kesahan merujuk kepada sejauh mana sesuatu ujian atau instrumen mampu mengukur konstruk yang sepatutnya diukur. Dalam kajian ini, penilaian kesahan modul melibatkan seramai sembilan orang pakar yang terdiri daripada pengamal dan individu berpengalaman dalam bidang teori serta pembinaan modul.

Selain itu, bahagian kebolehpercayaan pula merujuk kepada tahap ketekalan dan kestabilan sesuatu ukuran, alat ukur atau instrumen kajian. Kebolehpercayaan bertujuan untuk menentukan sama ada instrumen tersebut menghasilkan dapatan yang konsisten apabila digunakan berulang kali bagi mengukur konstruk yang sama terhadap populasi, sampel atau responden yang sama.

Dalam konteks kajian ini, kebolehpercayaan modul diuji ke atas sampel yang mempunyai ciri-ciri selaras dengan keperluan modul iaitu melibatkan pelajar dan kaunselor. Seramai 60 orang responden telah dipilih bagi tujuan mendapatkan nilai kebolehpercayaan modul tersebut.

1.2 Pengenalan

Mutakhir ini, peningkatan kes buli dalam kalangan pelajar sekolah di negara ini semakin membimbangkan apabila terdapat kes yang mengakibatkan kecederaan serius dan berpotensi membawa kepada kematian. Fenomena ini telah diklasifikasikan sebagai satu bentuk jenayah yang memerlukan tindakan tegas dan bersepadu. Sehubungan itu, sekolah sebagai agen sosialisasi utama memainkan peranan penting dalam membanteras gejala buli melalui pembentukan iklim dan persekitaran pembelajaran yang kondusif serta terapeutik dimana ia sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan pembangunan pelajar secara holistik merangkumi aspek rohani, jasmani, emosi dan intelektual.

Dari perspektif pelaku, kebanyakan pembuli didapati mempunyai masalah emosi yang berpunca daripada tekanan hidup seperti konflik keluarga atau masalah peribadi yang tidak dapat diurus dengan baik. Kekurangan kemahiran mengawal emosi dan menangani tekanan mendorong individu ini melepaskan ketegangan melalui perlakuan membuli, malah ada yang mengakui berasa puas selepas melakukannya. Kesan buli terhadap mangsa pula bukan sahaja melibatkan kecederaan fizikal tetapi turut menjejaskan kesejahteraan psikologi, emosi dan tingkah laku sekali gus memberi implikasi negatif terhadap perkembangan diri mereka sebagai generasi pelapis negara.

Walaupun pelbagai intervensi telah dilaksanakan di peringkat sekolah dan komuniti, statistik menunjukkan bahawa fenomena buli masih meningkat serta menuntut satu pendekatan yang lebih sistematik dan berkesan. Oleh itu, kerjasama antara ibu bapa, pihak sekolah dan masyarakat amat diperlukan bagi membangunkan intervensi terancang termasuk pembinaan modul yang dinamik bagi menangani gejala ini secara menyeluruh. Usaha membanteras buli perlu dilaksanakan dengan segera dan berterusan bagi melahirkan masyarakat yang harmoni serta menjamin kesejahteraan dan keselamatan negara.

1.3 Asas Teoritikal Modul Pemerkasaan Menangani Buli

Modul Pemerkasaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling di Sekolah merupakan satu modul yang dibina khusus dalam usaha membantu menangani masalah buli yang semakin menular sejak dewasa ini. Modul ini mempunyai dua belas strategi yang dibina khusus untuk melihat intervensi buli dan intervensi rawatan yang dapat membantu menangani masalah buli. Strategi-strategi terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian I dan bahagian II. Strategi tersebut ialah:

Bahagian I: Pengenalan Modul Pemerkasaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling di Sekolah

Strategi 1: Pengenalan Modul Pemerkasaan Menangani Buli

Strategi 2: Matlamat, Definisi dan Konsep Modul Pemerkasaan Menangani Buli

Strategi 3: Jenis, Faktor dan Implikasi Buli

Strategi 4: Pengurusan Disiplin Di Sekolah dan Peranan Setiap Pihak

Strategi 5: Modul Pemerkasaan Buli Peringkat Pencegahan

Strategi 6: Modul Pemerkasaan Buli Peringkat Perkembangan

Strategi 7: Modul Pemerkasaan Buli Peringkat Pemulihan

Strategi 8: Aplikasi Orientasi Pencegahan, Orientasi Perkembangan dan Orientasi Pemulihan

Bahagian II: Peraturan-Peraturan Jangan Buli

Strategi 9: Peraturan Umum Jangan Buli

Strategi 10: Tindakan Menangani Kes Buli

Strategi 11: Tips-tips Menangani Buli

Strategi 12 : Peti Aduan Mangsa Buli / Pemerhati Buli

1.4 Teoritikal Rawatan Buli

Teori utama yang mendasari pembinaan Modul Pemerkasaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling di Sekolah ialah Modul Menangani Buli Kementerian Pendidikan Malaysia (MMBKPM) yang berpandukan Buku Panduan Pengurusan Menangani Buli serta Terapi Kognitif Tingkah Laku (TKT) atau Cognitive Behavioural Therapy (CBT). Terapi TKT menekankan tiga komponen teras iaitu pemikiran, emosi dan tingkah laku yang saling berkait dalam mempengaruhi reaksi serta tindakan individu. Dalam konteks pelaksanaan modul ini, MMBKPM berperanan sebagai asas kepada intervensi pencegahan buli, manakala terapi TKT diaplikasikan sebagai intervensi rawatan yang bertujuan menangani masalah buli yang semakin menular dalam kalangan pelajar pada masa kini.

1.5 Modul Menangani Buli Kementerian Pendidikan Malaysia (MMBKPM)

Modul Menangani Buli Kementerian Pendidikan Malaysia (MMBKPM) merupakan sebuah modul panduan pengurusan yang dibangunkan sebagai rujukan utama kepada pihak-pihak berkepentingan dalam pengendalian isu buli khususnya sebagai garis panduan kepada pihak sekolah dalam usaha menangani gejala buli dalam kalangan murid secara lebih sistematik dan berkesan. Modul ini menyediakan penerangan yang komprehensif berkaitan fenomena buli merangkumi definisi buli, klasifikasi jenis-jenis buli, faktor-faktor yang menyumbang kepada perlakuan buli serta implikasi yang terhasil daripada perbuatan tersebut. Di samping itu, MMBKPM turut menghuraikan secara terperinci aspek pengurusan sekolah berkaitan isu buli dengan menggariskan peranan pihak pengurusan sekolah serta menekankan kepentingan pemantapan pengurusan disiplin, khususnya dalam pemilihan dan pelaksanaan program-program intervensi bagi menangani gejala buli. Penglibatan pelbagai agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan juga diketengahkan sebagai sebahagian daripada usaha kolaboratif dalam menangani permasalahan ini. Selain itu, MMBKPM memperincikan pelbagai aktiviti menangani buli serta mengemukakan cadangan aktiviti yang bersesuaian untuk dilaksanakan di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. Aktiviti-aktiviti yang dicadangkan disusun berdasarkan orientasi program yang dipilih serta dilaksanakan mengikut peringkat perancangan, pelaksanaan dan penilaian program intervensi buli. Secara keseluruhannya, beberapa panduan utama yang terkandung dalam MMBKPM telah diadaptasi dan diolah semula bagi tujuan pemantapan dan seterusnya diaplikasikan dalam Modul Pengurusan Menangani Buli (MPMB).



01

Pengenalan

02

Pengisian Modul Pemerkasaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling di Sekolah





2.1 Pengenalan

Modul ini mengandungi 12 strategi yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian pengenalan modul pemerkasaan menangani buli dalam perkhidmatan kaunseling di sekolah dan bahagian peraturan-peraturan jangan buli. Strategi tersebut diperjelaskan seperti di bawah;



2.2

Bahagian I: Pengenalan Modul Pemerkasaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah

Strategi 1 : Pengenalan Modul Pemerkasaan Menangani Buli

Pada peringkat pengenalan mengenai Modul Pemerkasaan Menangani Buli ini memberi satu gambaran sebenar kejadian buli yang berlaku pada dunia hari ini kepada pelajar dan kaunselor yang mana mungkin mereka tidak sedar atau tidak mendapat input mengenai isu buli yang sangat membimbangkan kini. Selain itu, dalam sesi ini juga menerangkan mengenai fungsi modul pemerkasaan menangani buli dalam perkhidmatan kaunseling di sekolah dalam usaha menangani isu buli.

Strategi 2 : Matlamat, Definisi Dan Konsep Modul Pemerkasaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah

Pada peringkat ini, memberi pemahaman, penghayatan, kesedaran, pengetahuan dan penilaian kepada warga sekolah khususnya dan ibu bapa penjaga pelajar secara umumnya tentang perlakuan buli dan kesan yang ditinggalkannya dan memberi pendedahan kepada pelajar dan kaunselor mengenai peringkat ini.

Strategi 3 : Jenis , Faktor dan Implikasi Buli

Pada peringkat ini pelajar dan kaunselor dapat mengetahui dan memahami mengenai jenis- jenis buli, faktor-faktor buli dan implikasi buli. Selain itu, pelajar dan kaunselor dapat melihat, mengetahui dan memahami sketsa yang dipersembahkan dengan mendalam tentang buli.

Strategi 4 : Pengurusan Disiplin Di Sekolah Dan Peranan Setiap Pihak

Pada peringkat ini, pelajar dan kaunselor ditekankan dengan mengenali dan memahami struktur pengurusan disiplin di sekolah dan dapat mengetahui dan memahami peranan pengurusan sekolah.



2.2

Bahagian I: Pengenalan Modul Pemerkasaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah

Strategi 5 : Modul Pemerkasaan Buli Peringkat Pencegahan

Pada peringkat ini , pelajar dan kaunselor dapat mengetahui dan memahami buli pada peringkat pencegahan di mana peringkat ini sangat penting dalam usaha membanteras buli.

Strategi 6 : Modul Pemerkasaan Buli Peringkat Perkembangan

Pada peringkat ini , pelajar dan kaunselor dapat mengetahui dan memahami buli pada peringkat perkembangan dan dapat melihat tahap perkembangan bagi seseorang individu yang terlibat dengan buli.

Strategi 7 : Modul Pemerkasaan Buli Peringkat Pemulihan

Pada peringkat ini, pelajar dan kaunselor dapat mengetahui dan memahami buli pada peringkat pemulihan yang mana pada tahap ini merupakan tahap pemulihan bagi individu yang pernah mengalami atau berhadapan dengan situasi buli.

Strategi 8 : Aplikasi Orientasi Pencegahan, Orientasi Perkembangan dan Orientasi Pemulihan

Pada peringkat orientasi pencegahan, orientasi perkembangan dan orientasi pemulihan ini, pelajar dan kaunselor dapat mengaplikasikan secara berkesan kepada individu terbabit iaitu membantu peserta memahami dan mendalami aplikasi ini dengan baik supaya ianya dapat diterapkan dengan berkesan dalam diri pelajar dan kaunselor itu sendiri.



2.3

Bahagian II: Peraturan-Peraturan Jangan Buli

Strategi 9 : Peraturan Umum Jangan Buli

Peringkat ini merupakan satu pendedahan sangat penting dalam memberi kefahaman dan mendidik seseorang individu untuk mendisiplinkan diri mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. Peraturan merupakan satu petunjuk bagi seseorang dalam menjaga tingkah laku daripada terjebak dengan kegiatan atau perlakuan buli yang tidak sihat bukan sahaja untuk diri sendiri malah juga kepada masyarakat sekeliling.

Strategi 10 : Tindakan Menangani Kes Buli

Pada peringkat ini, dapat memberi kefahaman, kesedaran dan pengetahuan kepada warga sekolah khususnya dan ibu bapa serta masyarakat sekeliling umumnya mengenai tindakan menangani kes buli. Selain itu, memberi pemahaman dan penghayatan peranan dan kefungsiannya masing-masing dalam pelaksanaan strategi dan pelan tindakan di peringkat sekolah untuk mencegah dan mengatasi gejala buli secara serius.

Strategi 11 : Tips-Tips Memperkasa Menangani Buli

Pada peringkat ini, dapat memberi kefahaman, kesedaran dan pengetahuan kepada warga sekolah, ibu bapa serta masyarakat sekeliling mengenai tips-tips memperkasa menangani kes buli. Tips-tips ini memberi pemahaman dan penghayatan kepada peranan dan kefungsiannya masing-masing dalam pelaksanaan tips pemerkasaan buli ini di peringkat sekolah untuk mencegah dan mengatasi gejala buli secara lebih serius.

Strategi 12: Peti Aduan Buli Mangsa Buli / Pemerhati Buli

Peringkat ini merupakan peringkat yang mendorong kepada seseorang bertindak secara berani dalam membuat aduan mengenai kejadian buli sama ada mereka adalah mangsa buli atau mereka yang melihat kejadian buli. Individu perlu bersifat empati terhadap kejadian buli yang serius ini dan sama-sama membanteras kejadian buli daripada terus berleluasa.

Rumusan

Modul ini merupakan satu modul yang efektif dalam membantu pihak berwajib menangani jenayah buli yang berleluasa kini berdasarkan strategi yang di bina selaras dengan kehendak pihak kerajaan khususnya membanteras jenayah buli ini secara berterusan dan menjadikan 'Sifar Buli' di negara ini terutama dalam kalangan pelajar sekolah.


03

Objektif Modul Pemerkasaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling di Sekolah



3.1 Objektif Modul Pemerksaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling di Sekolah

Objektif modul pemerksaan menangani buli ini adalah seperti berikut:



3.2 Kesahan & Kebolepercayaan Modul Pemerksaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling di Sekolah

Bahagian ini membincangkan dapatan analisis kajian berkaitan dengan kesahan dan kebolepercayaan Modul Pemerksaan Menangani Buli dalam Perkhidmatan Kaunseling di Sekolah. Penganalisan data dan dapatan kajian diperoleh daripada soal selidik kesahan daripada 10 orang pakar penilai dan pengamal dalam bidang kaunseling yang terdiri daripada pensyarah, pegawai psikologi dan kaunselor. Manakala soal selidik kebolepercayaan yang dijawab oleh 87 orang responden yang terdiri daripada 40 orang pelajar sekolah menengah dan 47 orang guru bimbingan dan kaunseling. Hasil dapatan kesahan menggunakan data deskriptif, kumulatif dan peratusan manakala dapatan kebolepercayaan kajian menggunakan Alpha Cronbach bagi keseluruhan strategi yang diaplikasikan.

3.3 Kesahan Modul Pemerksaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling di Sekolah

Berdasarkan pengubahsuaian daripada Russell (1974), aplikasi yang mempunyai kesahan yang baik adalah menepati ciri-ciri yang telah ditetapkan. Terdapat lima ciri aplikasi yang ditentukan oleh Russell (1974) iaitu;

1. Kandungan modul ini menepati sasaran populasinya,
2. Kandungan modul ini boleh dilaksanakan dengan sempurna,
3. Kandungan modul ini bersesuaian dengan masa yang diperuntukkan,
4. Kandungan modul ini dapat memberi impak positif kepada kaunselor dalam usaha menangani buli di sekolah,
5. Kandungan modul ini boleh meningkatkan kemahiran kaunselor dalam menangani buli di sekolah.

Melalui analisis yang dibuat, kelima-lima ciri yang dikemukakan oleh Russell (1974) telah diikuti dengan baik dalam Modul Pemerksaan Menangani Buli dalam Perkhidmatan Kaunseling di Sekolah. Ini dibuktikan melalui dapatan penilaian oleh 10 orang panel pakar yang menilai kesahan kandungan Modul Pemerksaan Menangani Buli dalam Perkhidmatan Kaunseling di Sekolah yang terdiri daripada panel pakar dan pengamal dalam bidang kaunseling iaitu terdiri daripada pensyarah, pegawai psikologi dan kaunselor. Para panel pakar ini dipilih untuk menilai kesahan kandungan berdasarkan Soal Selidik Kesahan Kandungan Pemerksaan Menangani Buli dan juga disertakan dengan Modul Pemerksaan Menangani Buli dalam Perkhidmatan Kaunseling di Sekolah sebagai panduan penilaian. Dapatan bagi analisis kesahan pakar adalah seperti Jadual 3.1.

Jadual 3.1

Pandangan pakar terhadap kesahan kandungan Modul Pemerkasaan Menangani Buli dalam Perkhidmatan Kaunseling di Sekolah berdasarkan saranan Russell (1974) (n=10)

Bil	Pernyataan	Peratusan Kesahan Kandungan (%)	Pandangan Pakar
1	Kandungan modul ini menepati sasaran populasinya	93.00%	Terima
2	Kandungan modul ini boleh dilaksanakan dengan sempurna	95.00%	Terima
3	Kandungan modul ini bersesuaian dengan masa yang diperuntukkan	92.00%	Terima
4	Kandungan modul ini dapat memberi impak positif kepada kaunselor dalam usaha menangani buli di sekolah	95.00%	Terima
5	Kandungan modul ini boleh meningkatkan kemahiran kaunselor dalam menangani buli di sekolah	97.00%	Terima
6	Keseluruhan Modul Pemerkasaan Menangani Buli dalam Perkhidmatan Kaunseling di Sekolah	94.40%	Terima

Jadual 3.2

Analisis kesahan pakar terhadap kesahan kandungan berdasarkan kesesuaian sesi dan aktiviti berdasarkan saranan Mohammad Aziz Shah (2010) (n=10)

Strategi	Aktiviti	Jumlah Skor	Peratusan Kesahan (%)	Pandangan Pakar
Bahagian 1				
Strategi 1	Pengenalan modul pemerkasaan menangani buli dalam perkhidmatan kaunseling di sekolah	279	93.00%	Terima
	Aktiviti 1: Suai kenal / Ice-breaking	89	89.00%	Terima
	Aktiviti 2: Pengenalan modul pemerkasaan menangani buli dalam perkhidmatan kaunseling di sekolah	89	89.00%	Terima
	Aktiviti 3: Tayangan video buli	92	92.00%	Terima
Strategi 2	Matlamat, definisi dan konsep modul pemerkasaan menangani buli dalam perkhidmatan kaunseling di sekolah	273	91.00%	Terima
	Aktiviti 1: Focus point	88	88.00%	Terima
	Aktiviti 2: Rantaian jiwa	92	92.00%	Terima
	Aktiviti 3: Kau rasa aku rasa	92	92.00%	Terima

Modul Pemeraksanaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah

Strategi	Aktiviti	Jumlah Skor	Peratusan Kesahan (%)	Pandangan Pakar
Bahagian 1				
Strategi 3	Jenis-jenis buli, faktor-faktor buli dan implikasi buli	269	89.60%	Terima
	Aktiviti sendiri 1: Tusukan hempedu	89	89.00%	Terima
	Aktiviti sendiri 2: Sembilang laut	89	89.00%	Terima
	Aktiviti sendiri 3: Dunia batinku	91	91.00%	Terima
Strategi 4	Pengurusan disiplin di sekolah dan peranan setiap pihak	164	82.00%	Terima
	Aktiviti sendiri 1: Pejuang	91	91.00%	Terima
	Aktiviti sendiri 2: Pahlawanku	91	91.00%	Terima
Strategi 5	Modul pemeraksanaan menangani buli dalam perkhidmatan kaunseling di sekolah	176	88.00%	Terima
	Aktiviti 1: Sinaran kegemerlapan	89	89.00%	Terima
	Aktiviti 2: Muka pintu	87	87.00%	Terima

Modul Pemeraksanaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah

Strategi	Aktiviti	Jumlah Skor	Peratusan Kesahan (%)	Pandangan Pakar
Bahagian 1				
Strategi 6	Modul pemeraksanaan buli peringkat perkembangan	181	90.50%	Terima
	Aktiviti 1: Rantaian hati	91	91.00%	Terima
	Aktiviti 2: Teratai malam	90	90.00%	Terima
Strategi 7	Modul pemeraksanaan buli peringkat pemulihan	181	90.50%	Terima
	Aktiviti 1: Cahaya bulan	90	90.00%	Terima
	Aktiviti 2: Pancaran matahari	91	91.00%	Terima
Strategi 8	Aplikasi orientasi pencegahan, orientasi perkembangan dan orientasi pemulihan	184	92.00	Terima
	Aktiviti 1: Cermin kaca	92	92.00%	Terima
	Aktiviti 2; Pusaran air	92	92.00%	Terima

Modul Pemerksaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah

Strategi	Aktiviti	Jumlah Skor	Peratusan Kesahan (%)	Pandangan Pakar
Bahagian 2				
Strategi 9	Peraturan umum jangan buli	85	85.00%	Terima
	Aktiviti 1: Jiwa terseksa	85	85.00%	Terima
Strategi 10	Tindakan menangani kes buli	86	86.00%	Terima
	Aktiviti 1: Kegemilangan	86	86.00%	Terima
Strategi 11	Tips-tips memperkasa menangani buli	89	89.00%	Terima
	Aktiviti 1: Keabadian jiwa	89	89.00%	Terima
Strategi 12	Peti aduan mangsa buli / pemerhati buli	86	86.00%	Terima
	Aktiviti 1: Keharmonian cinta	86	86.00%	Terima
Keseluruhan modul pemerksaan menangani buli dalam perkhidmatan kaunseling di sekolah		2053	89.26%	Terima

3.4 Kebolepercayaan Modul Pemerksaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling di Sekolah

Seperti soal selidik kajian, pembinaan Modul Pemerksaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah juga diuji kebolepercayaannya untuk melihat sama ada modul tersebut boleh diterima pakai atau perlu dibaiki lagi. Sidek (2005) menjelaskan bahawa terdapat dua kaedah untuk menguji kebolepercayaan sesuatu modul iaitu melalui langkah-langkah dalam setiap aktiviti atau melalui objektif dalam sesuatu kandungan modul. Oleh yang demikian, Sidek dan Jamaludin (2005) merumuskan untuk menguji nilai pekali kebolepercayaan setiap sesuatu modul, kaedah menggubal soal selidik atau item-item soalan berdasarkan langkah-langkah aktiviti modul atau berdasarkan objektif-objektif modul tersebut boleh dilakukan. Modul dikatakan memenuhi syarat pembinaan modul dan sudah boleh digunakan jika modul tersebut mencapai objektif pembinaan modul dan memberikan impak yang baik (Sidek, 2005). Soal selidik yang dibina ini mempunyai 60 item dan dilaksanakan ke atas 87 orang responden yang telah mengikuti modul yang terdiri dalam kalangan pelajar sekolah menengah dan guru bimbingan dan kaunseling. Dapatan kajian kebolepercayaan dianalisis dengan menggunakan SPSS 21.0.

Jadual 3.3
 Nilai kebolehpercayaan modul pemerksaan menangani buli dalam perkhidmatan kaunseling di sekolah (n=40) pelajar sekolah

Strategi	Aktiviti / Pengisian	Nilai Pekali Kebolehpercayaan	Keputusan
Strategi 1	Pengenalan modul pemerksaan menangani buli dalam perkhidmatan kaunseling di sekolah	.864	Tinggi
	Aktiviti 1: Suai kenal / Ice-breaking	.866	Tinggi
	Aktiviti 2: Pengenalan modul pemerksaan menangani buli dalam perkhidmatan kaunseling di sekolah	.846	Tinggi
	Aktiviti 3: Tayangan video buli	.858	Tinggi
Strategi 2	Matlamat, definisi dan konsep modul pemerksaan menangani buli dalam perkhidmatan kaunseling di sekolah	.843	Tinggi
	Aktiviti 1: Focus point	.830	Tinggi
	Aktiviti 2: Rangkaian jiwa	.836	Tinggi
	Aktiviti 3: Kau rasa aku rasa	.823	Tinggi
Strategi 3	Jenis-jenis buli, faktor-faktor buli dan implikasi buli	.869	Tinggi
	Aktiviti sendiri 1: Tusukan hempedu	.841	Tinggi
	Aktiviti sendiri 2: Sembilang laut	.856	Tinggi
	Aktiviti sendiri 3: Dunia batinku	.870	Tinggi

Jadual 3.3

Nilai kebolehppercayaan modul pemeraksanaan menangani buli dalam perkhidmatan kaunseling di sekolah (n=40) pelajar sekolah

Strategi	Aktiviti / Pengisian	Nilai Pekali Kebolehppercayaan	Keputusan
Strategi 4	Pengurusan disiplin di sekolah dan peranan setiap pihak	.838	Tinggi
	Aktiviti sendiri 1: Pejuang	.798	Sederhana
	Aktiviti sendiri 2: Pahlawanku	.800	Tinggi
Strategi 5	Modul pemeraksanaan menangani buli dalam perkhidmatan kaunseling di sekolah	.803	Tinggi
	Aktiviti 1: Sinaran kegemerlapan	.784	Sederhana
	Aktiviti 2: Muka pintu	.817	Tinggi
Strategi 6	Modul pemeraksanaan buli peringkat perkembangan	.802	Tinggi
	Aktiviti 1: Rantaian hati	.763	Sederhana
	Aktiviti 2: Teratai malam	.815	Tinggi
Strategi 7	Modul pemeraksanaan buli peringkat pemulihan	.834	Tinggi
	Aktiviti 1: Cahaya bulan	.834	Tinggi
	Aktiviti 2: Pancaran matahari	.782	Sederhana

Jadual 3.3
 Nilai kebolehpercayaan modul pemeraksanaan menangani buli dalam perkhidmatan kaunseling di sekolah (n=40) pelajar sekolah

Strategi	Aktiviti / Pengisian	Nilai Pekali Kebolehpercayaan	Keputusan
Strategi 8	Aplikasi orientasi pencegahan, orientasi perkembangan dan orientasi pemulihan	.938	Tinggi
	Aktiviti 1: Cermin kaca	.916	Tinggi
	Aktiviti 2; Pusaran air	.954	Tinggi
Strategi 9	Peraturan umum jangan buli	.874	Tinggi
	Aktiviti 1: Jiwa terseksa	.834	Tinggi
Strategi 10	Tindakan menangani kes buli	.868	Tinggi
	Aktiviti 1: Kegemilangan	.830	Tinggi
Strategi 11	Tips-tips memperkasa menangani buli	.823	Tinggi
	Aktiviti 1: Keabadian jiwa	.738	Sederhana
Strategi 12	Peti aduan mangsa buli / pemerhati buli	.874	Tinggi
	Aktiviti 1: Keharmonian cinta	.838	Tinggi
Keseluruhan modul pemeraksanaan menangani buli dalam perkhidmatan kaunseling di sekolah <i>Aras signifikan 0.5</i>		.967	Tinggi

Berdasarkan dapatan nilai kebolehpercayaan dalam jadual 3.4 di atas yang dijalankan ke atas 40 pelajar sekolah menengah. Nilai pekali kebolehpercayaan yang diperolehi iaitu nilai pekali kebolehpercayaan bagi pelajar sekolah menengah ialah .967. Ini menunjukkan Modul Pemeraksanaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi.

Jadual 3.4

Nilai kebolehpercayaan modul pemeraksanaan menangani buli dalam perkhidmatan kaunseling di sekolah (n=47) guru bimbingan dan kaunseling

Strategi	Aktiviti / Pengisian	Nilai Pekali Kebolehpercayaan	Keputusan
Strategi 1	Pengenalan modul pemeraksanaan menangani buli dalam perkhidmatan kaunseling di sekolah	.859	Tinggi
	Aktiviti 1: Suai kenal / Ice-breaking	.840	Tinggi
	Aktiviti 2: Pengenalan modul pemeraksanaan menangani buli dalam perkhidmatan kaunseling di sekolah	.839	Tinggi
	Aktiviti 3: Tayangan video buli	.852	Tinggi
Strategi 2	Matlamat, definisi dan konsep modul pemeraksanaan menangani buli dalam perkhidmatan kaunseling di sekolah	.822	Tinggi
	Aktiviti 1: Focus point	.806	Tinggi
	Aktiviti 2: Rantaian jiwa	.809	Tinggi
	Aktiviti 3: Kau rasa aku rasa	.806	Tinggi
Strategi 3	Jenis-jenis buli, faktor-faktor buli dan implikasi buli	.877	Tinggi
	Aktiviti sendiri 1: Tusukan hempedu	.850	Tinggi
	Aktiviti sendiri 2: Sembilang laut	.862	Tinggi
	Aktiviti sendiri 3: Dunia batinku	.872	Tinggi

Jadual 3.4

Nilai kebolehppercayaan modul pemeraksanaan menangani buli dalam perkhidmatan kaunseling di sekolah (n=47) guru bimbingan dan kaunseling

Strategi	Aktiviti / Pengisian	Nilai Pekali Kebolehppercayaan	Keputusan
Strategi 4	Pengurusan disiplin di sekolah dan peranan setiap pihak	.854	Tinggi
	Aktiviti sendiri 1: Pejuang	.811	Sederhana
	Aktiviti sendiri 2: Pahlawanku	.828	Tinggi
Strategi 5	Modul pemeraksanaan menangani buli dalam perkhidmatan kaunseling di sekolah	.777	Sederhana
	Aktiviti 1: Sinaran kegemerlapan	.743	Sederhana
	Aktiviti 2: Muka pintu	.798	Sederhana
Strategi 6	Modul pemeraksanaan buli peringkat perkembangan	.801	Tinggi
	Aktiviti 1: Rangkaian hati	.782	Sederhana
	Aktiviti 2: Teratai malam	.762	Sederhana
Strategi 7	Modul pemeraksanaan buli peringkat pemulihan	.807	Tinggi
	Aktiviti 1: Cahaya bulan	.796	Sederhana
	Aktiviti 2: Pancaran matahari	.770	Sederhana

Jadual 3.4

Nilai kebolehpercayaan modul pemeraksanaan menangani buli dalam perkhidmatan kaunseling di sekolah (n=47) guru bimbingan dan kaunseling

Strategi	Aktiviti / Pengisian	Nilai Pekali Kebolehpercayaan	Keputusan
Strategi 8	Aplikasi orientasi pencegahan, orientasi perkembangan dan orientasi pemulihan	.930	Tinggi
	Aktiviti 1: Cermin kaca	.899	Tinggi
	Aktiviti 2; Pusaran air	.952	Tinggi
Strategi 9	Peraturan umum jangan buli	.835	Tinggi
	Aktiviti 1: Jiwa terseksa	.788	Sederhana
Strategi 10	Tindakan menangani kes buli	.759	Sederhana
	Aktiviti 1: Kegemilangan	.847	Tinggi
Strategi 11	Tips-tips memperkasa menangani buli	.840	Tinggi
	Aktiviti 1: Keabadian jiwa	.775	Sederhana
Strategi 12	Peti aduan mangsa buli / pemerhati buli	.846	Tinggi
	Aktiviti 1: Keharmonian cinta	.803	Tinggi
Keseluruhan modul pemeraksanaan menangani buli dalam perkhidmatan kaunseling di sekolah <i>Aras signifikan 0.5</i>		.970	Tinggi

Berdasarkan dapatan nilai kebolehpercayaan dalam jadual 3.4 di atas yang dijalankan ke atas 47 guru bimbingan dan kaunseling. Nilai pekali kebolehpercayaan yang diperolehi iaitu nilai pekali kebolehpercayaan bagi guru bimbingan dan kaunseling ialah .970. Ini menunjukkan Modul Pemeraksanaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi.

Rumusan

Kajian ini berjaya membuktikan bahawa Modul Pemeraksanaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah merupakan satu modul yang dapat membantu dalam usaha memperkasakan menangani buli di sekolah – sekolah di seluruh Malaysia. Modul ini juga merupakan satu platform yang dapat menghasilkan individu yang lebih cemerlang dalam aspek pemikiran emosi dan tingkah laku seterusnya dapat diaplikasikan dalam hidup seharian.

04

Pengenalan Modul Pemerkasaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling di Sekolah



Bahagian ini merupakan satu bahagian yang mengupas strategi-strategi yang dibina dalam Modul Pemerksaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah yang terdiri daripada dua bahagian iaitu bahagian I dan bahagian II. Strategi-strategi tersebut ialah :

Bahagian I



Strategi 1: Pengenalan modul pemerksaan menangani buli dalam perkhidmatan kaunseling di sekolah

Strategi 2: Matlamat, definisi dan konsep modul pemerksaan menangani buli dalam perkhidmatan kaunseling di sekolah

Strategi 3: Jenis-jenis buli, faktor-faktor buli dan implikasi buli

Strategi 4: Pengurusan disiplin di sekolah dan peranan setiap pihak

Strategi 5: Modul pemerksaan buli peringkat pencegahan

Strategi 6: Modul pemerksaan buli peringkat perkembangan

Strategi 7: Modul pemerksaan buli peringkat pemulihan

Strategi 8: Aplikasi orientasi pencegahan, perkembangan dan pemulihan

Bahagian II


Strategi 9: Peraturan umum jangan buli

Strategi 10: Tindakan menangani kes buli

Strategi 11: Tips-tips menangani buli

Strategi 12: Peti aduan mangsa buli / pemerhati buli





Strategi 1

Pengenalan Modul Pemeraksanaan Menangani Buli

Aktiviti	Masa	Lampiran
Aktiviti sendiri 1: Suai kenal / <i>Ice breaking</i>	30 minit	Nota & latihan
Aktiviti sendiri 2: Pengenalan Modul Pemeraksanaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah	30 minit	Nota & latihan
Aktiviti sendiri 3: Tayangan video buli	30 minit	Nota & latihan

Sinopsis :

Strategi 1 melampirkan nota bacaan bagi pengenalan kepada Modul Pemeraksanaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah dan mengandungi tiga aktiviti sendiri iaitu suai kenal / *ice-breaking*, pengenalan modul pemeraksanaan menangani buli dalam perkhidmatan kaunseling di sekolah dan tayangan video buli yang mana kesemua aktiviti ini mengambil masa 90 minit untuk dijalankan. Dalam strategi ini juga membentuk aktiviti sendiri kepada peserta yang mana aktiviti tersebut mengandungi latihan yang memerlukan peserta untuk berfikir, memahami dan mengetahui secara mendalam konsep modul ini seterusnya meningkatkan semangat dalam memperkasa usaha menangani buli.

Strategi 1

Pengenalan Modul Pemerkasaan Menangani Buli

STRATEGI 1: AKTIVITI 1

SUAI KENAL / ICE-BREAKING

Jangka masa	: 30 minit
Bilangan peserta	: 10 - 50 orang
Tempat	: Kelas atau dewan yang bersesuaian dengan jumlah peserta
Keperluan / alatan	: 1. Alat tulis 2. Aktiviti sendiri 1: suai kenal / <i>ice breaking</i>
Objektif	: 1. Mengenali antara satu sama lain dengan lebih dekat dan mendalam di samping menjalin hubungan yang baik dan mesra agar lebih mudah berinteraksi. 2. Mengenali fasilitator dengan lebih baik supaya dapat mengurangkan halangan dalam berinteraksi. 3. Mengetahui dan memahami kepentingan suai kenal dalam membentuk pasukan yang mantap serta membina hubungan yang baik agar dapat memberikan kerjasama semasa melakukan aktiviti berpasukan.
Proses pelaksanaan aktiviti	: 1. Fasilitator memberi kata alu-aluan ringkas dan memperkenalkan diri kepada peserta program dan menerangkan aktiviti yang dijalankan. 2. Peserta akan diarahkan agar berada dalam kumpulan mengikut warna kulit Modul Pemerkasaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah edisi peserta yang telah diberikan kepada mereka semasa mereka mendaftar. Mereka akan membuat bulatan mengikut kumpulan warna kulit modul tersebut. 3. Fasilitator memaklumkan kepada semua peserta bahawa sesi berkenalan adalah penting untuk semua peserta dan petugas untuk mereka mengenali ahli dalam kumpulan. 4. Fasilitator akan menerangkan sesi suai kenal adalah dalam bentuk permainan yang mana fasilitator boleh membuat pilihan untuk melakukan permainan tersebut. Aktiviti ini terbahagi kepada Minda Emas, Gagak dan Merpati, Pemimpin dan Kita Ditakdirkan Bersama.

Strategi 1

Pengenalan Modul Pemerkasaan Menangani Buli

STRATEGI 1: AKTIVITI 1

SUAI KENAL / ICE-BREAKING

Proses pelaksanaan aktiviti : 5. Fasilitator membuat rumusan dan memberi penegasan aktiviti kepada peserta iaitu:

- peserta mengenali antara satu sama lain dan dapat memberikan kerjasama yang sebaiknya dalam kumpulan walaupun mereka buat kali pertama berada dalam satu kumpulan.

LAMPIRAN S1 A1

PILIHAN AKTIVITI A: MINDA EMAS

PILIHAN AKTIVITI A - MINDA EMAS

1. Peserta akan menggunakan kulit depan modul bersaiz A4 dan diarahkan menulis perkara berikut diatas kertas berkenaan:
 - Nama penuh
 - Nama panggilan
 - Umur
 - Tempat Tinggal
 - Tingkatan
2. Setiap kumpulan akan mempunyai seorang fasilitator dan 10 orang ahli dalam satu bulatan.
3. Fasilitator meminta semua peserta untuk memperkenalkan diri sendiri dalam kumpulan mengikut apa yang tercatat diatas kertas mereka.
4. Kemudian fasilitator akan meminta setiap ahli kumpulan untuk memperkenalkan ahli kumpulan mereka yang lain. Siapa yang dapat mengingat ahli kumpulan dengan betul seperti yang telah diberitahu dan dapat mengingat semua ahli dalam kumpulannya adalah seorang yang mempunyai ingatan yang kuat dan mendapat gelaran “minda emas”.
5. Pengajaran permainan ini adalah:
 - Peserta akan termotivasi untuk mengingat semua ahli kumpulannya berbanding ahli lain untuk mendapatkan gelaran “minda emas”.
 - Melalui permainan ini juga akan membolehkan setiap ahli kumpulan mengenali dan mengingat antara satu sama lain dalam kumpulan.

AKTIVITI KENDIRI S1 A1

MINDA EMAS - LAMPIRAN / LATIHAN

PILIHAN AKTIVITI A - MINDA EMAS

KULIT DEPAN
MODUL PEMERKASAAN MENANGANI BULI

WARNA KULIT MODUL

MERAH	
PINK	
BIRU	
HIJAU	
KUNING	
OREN	

MINDA EMAS

NAMA PENUH

UMUR

TEMPAT TINGGAL

NAMA PANGGILAN

TINGKATAN

Panduan: Tandakan warna kulit depan modul anda dan nyatakan maklumat diri anda seperti yang dinyatakan

PILIHAN AKTIVITI B: GAGAK DAN MERPATI

1. Fasilitator mengedarkan sekeping kertas bersaiz A4 kepada ahli setiap kumpulan.
2. Setiap ahli kumpulan diminta melipatkan kertas A4 kepada dua bahagian. Setiap ahli diminta menulis 'positif' pada satu bahagian lipatan dan satu bahagian lagi ahli kumpulan perlu menulis 'negatif'.
3. Fasilitator menerangkan kepada ahli kumpulan untuk menulis perkara-perkara positif dan negatif yang ada dalam diri setiap ahli kumpulan. Setiap ahli kumpulan di minta untuk menulis 5 perkara positif dan 5 perkara negatif tentang diri mereka. Masa yang diberikan kepada setiap ahli kumpulan adalah 5 minit.
4. Setelah tamat masa, fasilitator meminta ahli kumpulan memberitahu tentang sifat positif dan negatif mereka dan fasilitator perlu menegaskan bahawa sifat positif perlu dikekalkan dan sifat negatif perlu di buang jauh-jauh dari dalam diri.
5. Fasilitator menjelaskan di akhir permainan bahawa Gagak merupakan burung yang berwarna hitam mewakili sifat negatif manakala Merpati merupakan burung yang berwarna putih dan mewakili sifat positif yang mana burung-burung tersebut mempunyai identiti tersendiri iaitu Gagak dengan sikap sombongnya dan Merpati dengan sifat jinaknya.
6. Permainan ini mendedahkan kepada seseorang bahawa:
 - Setiap individu perlu tahu sikap positif dan negatif dalam diri supaya mereka lebih mengenali diri masing-masing sebaiknya.
 - Setiap individu perlu mengekalkan sifat positif dalam diri supaya mereka dapat menjalani kehidupan dengan baik manakala sifat negatif perlu dibuang jauh-jauh agar hidup mereka tidak merana dan sengsara kelak.

AKTIVITI KENDIRI S1 A1

GAGAK DAN MERPATI - LAMPIRAN / LATIHAN

PILIHAN AKTIVITI B: GAGAK DAN MERPATI

MERPATI (POSITIF)	GAGAK (NEGATIF)

Panduan: Nyatakan sifat positif dan sifat negatif anda di ruangan yang disediakan.

PILIHAN AKTIVITI C: PEMIMPIN

1. Fasilitator mengedarkan fail poket kepada peserta.
2. Dalam fail poket tersebut telah disediakan keping gambar pemimpin yang telah dipotong.
3. Fasilitator menerangkan kepada peserta untuk mencari ahli kumpulannya dengan mencantumkan kepingan gambar yang telah dibekalkan kepada mereka di dalam fail poket.
4. Fasilitator memberikan masa selama 10 minit kepada peserta untuk mencantumkan dan membentuk kumpulan mereka.
5. Setelah tamat masa, fasilitator meminta peserta memperkenalkan kumpulan mereka dengan menyebut nama gambar pemimpin yang telah mereka perolehi.
6. Fasilitator menjelaskan di akhir permainan bahawa untuk berkenalan dan mengenali seseorang kita perlu aktif mencari dan membuang sifat malu bertanya supaya hidup kita tidak diselubungi sikap sombong yang tidak mahu bekerjasama atau tidak mahu berinteraksi dengan orang lain.

AKTIVITI KENDIRI S1 A1

PEMIMPIN - LAMPIRAN / LATIHAN

PILIHAN AKTIVITI C: PEMIMPINI



(Gambar hiasan)

Berikan refleksi anda terhadap aktiviti ini.

A large, empty rectangular box with a black border, intended for students to write their reflections on the activity.

Panduan: Cari ahli kumpulan anda melalui kepingan gambar yang telah dibekalkan. Cantumkan gambar tersebut dan membentuk kumpulan. Seterusnya, nyatakan refleksi anda mengenai aktiviti ini.

PILIHAN AKTIVITI D: KITA DITAKDIRKAN BERSAMA

1. Fasilitator memberi belon kepada peserta dan meminta peserta meniup belon tersebut seterusnya belon tersebut diikat.
2. Setiap peserta diminta untuk melambungkan belon-belon tersebut ke atas dan bertukar tukar melambung belon tersebut dengan peserta lain sepanjang lagu dimainkan.
3. Dalam tempoh 3 minit setelah belon itu dilambungkan, fasilitator akan memberhentikan aktiviti tersebut dengan meminta peserta mengambil belon tersebut iaitu satu belon satu peserta tanpa belon tersebut meletup.
4. Setelah peserta memegang belon masing-masing, peserta memaklumkan bahawa peserta perlu berkumpul mengikut warna belon yang telah mereka perolehi.
5. Di akhir permainan ini, fasilitator menjelaskan bahawa setiap perkenalan itu adalah satu anugerah yang menyeronokkan walaupun kita tidak sedar bahawa perbuatan kita mendorong kita untuk berkenalan atau bersahabat dengan orang lain.

AKTIVITI KENDIRI S1 A1

KITA DITAKDIRKAN BERSAMA - LAMPIRAN / LATIHAN

PILIHAN AKTIVITI D: KITA DITAKDIRKAN BERSAMA



Panduan: Ambil satu belon dan warna belon yang melambangkan kumpulan anda.

Strategi 1

Pengenalan Modul Pemerksaan Menangani Buli

STRATEGI 1: AKTIVITI 2

PENGENALAN MODUL PEMERKASAAN MENANGANI BULI

Jangka masa	: 30 minit
Bilangan peserta	: 10 - 50 orang
Tempat	: Kelas atau dewan yang bersesuaian dengan jumlah peserta
Keperluan / alatan	: 1. Alat tulis 2. Aktiviti sendiri 2: Pengenalan Modul Pemerksaan Menangani
Objektif	: Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah 1. Menjelaskan mengenai pembinaan Modul Pemerksaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah. 2. Menerangkan mengenai fungsi Modul Pemerksaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah dalam usaha menangani isu buli.
Proses pelaksanaan aktiviti	: 1. Fasilitator menjelaskan mengenai Modul Pemerksaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah dengan menerangkan secara ringkas mengenai strategi-strategi yang terdapat dalam modul tersebut, definisi buli dan objektif modul secara ringkas. 2. Fasilitator menjelaskan kepada ahli kumpulan mengenai aktiviti yang dijalankan iaitu ahli kumpulan dikehendaki menjawab aktiviti sendiri 2.1 mengenai apa yang mereka faham mengenai buli dan peserta diberi masa 10 minit untuk menjawab aktiviti tersebut. 3. Fasilitator meminta setiap ahli kumpulan memberitahu dan menjelaskan apa yang mereka faham mengenai buli kepada ahli kumpulan. 4. Fasilitator menjelaskan peneguhan aktiviti yang dijalankan iaitu: <ul style="list-style-type: none">• Peserta dapat melihat gambaran Modul Pemerksaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah yang akan membantu mereka dalam usaha menangani masalah buli.• Peserta mula memikirkan dan memahami mengenai maksud buli yang lahir dari pandangan setiap ahli kumpulan yang mana mungkin sebelum ini mereka tidak mengetahui atau tidak dapat gambaran mengenai buli tersebut.


**AKTIVITI KENDIRI S1
A2**

**PENGENALAN MODUL PEMERKASAAN MENANGANI BULI DALAM
PERKHIDMATAN KAUNSELING DI SEKOLAH - LAMPIRAN / LATIHAN**

Apa yang anda faham mengenai buli?



Panduan: Nyatakan maksud buli mengikut kefahaman anda.



PILIHAN AKTIVITI D: KITA DITAKDIRKAN BERSAMA

1. Fasilitator memberi belon kepada peserta dan meminta peserta meniup belon tersebut seterusnya belon tersebut diikat.
2. Setiap peserta diminta untuk melambungkan belon-belon tersebut ke atas dan bertukar tukar melambung belon tersebut dengan peserta lain sepanjang lagu dimainkan.
3. Dalam tempoh 3 minit setelah belon itu dilambungkan, fasilitator akan memberhentikan aktiviti tersebut dengan meminta peserta mengambil belon tersebut iaitu satu belon satu peserta tanpa belon tersebut meletup.
4. Setelah peserta memegang belon masing-masing, peserta memaklumkan bahawa peserta perlu berkumpul mengikut warna belon yang telah mereka perolehi.
5. Di akhir permainan ini, fasilitator menjelaskan bahawa setiap perkenalan itu adalah satu anugerah yang menyeronokkan walaupun kita tidak sedar bahawa perbuatan kita mendorong kita untuk berkenalan atau bersahabat dengan orang lain.

Strategi 1

Pengenalan Modul Pemerkasaan Menangani Buli

STRATEGI 1: AKTIVITI 3

TAYANGAN VIDEO

Jangka masa	: 30 minit
Bilangan peserta	: 10 - 50 orang
Tempat	: Kelas atau dewan yang bersesuaian dengan jumlah peserta
Keperluan / alatan	: 1. Alat tulis 2. Aktiviti sendiri 3: video buli
Objektif	: 1. Memberi satu gambaran sebenar kejadian buli yang berlaku pada dunia hari ini. 2. Menerangkan mengenai fungsi Modul Pemerkasaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah dalam usaha menangani isu buli.
Proses pelaksanaan aktiviti	: 1. Fasilitator menayangkan video mengenai kejadian buli yang berlaku di sekolah. 2. Fasilitator meminta kepada ahli kumpulan untuk menjawab aktiviti sendiri yang disediakan mengenai apa yang mereka perolehi setelah menonton video buli tersebut. Peserta diberi masa 10 minit untuk menjawab aktiviti tersebut. 3. Fasilitator meminta wakil ahli kumpulan untuk berkongsi mengenai aktiviti yang telah dijawab. 4. Fasilitator menjelaskan peneguhan aktiviti yang dijalankan iaitu peserta dapat melihat gambaran secara jelas mengenai kegiatan buli yang berlaku secara berleluasa. Di akhirnya, peserta mula memikirkan dan memahami risiko terhadap kegiatan buli yang berlaku di negara ini sekiranya terus tidak dibendung.

AKTIVITI KENDIRI S1 A3

TAYANGAN VIDEO - LAMPIRAN / LATIHAN

Apakah yang anda lihat berdasarkan video yang ditayangkan sebentar tadi?



Apakah perasaan anda semasa menonton video tersebut?



Panduan: Jawab soalan diruangan yang telah disediakan.

AKTIVITI KENDIRI S1 A3

TAYANGAN VIDEO - LAMPIRAN / LATIHAN

Sekiranya anda atau ahli keluarga anda berada di situasi mangsa buli, apakah tindakan yang akan dilakukan?



Panduan: Jawab soalan diruangan yang telah disediakan.

LAMPIRAN S1 A3

TAYANGAN VIDEO BULI




**AKTIVITI KENDIRI S1
A2**

**PENGENALAN MODUL PEMERKASAAN MENANGANI BULI DALAM
PERKHIDMATAN KAUNSELING DI SEKOLAH - LAMPIRAN / LATIHAN**

Apa yang anda faham mengenai buli?



Panduan: Nyatakan maksud buli mengikut kefahaman anda.



Strategi 2

Matlamat, Definisi & Konsep Modul Pemerkasaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah

Aktiviti	Masa	Lampiran
Aktiviti sendiri 1: <i>Focus point</i>	30 minit	Nota & latihan
Aktiviti sendiri 2: Rantaian jiwa	30 minit	Nota & latihan
Aktiviti sendiri 3: Kau rasa aku rasa	30 minit	Keratan kes buli & latihan

Sinopsis :

Strategi 2 melampirkan nota bacaan bagi maklumat mengenai matlamat, definisi dan konsep Modul Pemerkasaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah dan kajian kes buli yang dilaporkan dalam media massa. Dalam strategi ini juga membentuk tiga aktiviti sendiri iaitu *focus point*, rantaian jiwa dan kau rasa aku rasa yang mana kesemua aktiviti ini mengambil masa 90 minit untuk dijalankan. Aktiviti sendiri dijalankan kepada peserta yang mana aktiviti tersebut mengandungi latihan yang memerlukan peserta untuk berfikir, mendalami dan merasai situasi sekiranya berada dalam situasi berhadapan kejadian buli sama ada pernah mengalami atau membayangkannya.

Strategi 2

Matlamat, Definisi & Konsep Modul Pemerkasaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah

STRATEGI 2: AKTIVITI 1

FOCUS POINT

Jangka masa	: 30 minit
Bilangan peserta	: 10 - 50 orang
Tempat	: Kelas atau dewan yang bersesuaian dengan jumlah peserta
Keperluan / alatan	: 1. Alat tulis 2. Aktiviti sendiri 1: <i>Focus point</i>
Objektif	: 1. Memberi kefahaman, kesedaran, pengetahuan dan penilaian kepada warga sekolah khususnya dan ibu bapa penjaga pelajar secara umumnya tentang perlakuan gejala buli dan kesan yang ditinggalkannya. 2. Memberi pemahaman dan penghayatan peranan dan kefungsiannya masing-masing dalam pelaksanaan strategi dan pelan tindakan di peringkat sekolah untuk mencegah dan mengatasi gejala buli secara serius.
Proses pelaksanaan aktiviti	: 1. Fasilitator menjelaskan mengenai aktiviti yang akan dijalankan. 2. Fasilitator menerangkan secara ringkas mengenai matlamat Modul Pemerkasaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah yang mana perkara yang perlu diberikan perhatian khusus iaitu titikfokus (<i>focus point</i>) kepada pencapaian dalam menangani masalah buli. 3. Fasilitator menjelaskan kepada ahli kumpulan mengenai aktiviti yang dijalankan iaitu ahli kumpulan dikehendaki menjawab aktiviti sendiri 1.1 mengenai apa yang mereka faham mengenai matlamat Modul Pemerkasaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah dan peserta diberi masa 10 minit untuk menjawab aktiviti tersebut. 4. Fasilitator a.meminta setiap ahli kumpulan memberitahu dan menjelaskan apa yang mereka faham mengenai matlamat Modul Pemerkasaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah kepada ahli kumpulan.

Strategi 2

Matlamat, Definisi & Konsep Modul Pemerkasaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah

STRATEGI 2: AKTIVITI 1

FOCUS POINT

Proses pelaksanaan aktiviti


- : 5. Fasilitator menjelaskan peneguhan aktiviti yang dijalankan iaitu:
- Peserta dapat melihat matlamat Modul Pemerkasaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah yang akan membantu mereka dalam usaha menangani masalah buli.
 - Peserta mula memikirkan dan memahami mengenai matlamat Modul Pemerkasaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah yang memfokuskan kepada menangani masalah buli secara lebih praktikal.

**AKTIVITI KENDIRI S2
A1**

FOCUS POINT - LAMPIRAN / LATIHAN

Pada pandangan anda, apakah tujuan Modul Pemeraksanaan Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah ini dilaksanakan?

Panduan: Nyatakan kefahaman mengenai tujuan modul ini dilaksanakan.




**AKTIVITI KENDIRI S2
A1**

FOCUS POINT - LAMPIRAN / LATIHAN

**Pernahkah anda terlibat, terlihat atau terdengar mengenai kejadian buli?
Kongsikan pengalaman anda.**



Panduan: Tulis pengalaman hidup anda mengenai buli diruangan yang disediakan.



STRATEGI 2: AKTIVITI 2

RANTAIAN JIWA

Jangka masa	: 30 minit
Bilangan peserta	: 10 - 50 orang
Tempat	: Kelas atau dewan yang bersesuaian dengan jumlah peserta
Keperluan / alatan	: 1. Alat tulis 2. Aktiviti sendiri 2: Rantaian jiwa
Objektif	: 1. Memberi pengetahuan dan kesedaran secara lebih mendalam mengenai definisi buli dan konsep Modul Pemeraksanaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah. 2. Memberi pemahaman dan penghayatan mengenai definisi buli yang kadangkala dilihat satu perbuatan yang biasa namun sebenarnya perbuatan tersebut mendorong kepada perbuatan buli.
Proses pelaksanaan aktiviti	: 1. Fasilitator menjelaskan mengenai aktiviti yang akan dijalankan. 2. Fasilitator menerangkan secara ringkas konsep rantaian jiwa dan menjelaskan mengenai definisi buli dan konsep bagi Modul Pemeraksanaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah. Rantaian jiwa merupakan satu simbol jiwa dirantai dengan kefahaman dan kesedaran mengenai definisi buli. Definisi buli yang sebenar perlu dijelaskan, diterapkan dan ditanam di dalam jiwa supaya kita sentiasa sedar dan berwaspada terhadap tindakan yang dilakukan tidak mendorong kepada kejadian buli. 3. Fasilitator menjelaskan kepada ahli kumpulan mengenai aktiviti yang dijalankan iaitu ahli kumpulan dikehendaki menjawab aktiviti sendiri 2.1 dan aktiviti sendiri 2.2 mengenai apa yang mereka faham mengenai definisi buli dan konsep Modul Pemeraksanaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah. Peserta diberi masa 10 minit untuk menjawab aktiviti tersebut. 4. Fasilitator meminta setiap ahli kumpulan memberitahu dan menjelaskan apa yang mereka faham mengenai definisi dan konsep Modul Pemeraksanaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah kepada ahli kumpulan. 5. Fasilitator menjelaskan penegasan aktiviti yang dijalankan iaitu: <ul style="list-style-type: none">• Peserta dapat melihat definisi dan konsep Modul Pemeraksanaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah yang akan membantu mereka dalam usaha memahami masalah buli.• Peserta mula berwaspada dengan tindakan atau perbuatan mereka agar tidak terdorong kepada kegiatan buli.

AKTIVITI KENDIRI S2 A2

RANTAI JIWA - LAMPIRAN / LATIHAN

Apakah definisi buli?

Jelaskan secara ringkas apa yang anda faham mengenai konsep Modul Pemerkasaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah?

Panduan: Jawab soalan diruangan yang disediakan.

STRATEGI 2: AKTIVITI 3

KAU RASA AKU RASA

Jangka masa	: 30 minit
Bilangan peserta	: 10 - 50 orang
Tempat	: Kelas atau dewan yang bersesuaian dengan jumlah peserta
Keperluan / alatan	: 1. Alat tulis 2. Aktiviti sendiri 3: kau rasa aku rasa
Objektif	: 1. Memberi pengetahuan dan kesedaran secara lebih mendalam mengenai definisi buli dan konsep Modul Pemeraksanaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah. 2. Memberi pemahaman dan penghayatan mengenai definisi buli yang kadangkala dilihat satu perbuatan yang biasa namun sebenarnya perbuatan tersebut mendorong kepada perbuatan buli.
Proses pelaksanaan aktiviti	: 1. Fasilitator menjelaskan mengenai aktiviti yang akan dijalankan. 2. Fasilitator memberikan keratan akhbar mengenai kejadian buli. 3. Fasilitator menjelaskan kepada ahli kumpulan mengenai aktiviti yang dijalankan iaitu ahli kumpulan dikehendaki menjawab aktiviti sendiri 3.1, 3.2, 3.3 dan 3.4 setelah menonton video buli sebentar tadi. 4. Fasilitator meminta setiap ahli kumpulan memberitahu dan menjelaskan jawapan mereka. 5. Fasilitator menjelaskan penegasan aktiviti yang dijalankan iaitu: <ul style="list-style-type: none">• Peserta dapat melihat masalah buli ini serius jika tidak dapat ditangani.• Peserta mula memikirkan dan memahami mengenai masalah buli ini yang akan memberikan kesan negatif kepada individu yang terlibat dengan buli.


AKTIVITI KENDIRI S2 A3

KAU RASA AKU RASA - LAMPIRAN / LATIHAN

Daripada contoh kes buli yang anda baca, apakah perasaan anda sekiranya anda adalah mangsa buli tersebut?



Daripada contoh kes buli yang anda baca, apakah yang akan anda lakukan sekiranya anda atau ahli keluarga menjadi mangsa buli?



Panduan: Jawab soalan diruangan yang disediakan mengenai perasaan dan tindakan anda dalam menghadapi situasi buli.

AKTIVITI KENDIRI S2 A3

KAU RASA AKU RASA - LAMPIRAN / LATIHAN

Daripada contoh kes buli yang anda baca, pada pandangan anda, apakah yang menyebabkan seseorang menjadi pembuli?

Daripada contoh kes buli yang anda baca, apakah yang akan anda lakukan sekiranya anda atau ahli keluarga menjadi pembuli?

Panduan: Jawab soalan diruangan yang disediakan mengenai perasaan dan tindakan.

LAMPIRAN NOTA BACAAN
S2 A1, A2 & A3

**MATLAMAT, DEFINISI & KONSEP MODUL PEMERKASAAN
MENANGANI BULI DALAM PERKHIDMATAN KAUNSELING DI
SEKOLAH & KAJIAN KES BULI**

**MATLAMAT MODUL
PEMERKASAAN MENANGANI
BULI DALAM PERKHIDMATAN
KAUNSELING DI SEKOLAH**

Modul ini disediakan untuk memberi kefahaman, kesedaran, pengetahuan dan penilaian kepada warga sekolah khususnya dan ibu bapa penjaga pelajar secara umumnya tentang perlakuan gejala buli dan kesan yang ditinggalkannya. Selain itu, modul ini membantu warga sekolah serta sekitarnya memahami dan menghayati peranan dan kefungsiiaan masing-masing terutama pelajar dan warden dalam pelaksanaan strategi dan pelan tindakan di peringkat sekolah untuk mencegah dan mengatasi gejala buli secara serius. Modul ini diharapkan dapat membantu dalam usaha membawa kepada penurunan dan penghapusan gejala buli secara berkala.

**HENTIKAN
BULI!**



LAMPIRAN NOTA BACAAN
S2 A1, A2 & A3

**MATLAMAT, DEFINISI & KONSEP MODUL PEMERKASAAN
MENANGANI BULI DALAM PERKHIDMATAN KAUNSELING DI
SEKOLAH & KAJIAN KES BULI**

**DEFINISI MODUL
PEMERKASAAN MENANGANI
BULI DALAM PERKHIDMATAN
KAUNSELING DI SEKOLAH**

Umumnya, buli dapat didefinisikan sebagai satu perbuatan mengasari orang yang lemah dengan tujuan atau maksud untuk menunjukkan kekuatan masing-masing. Ini secara tidak langsung, menjadikan mereka yang lemah mematuhi atau menghormati mereka yang kuat. Ada maksud lain yang menyatakan bahawa buli bermaksud tingkah laku agresif sama ada dalam bentuk fizikal atau psikologikal yang dilakukan secara berulang kali ke atas mangsa dan ia bertujuan mendatangkan perasaan tidak selesa, aman, tenteram dan harmoni. Secara keseluruhannya, perbuatan membuli merupakan perbuatan yang tidak baik serta boleh membuatkan orang lain boleh menjadi mangsa serta boleh mendatangkan ketidakselesaan kepada orang lain.

Buli membawa makna perbuatan mendera atau mempermainkan seseorang murid atau kumpulan murid supaya dapat menyesuaikan diri dengan suasana yang baru. Buli juga merupakan perbuatan mendera atau mempermainkan seseorang murid atau kumpulan murid yang biasanya lemah untuk menggertak atau menakutkan kumpulan murid berkenaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014).

Selain itu, buli juga membawa maksud perbuatan mengasari orang yang lemah dengan tujuan atau maksud untuk menunjukkan kekuatan masing-masing. Ini secara tidak langsung, menjadikan mereka yang lemah mematuhi atau menghormati mereka yang kuat. Ada maksud lain yang menyatakan bahawa buli bermaksud tingkah laku agresif sama ada dalam bentuk fizikal atau psikologikal yang dilakukan secara berulang kali ke atas mangsa dan ia bertujuan mendatangkan perasaan tidak selesa, aman, tenteram dan harmoni. Secara keseluruhannya, perbuatan membuli merupakan perbuatan yang tidak baik serta boleh membuatkan orang lain boleh menjadi mangsa serta boleh mendatangkan ketidakselesaan kepada orang lain.



LAMPIRAN NOTA BACAAN
S2 A1, A2 & A3

**MATLAMAT, DEFINISI & KONSEP MODUL PEMERKASAAN
MENANGANI BULI DALAM PERKHIDMATAN KAUNSELING DI
SEKOLAH & KAJIAN KES BULI**

**DEFINISI MODUL
PEMERKASAAN MENANGANI
BULI DALAM PERKHIDMATAN
KAUNSELING DI SEKOLAH**

Tingkah laku buli merupakan perbuatan salah laku yang dilakukan oleh pembuli dan boleh mendatangkan kesan yang amat buruk terhadap mangsa buli, sama ada kesan fizikal, fisiologi dan psikologi (Abdul Malek, 2004 & Bulach et al. 2003). Kajian menunjukkan perbuatan buli memusnahkan harga diri mangsa sehingga menimbulkan gangguan pelbagai bentuk (Glover et al 2000).

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga, buli bermaksud perbuatan mendera dan mempermainkan seseorang supaya dapat menyesuaikan diri dengan suasana baru. Ia juga membawa makna mempermainkan orang lemah dengan tujuan menggertak atau menakutkan.

Menurut Kamus Dewan edisi-4, buli didefinisikan sebagai perbuatan mendera, mempermainkan seseorang supaya dapat menyesuaikan diri dengan suasana baru. Perbuatan ini dilakukan secara berulang kali keatas mangsa dengan tujuan memdatangkan perasaan tidak selesa, aman, tenteram dan harmoni. Dalam erti kata lain, buli bermaksud perbuatan mengasari orang yang lemah dengan tujuan atau maksud untuk menunjukkan kekuatan masing-masing. Ini secara tidak langsung, menjadikan mereka yang lemah mematuhi atau menghormati mereka yang kuat.



LAMPIRAN NOTA BACAAN
S2 A1, A2 & A3

**MATLAMAT, DEFINISI & KONSEP MODUL PEMERKASAAN
MENANGANI BULI DALAM PERKHIDMATAN KAUNSELING DI
SEKOLAH & KAJIAN KES BULI**

**DEFINISI MODUL
PEMERKASAAN MENANGANI
BULI DALAM PERKHIDMATAN
KAUNSELING DI SEKOLAH**

Kesan gejala buli ini, mangsa buli bukan saja mendapat kecederaan fizikal malah turut menjejaskan pemikiran, emosi dan tingkahlaku mangsa buli. Permasalahan ini adalah sesuatu yang perlu dititikberatkan oleh semua pihak kerana pelajar-pelajar ini merupakan belia yang menjadi pemangkin kepada pembangunan negara.

Setiap individu adalah aset kepada negara. Usaha membangunkan individu adalah usaha membina bangsa dan negara. Tambahan lagi berdasarkan kepada statistik yang dilaporkan, fenomena buli di negara ini masih meningkat walaupun terdapat pelbagai intervensi dijalankan bagi menangani masalah sosial remaja baik di peringkat sekolah mahupun di peringkat komuniti. Oleh itu, semua pihak harus bersedia memikirkan satu bentuk intervensi yang berkesan bagi mengatasi masalah ini. Justeru, pembangunan terancang adalah diperlukan.

Satu modul yang dinamik perlu dibangunkan dalam usaha menyelamatkan pelajar-pelajar ini dan semua pihak harus bersedia memikirkan satu bentuk intervensi yang berkesan bagi mengatasi masalah ini. Usaha membanteras gejala buli perlu ditangani dengan segera bagi melahirkan masyarakat yang harmoni dan sekaligus menjamin kesejahteraan negara.

Secara umumnya, ada juga yang mendefinisikan buli sebagai tingkah laku agresif sama ada dalam bentuk fizikal atau psikologikal yang dilakukan secara berulang kali ke atas mangsa dan ia bertujuan mendatangkan perasaan tidak selesa, aman, tenteram dan harmoni. Perbuatan membuli merupakan perbuatan yang tidak baik serta boleh membuatkan orang lain boleh menjadi mangsa serta boleh mendatangkan ketidakselesaan kepada orang lain.



LAMPIRAN NOTA BACAAN S2 A1, A2 & A3	MATLAMAT, DEFINISI & KONSEP MODUL PEMERKASAAN MENANGANI BULI DALAM PERKHIDMATAN KAUNSELING DI SEKOLAH & KAJIAN KES BULI
--	---

KONSEP MODUL PEMERKASAAN MENANGANI BULI DALAM PERKHIDMATAN KAUNSELING DI SEKOLAH

Modul Pemeraksanaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah merupakan modul yang dibina khusus bagi menangani isu buli yang berlaku di sekolah. Modul ini menekankan konsep yang diketengahkan dalam Terapi Kongnitif Tingkah Laku (TKT) atau *Cognitive Behaviour Therapy* (CBT) iaitu menekankan kepada tiga aspek utama dalam kehidupan seseorang individu iaitu pemikiran, emosi dan tingkah laku.


Modul Pemeraksanaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah ini juga merupakan modul yang diubahsuai dan dibina khusus mengikut dasar-dasar dari Panduan Pengurusan Menangani Buli Di Sekolah yang telah diterbitkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Teknik yang terdapat dalam Terapi Kognitif Tingkah Laku (TKT) sering digunakan untuk menganalisis pemikiran, emosi dan tingkah laku seseorang individu. Rogers (1961) menyatakan bahawa cara individu bertingkah laku dan menyesuaikan diri dengan situasi biasanya adalah konsisten dengan cara individu mempersepsi dirinya dan situasi persekitarannya.

LAMPIRAN NOTA BACAAN
S2 A1, A2 & A3

**MATLAMAT, DEFINISI & KONSEP MODUL PEMERKASAAN
MENANGANI BULI DALAM PERKHIDMATAN KAUNSELING DI
SEKOLAH & KAJIAN KES BULI**

**KONSEP MODUL PEMERKASAAN
MENANGANI BULI DALAM
PERKHIDMATAN KAUNSELING DI
SEKOLAH**




Menurut Dobson dan Block (1998) dalam Mohammad Aziz Shah (2010), terapi kognitif-tingkah laku adalah satu psikoterapi yang memfokuskan kepada kepentingan pemikiran dan bagaimana pemikiran itu mempengaruhi perasaan dan tindakan seseorang individu. Ahli terapi kognitif-tingkah laku mengajar seseorang dengan pemikiran yang sesuai bagaimana untuk mengubah cara mereka berfikir dan mengubah tindakan secara nyata.

Oleh yang demikian, modul ini diubahsuai dan dibina bagi membentuk pemikiran, emosi dan tingkah laku yang positif kepada pembuli dan mangsa buli khususnya dan kepada pelajar-pelajar sekolah umumnya.

Pelajar dibuli lukis makhluk aneh, kelar tangan di sekolah

Latifah Arifin
am@hmetro.com.my



Kuala Lumpur: "Dia lukis gambar menyerupai makhluk aneh yang ngeri dan menyeramkan, ketika itu baru saya tahu dia rupa-rupanya kemurungan, malah dia turut kelar tangan di sekolah ketika tiada murid lain dalam kelas."

Itu luahan Nurul Afeeza Mohd Tarmedi, ibu kepada seorang murid perempuan Tingkatan Dua yang mendakwa anaknya dibuli rakan sekelas di sebuah sekolah menengah harian di Hulu Langat.

Nurul Afeeza yang juga ibu tunggal berkata, anaknya dibuli seawal hari kedua berpindah ke sekolah terbabit pada Julai lalu.

"Saya tak tahu pun dia dibuli, dia tak pernah berkongsi cuma banyak berkurung dalam bilik.

"Saya perasan dia banyak asingkan diri, saya hanya tahu dia rupa-rupanya murung akibat dibuli sebelum cuti sekolah, itu pun bila adiknya beritahu kakak lukis gambar mengerikan.

"Jadi saya cuba tanya, dia beritahu tertekan, selalu kena ejek di sekolah sebab giginya agak ke depan (jongang), dia juga dipulaukan rakan-rakan dan perbuatan (mengejek) itu berlaku berhari-hari," katanya pada sidang media di pejabat Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), di sini, hari ini.

Nurul Afeeza turut kesal kerana mendakwa pihak sekolah tidak mengambil tindakan sewajarnya untuk mengatasi isu terbabit.

KAJIAN KES BULI

CONTOH KES BULI 1

Katanya, beliau sudah berjumpa dengan guru kaunseling dan guru disiplin, namun tindakan buli terhadap anaknya masih berlarutan.

"Saya mengadu kepada guru disiplin yang ada murid tarik rambutnya dan ejek, kejadian ini baru lagi, 12 September lalu. Saya juga maklumkan anak saya lukis gambar yang mengerikan, malangnya cikgu seperti tak ambil serius.

"Cikgu cuma beritahu minta anak saya pergi sekolah tapi tak dibenarkan jumpa murid (yang buli) disebabkan ada SOP, sedangkan anak saya dibuli sebegini, tak ada pula ikut SOP, sampai kelar tangan sendiri, itu yang saya tak boleh terima," katanya.

Adik perempuan sebulan tak ke sekolah, trauma dipukul dan disepak.

Sementara itu, kakak kepada seorang lagi mangsa buli berusia 14 tahun yang hanya mahu dikenali sebagai Siti Wan Norasyirah, 24, berkata adik perempuannya itu sudah sebulan tidak ke sekolah kerana trauma selepas dipukul dan disepak pelaku yang juga pelajar perempuan.

Katanya, adiknya mengadu tudung ditarik, muka dipukul dengan tumbler kaca dan disepak di bahagian belakang badan.

"Saya dan keluarga belum sempat buat laporan polis kerana adik baru beritahu insiden dibuli di sekolah, lama dia pendam seorang. Nak gali cerita daripada dia sangat susah sebab dia tak nak berkongsi.

"Bila maklumkan pada cikgu yang dia disepak terajang, adik maklumkan cikgu memihak kepada si pembuli dan dia langsung tak diberikan peluang untuk membela diri.

"Malah, dalam keadaan sekarang adik saya yang dah sebulan tak hadir sekolah, tak ada cikgu yang mencari atau cuba hubungi kami. Bila kami tanya sekolah, mereka hanya maklumkan sepatutnya ibu bapa yang beritahu sekolah (jika tak hadir)," katanya.

Mereka rahsiakan, minta anak saya tandatangan surat tak berlaku buli di sekolah.

Sementara itu, bapa kepada seorang pelajar Tingkatan Tiga di Cheras, Mohd Izham Zakri Mohd Desa kecewa kerana aduan dibuatnya di sekolah mengenai kes anaknya ditampar rakan tidak mendapat pembelaan sewajarnya.

Katanya, anaknya turut menghadapi kes buli fizikal dan buli siber membabitkan beberapa guru di sekolah.

"Anak saya aktif dalam sukan malah mewakili sekolah dalam pasukan bola sepak hingga ke peringkat negeri. Apa yang saya kesalkan, cikgu tahu anak saya dibuli dari 2023 sampai sekarang tapi saya tak diberitahu.

"Mereka rahsiakan perkara ini, malah dalam diam minta anak saya tandatangan satu surat menyatakan tak berlaku buli di sekolah tanpa pengetahuan ibu bapa.

"Malah, ada guru pula yang buat laporan polis ke atas saya, kononnya saya campur tangan hal sekolah," katanya yang memberitahu sudah membuat laporan polis dan melalui SISPAA (Sistem Pengurusan Aduan Awam).

Katanya, beliau berharap Kementerian Pendidikan (KPM) melalui Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) akan mengambil tindakan sewajarnya bagi mengelakkan anaknya terus menjadi mangsa buli dalam kalangan guru dan pelajar di sekolah.

KAJIAN KES BULI

CONTOH KES BULI 2

Buli: Pelajar perempuan diikat kaki dan tangan, ditutup mulut, ditinggalkan di tandas

oleh Zulhary Zulhiffi - July 19, 2025 @ 21:16pm



SUNGAI PETANI: Seorang pelajar perempuan Tingkatan Satu di sebuah sekolah menengah di sini dipercayai menjadi mangsa buli akibat cemburu oleh dua rakan sekolahnya.

Remaja berusia 13 tahun ditemukan dalam keadaan tangan dan kaki diikat menggunakan tali leher serta mulut ditutup dengan sapu tangan.

Kejadian itu dipercayai berlaku Isnin lalu di tandas sekolah berkenaan.

Difahamkan, kejadian itu disedari ibu mangsa yang menunggu di luar sekolah selepas mendapati anaknya tidak keluar dari sekolah seperti biasa selepas tamat waktu persekolahan pada jam 6.30 petang.

Mangsa ditemui selepas ibu dan pengawal keselamatan sekolah mencarinya di sekitar sekolah sebelum menemuinya di tandas berkenaan.

Remaja perempuan itu dihantar ke hospital untuk mendapatkan rawatan akibat cedera ringan di kaki dan tangan serta trauma, malah ibu mangsa kemudian membuat laporan polis berhubung kejadian itu.

Mangsa ditemui selepas ibu dan pengawal keselamatan sekolah mencarinya di sekitar sekolah sebelum menemuinya di tandas berkenaan.

Remaja perempuan itu dihantar ke hospital untuk mendapatkan rawatan akibat cedera ringan di kaki dan tangan serta trauma, malah ibu mangsa kemudian membuat laporan polis berhubung kejadian itu.

Ketua Polis Daerah Kuala Muda, Asisten Komisioner Hanyan Ramlan, berkata setakat ini polis sudah menahan dua pelajar berusia 13 tahun untuk membantu siasatan berhubung kejadian itu.

Beliau turut mengesahkan kejadian berlaku di tandas sekolah berkenaan dan punca kejadian dipercayai cemburu sehingga mangsa dibuli.

"Kedua-dua suspek yang juga berusia 13 tahun itu mengaku melakukan perbuatan itu kerana cemburu.

"Siasatan masih dijalankan setakat ini dan suspek direman mengikut Seksyen 323/324 Kanun Keseksaan," katanya.

KAJIAN KES BULI

CONTOH KES BULI 3

Murid ditemui maut di sekolah, siasatan polis berkait unsur buli

oleh Ahmad Muli - Oktober 2, 2015 @ 9:11am



SEREMBAN: Polis mengklasifikasikan kes kematian seorang murid sekolah di Senawang, di sini, tengah hari semalam, ada kaitan dengan kes buli mengikut Seksyen 507C Kanun Keseksaan.

Ketua Polis Negeri Sembilan, Datuk Alzafny Ahmad berkata, kanak-kanak berusia 10 tahun itu ditemui tidak sedarkan diri dalam sebuah tandas sekolah berkenaan sebelum dihantar ke klinik swasta.

"Kira-kira jam 1.19 tengah hari semalam, polis menerima maklumat berkaitan kematian seorang kanak-kanak lelaki berusia 10 tahun ketika menerima rawatan di sebuah klinik swasta.

"Mangsa dihantar guru disiplin untuk menerima rawatan di klinik terbabit, namun doktor yang merawatnya mengesahkan mangsa sudah meninggal dunia," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Seksyen 507C Kanun Keseksaan digunakan untuk mendakwa kesalahan yang berkaitan dengan perbuatan buli, terutama membabitkan komunikasi yang mengancam atau menghina.

Media semalam melaporkan, Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek berkata, ibu bapa dan murid sekolah berkenaan akan diberikan sokongan psikososial dan diminta tidak bimbang untuk ke sekolah susulan kejadian itu.

Seksyen 507C Kanun Keseksaan digunakan untuk mendakwa kesalahan yang berkaitan dengan perbuatan buli, terutama membabitkan komunikasi yang mengancam atau menghina.

Media semalam melaporkan, Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek berkata, ibu bapa dan murid sekolah berkenaan akan diberikan sokongan psikososial dan diminta tidak bimbang untuk ke sekolah susulan kejadian itu.

Alzafny berkata, sejurus maklumat diterima, polis terus ke tempat kejadian bagi menjalankan siasatan dan mendapati mangsa dikatakan ditemui tidak sedarkan diri di dalam tandas lelaki di sekolah kebangsaan dalam daerah ini.

Beliau berkata, pada peringkat ini kes diklasifikasikan mengikut Seksyen 507C Kanun Keseksaan dan prosedur bedah siasat akan dijalankan hari ini bagi menentukan punca kematiannya.

Justeru, katanya, polis menasihatkan orang awam tidak membuat sebarang spekulasi atau menyebarkan maklumat tidak sahih berhubung insiden ini.

KAJIAN KES BULI

CONTOH KES BULI 4



SEORANG pelajar lelaki cedera selepas menjadi mangsa buli sekumpulan pelajar senior di sebuah maahad tahfiz di Tanjung Karang, Selangor, semalam.

Difahamkan, kejadian buli itu mendapat perhatian netizen selepas status dan gambar dimuat naik seorang pengguna Facebook (FB) yang mendakwa abang kepada mangsa tular di laman sosial.

Rata-rata netizen mencemooh dan mengecam tindakan tidak berperikemanusiaan yang dilakukan terhadap pelajar lelaki itu.

Menerusi status itu, dia mendakwa adiknya cedera di bahagian limpa dan hati.

"Doktor memberitahu kemungkinan organ limpa akan dibuang dan menyebabkan sistem imunisasi badan tidak berfungsi (mudah dijangkiti penyakit)," katanya.

Dakwa lelaki itu, adiknya dipercayai dibuli sekumpulan pelajar senior itu telah diangkat dan dihempas ke lantai.

"Pihak keluarga telah meminta rakaman CCTV (rakaman kamera kitar tertutup) tetapi pihak tahfiz mengatakan CCTV di pusat tahfiz itu rosak," katanya.

Menurut lelaki itu, dia difahamkan terdapat tiga lagi rakan adiknya turut menjadi mangsa buli.

"Kecederaan pada adik sangat teruk sehingga ditahan wad. Laporan polis telah dibuat dan mohon bantuan rakan-rakan supaya mendoakan adik saya sembuh seperti sedia kala," katanya.

Dalam pada itu, tinjauan di maahad tahfiz itu mendapati tiga kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan kakitangan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) hadir berjumpa dengan pihak pengurusan maahad tahfiz itu.

Malah, ibu bapa juga mula dipanggil pihak pentadbiran berhubung kes berkenaan.

Sementara itu, Timbalan Ketua Polis Daerah Kuala Selangor, Deputy Superintendan Noor Janihan Nanyan ketika dihubungi mengesahkan kejadian itu dan siasatan lanjut sedang dijalankan.

KAJIAN KES BULI

CONTOH KES BULI 5



SHAH ALAM – Polis membuka kertas siasatan membabitkan kes tular seorang murid Darjah Satu dipukul oleh dua pelajar Darjah Tiga di kantin sebuah sekolah di Seksyen 32 di sini.

Ketua Polis Daerah Shah Alam, Asisten Komisioner Mohd Iqbal Ibrahim berkata, pihaknya menerima laporan daripada ibu mangsa pada jam 9.51 malam, Rabu lalu.

"Kanak-kanak lelaki berusia tujuh tahun itu kini dirawat di Hospital Shah Alam dan dilaporkan berada dalam keadaan stabil.

"Punca kejadian masih dalam siasatan," katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Beliau berkata, siasatan dijalankan di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga setahun atau denda hingga RM2,000 atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Tambah Mohd Iqbal, beliau meminta orang ramai yang mempunyai maklumat lanjut mengenai kejadian itu untuk menghubungi Pegawai Penyiasat Jenayah, Inspektor Nor Sabryna Mohammad Taha di talian 014-5130450 bagi membantu siasatan.

Terdahulu, media melaporkan seorang murid lelaki di sebuah sekolah di Seksyen 32 di sini menerima rawatan di hospital selepas dipercayai menjadi mangsa buli kepada murid Darjah Tiga ketika waktu rehat.

Mangsa didakwa dipijak berkali-kali oleh salah seorang pelaku di bahagian perut, dada dan kaki selain mulutnya ditekup serta diugut akan dicekik sekiranya melawan atau menjerit.

Seorang lagi murid dipercayai bertindak sebagai pemerhati manakala seorang lagi cuba menconteng baju mangsa dalam kejadian itu.



PASIR MAS: Polis menahan 12 pelajar yang disyaki terbabit dalam kes memukul seorang pelajar Tingkatan Tiga di sebuah sekolah di sini, Ahad lalu.

Ketua Polis Daerah Pasir Mas, Asisten Komisioner Mohamad Roy Suhaimi Sarif, berkata semua pelajar berkenaan ditahan antara jam 5.30 petang hingga 6.30 petang semalam, beberapa jam selepas bapa mangsa membuat laporan polis.

Katanya, sembilan pelajar ditahan di sekolah mereka iaitu pada hari sama selepas mangsa membuat laporan.

“Dua pelajar ditahan di rumah masing-masing manakala seorang lagi hadir ke balai menyerah diri. Kesemua mereka berusia antara 15 hingga 17 tahun.

“Sebaik menerima laporan yang dibuat mangsa pada jam 2.30 petang semalam, anggota daripada Jabatan Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Pasir Mas terus mengesan kesemua suspek.

“Pihak polis turut menjalankan ujian saringan air kencing ke atas semua pelajar terbabit dan keputusannya negatif,” katanya ketika dihubungi.

Akhbar semalam melaporkan, polis mengesan sekumpulan 12 pelajar bagi membantu siasatan seorang pelajar lelaki berusia 15 tahun yang lebam di muka dan badan selepas dipukul, dipercayai berebut teman wanita, pada jam 6 petang, Ahad lalu.

Mangsa dipercayai dipukul di dalam kelas selepas menjalani aktiviti sukan di sekolahnya dan video mengenainya tular di media sosial.

Mohamad Roy berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 147 Kanun Keseksan iaitu merusuh.

“Pihak kami juga dalam menyiapkan kertas siasatan untuk diserahkan kepada Timbalan Pendakwa Raya.

Strategi 3

Jenis-Jenis Buli, Faktor-Faktor Buli & Implikasi Buli

Aktiviti	Masa	Lampiran
Aktiviti sendiri 1: Tusukan Hempedu	20 minit	Nota & latihan
Aktiviti sendiri 2: Sembilang Laut	20 minit	Nota & latihan
Aktiviti sendiri 3: Dunia Batinku	50 minit	Lakonan / Sketsa

Sinopsis :

Strategi 3 melampirkan nota bacaan bagi maklumat jenis-jenis buli, faktor-faktor buli dan implikasi buli. Dalam strategi ini juga membentuk tiga aktiviti sendiri iaitu tusukan hempedu, sembilang laut dan dunia batinku. Aktiviti sendiri ini dijalankan kepada peserta yang mana aktiviti tersebut mengambil masa 90 minit yang mana ianya mengandungi latihan dan lakonan bagi menjelaskan kepada peserta mengenai konsep strategi 3 secara lebih afektif dalam bentuk latihan yang diberikan dan dilihat secara realiti dalam lakonan yang ditampilkan.

Strategi 3

Jenis-Jenis Buli, Faktor-Faktor Buli & Implikasi Buli

STRATEGI 3: AKTIVITI 1

TUSUKAN HEMPEDU

Jangka masa	: 30 minit
Bilangan peserta	: 10 - 50 orang
Tempat	: Kelas atau dewan yang bersesuaian dengan jumlah peserta
Keperluan / alatan	: 1. Alat tulis 2. Aktiviti sendiri 1: tusukan hempedu
Objektif	: 1. Mengetahui mengenai jenis-jenis buli yang berlaku. 2. Memahami lebih terperinci mengenai jenis-jenis buli yang dilakukan.
Proses pelaksanaan aktiviti	: 1. Fasilitator menerangkan aktiviti yang dijalankan iaitu tusukan hempedu. Aktiviti ini ingin melihat kemampuan dan keupayaan peserta dalam melihat, mengenalpasti, memahami dan mendalami jenis-jenis buli. 2. Fasilitator menjelaskan mengenai jenis-jenis buli kepada peserta berserta contoh-contoh yang bersesuaian. 3. Peserta diminta untuk menjawab aktiviti sendiri. 4. Fasilitator meminta peserta berkongsi apa yang mereka fahami dan perolehi berdasarkan aktiviti yang dijalankan. 5. Fasilitator membuat rumusan dan memberi penegasan aktiviti kepada peserta iaitu: <ul style="list-style-type: none">• Peserta memahami dan mengetahui jenis-jenis buli.• Peserta juga dapat melihat, memahami dan mendalami situasi jenis-jenis buli yang telah dikategorikan sebagai perbuatan buli.

AKTIVITI KENDIRI S3 A1

TUSUKAN HEMPEDU - LAMPIRAN / LATIHAN

Nyatakan jenis-jenis buli

Buli Fizikal

Buli Lisan

**Buli Isyarat
(Bukan Lisan)**

**Buli Peras
Ugut**

Buli Memulau

Panduan: Jawab soalan diruangan yang disediakan.

JENIS-JENIS BULI

Secara umumnya, buli dapat dikategorikan kepada dua iaitu buli fizikal dan buli psikologi. Buli fizikal secara dasarnya dilihat kepada kejadian buli yang mendatangkan kecederaan fizikal kepada mangsa sama ada kepada anggota badan yang melibatkan kecederaan luaran dan kecederaan dalaman mangsa. Manakala buli psikologi pula menyebabkan gangguan emosi khususnya kepada mangsa buli. Buli dapat dikategorikan kepada beberapa jenis buli. Jenis-jenis buli yang terdapat di Malaysia ialah:

BULI FIZIKAL

- Melibatkan pukul-memukul, memeras ugut, menampar, menendang, menarik rambut, menolak, mencubit, atau sepak terajang hingga menyebabkan kecederaan.
- Paling ganas boleh menyebabkan kematian.

BULI FIZIKAL

- Pukul, tumbuk, tendang, tolak/tarik, tampar, cubit, pulas telinga, tindih, menghimpit, peteh/bentes/tendang pada kaki, sekeh/luku/ketuk, cekik, meraba dan lain-lain perbuatan seumpamanya.

BULI PSIKOLOGI

- Lebih kepada ejek-mengejek. Misalnya, jika nama pelajar atau nama bapa pelajar agak luar biasa, maka itu akan dijadikan bahan ejekan pelajar senior yang membuli.
- Perbuatan menggunakan isyarat seperti menjelir lidah, menjegil mata dan sebagainya.
- Sungguhpun, kes buli jenis ini kurang mendapat perhatian media massa, ia sebenarnya serius berlaku di sekolah.
- Buli peras ugut merupakan peras ugut adalah perilaku buli yang paling sinonim dalam kalangan remaja.
- Buli memulau iaitu perbuatan memulau berlaku sekiranya individu itu tidak diterima sebagai ahli dalam sebuah kumpulan.

JENIS-JENIS BULI

BULI LISAN

- Ejekan, panggilan / gelaran yang mengaibkan, fitnah, mencarut / memaki / menghina / mengherdik / mempersenda dan lain-lain pernyataan lisan yang seumpamanya.

**BULI ISYARAT
(BUKAN LISAN)**

- Jelir lidah, bahasa badan, jegil mata, isyarat lucah dan lain-lain perbuatan bukan lisan yang seumpamanya.

**BULI PERAS
UGUT**

- Minta duit secara paksa, memaksa mangsa membuat kerja / kerja rumah, minta barang secara paksa, memaksa menjelaskan bayaran (makanan, minuman, alat tulis dan lain-lain), sembunyikan barang mangsa, mengugut supaya merahsiakan perbuatan salah laku dan seumpamanya, memaksa melakukan salah laku, menjadi orang suruhan dan lain-lain perbuatan seumpamanya.

BULI MEMULAU

- Mangsa buli tidak dimasukkan ke dalam kumpulan, mangsa buli tidak diberi kemudahan yang sepatutnya, mangsa buli tidak diberikan kerjasama dan pembuli tidak suka murid yang ikut peraturan (skima).

(Sumber : Kementerian Pendidikan Malaysia)

**CIRI-CIRI PEMBULI DAN
MANGSA BULI**


- Secara umumnya, jenayah buli melibatkan dua individu iaitu pembuli dan mangsa buli. Ciri-ciri pembuli dan mangsa buli dapat dilihat daripada beberapa aspek secara umumnya.

PEMBULI

- Terdiri daripada pelajar menengah atas iaitu tingkatan empat, lima, dan enam.
- Bertubuh besar, tegap dan tinggi.
- Melibatkan sekumpulan pelajar dan biasanya usia mereka adalah sebaya.
- Membuli satu cara untuk menghilangkan perasaan bosan di sekolah.
- Kejayaan membuli pelajar junior akan menunjukkan mereka kuat, berkuasa, dan tidak mudah digertak.

MANGSA BULI

- Terdiri daripada pelajar menengah rendah iaitu tingkatan satu, dua dan tiga serta pelajar sekolah rendah.
- Bertubuh kecil.
- Pelajar yang kerap dipuji oleh guru akan menjadi sasaran.
- Pelajar baru di sekolah.



Strategi 3

Jenis-Jenis Buli, Faktor-Faktor Buli & Implikasi Buli

STRATEGI 3: AKTIVITI 2




SEMBILANG LAUT

Jangka masa	: 30 minit
Bilangan peserta	: 10 - 50 orang
Tempat	: Kelas atau dewan yang bersesuaian dengan jumlah peserta
Keperluan / alatan	: 1. Alat tulis 2. Aktiviti sendiri 2: sembilang laut
Objektif	: 1. Mengetahui faktor-faktor buli yang berlaku di sekolah 2. Memberi kefahaman mengenai faktor-faktor berlakunya buli ini secara lebih terperinci kepada seseorang individu.
Proses pelaksanaan aktiviti	: 1. Fasilitator menerangkan aktiviti yang dijalankan iaitu sembilang laut. Aktiviti ini ingin melihat kemampuan dan keupayaan peserta dalam melihat, mengenalpasti, memahami, mendalami serta menghayati faktor-faktor buli. 2. Fasilitator menjelaskan mengenai jenis-jenis buli kepada peserta berserta contoh-contoh yang bersesuaian 3. Peserta diminta untuk menjawab aktiviti sendiri. 4. Fasilitator meminta peserta berkongsi apa yang mereka fahami dan perolehi berdasarkan aktiviti yang dijalankan. 5. Fasilitator membuat rumusan dan memberi penegasan aktiviti kepada peserta iaitu: <ul style="list-style-type: none">• Peserta memahami dan mengetahui faktor-faktor buli.• Peserta juga dapat melihat, memahami dan mendalami situasi faktor-faktor buli yang telah dikategorikan sebagai pendorong berlakunya perbuatan buli.


AKTIVITI KENDIRI S3 A2

SEMBILANG LAUT - LAMPIRAN / LATIHAN

Apakah faktor-faktor gejala buli yang mendorong seseorang terlibat dengan gejala buli



Panduan: Jawab soalan diruangan yang disediakan.



FAKTOR-FAKTOR BULI

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan kes buli ini terjadi. Faktor utama yang dapat dilihat ialah kepuasan kepada pembuli apabila berjaya menyakiti mangsa secara lisan dan juga fizikal (Noran, 2004).

KELUARGA

- Kurang didikan dan penghayatan agama / moral
- Kurang perhatian dan kasih sayang
- Gaya didikan
- Peniruan gaya hidup dalam keluarga
- Kurang pengawasan

SEKOLAH

- Persekitaran dan iklim sekolah
- Kurang pengawasan daripada guru
- Kawalan murid yang lemah
- Kurang intervensi yang sesuai terhadap kes buli
- Pengurusan disiplin yang kurang cekap
- Guru tidak bertindak sebagai model yang dicontohi

LAMPIRAN NOTA BACAAN
S3 A2

FAKTOR-FAKTOR BULI

FAKTOR-FAKTOR BULI

PENGARUH
MEDIA

- Kurang didikan dan penghayatan agama / moral
- Kurang perhatian dan kasih sayang
- Gaya didikan
- Peniruan gaya hidup dalam keluarga
- Kurang pengawasan

- Saiz badan
- Panas baran
- Terlampau aktif
- Egoistik
- Dendam kerana pernah dibuli
- Kecelaruan gender
- Konsep sendiri yang rendah

INDIVIDU

PERSEKITARAN

- Mahu pengiktirafan rakan sebaya
- Berada dalam komuniti tidak prihatin
- Institusi masyarakat yang lemah
- Ikatan kejiwaan yang longgar
- Kecacatan
- Gila 'glamour'

(Sumber : Kementerian Pendidikan Malaysia)

Strategi 3

Jenis-Jenis Buli, Faktor-Faktor Buli & Implikasi Buli

STRATEGI 3: AKTIVITI 3

DUNIA BATINKU

Jangka masa	: 30 minit
Bilangan peserta	: 10 - 50 orang
Tempat	: Kelas atau dewan yang bersesuaian dengan jumlah peserta
Keperluan / alatan	: 1. Alat tulis 2. Aktiviti sendiri 3: dunia batinku
Objektif	: 1. Melihat dan mengetahui mengenai implikasi buli terhadap pembuli, mangsa buli dan pihak sekolah. 2. Memahami sketsa yang dipersembahkan dengan mendalam tentang kejadian buli yang berlaku di sekolah.
Proses pelaksanaan aktiviti	: 1. Fasilitator menerangkan aktiviti yang dijalankan iaitu dunia batinku. Aktiviti ini ingin melihat kemampuan dan keupayaan peserta dalam melihat, mengenalpasti, memahami serta mendalami implikasi buli. 2. Fasilitator menjelaskan mengenai implikasi buli kepada peserta berserta contoh-contoh yang bersesuaian. 3. Fasilitator meminta peserta beradadalam kumpulan dan melakukan aktiviti sendiri 3 iaitu membuat satu sketsa. Setiap kumpulan diminta berbincang dan membuat sketsa mengenai kejadian buli. 4. Peserta melakonkan sketsa berdasarkan watak yang diberi. 5. Fasilitator membuat rumusan dan memberi penegasan aktiviti kepada peserta iaitu: <ul style="list-style-type: none">• Peserta memahami dan mengetahui implikasi buli.• Peserta juga dapat melihat, memahami dan mendalami situasi seseorang yang terlibat dengan buli setelah melihat sketsa yang dilakonkan seterusnya dapat melihat implikasi buli terhadap seseorang individu.

AKTIVITI KENDIRI S3 A3

DUNIA BATINKU - LAKONAN / SKETSA

Lakonkan sebuah sketsa pendek berdasarkan watak-watak di bawah serta jawab soalan yang diberikan

Lakonkan watak-watak di bawah:

- 1) Pembuli
- 2) Mangsa Buli
- 3) Pelajar
- 4) Warden

Daripada apa yang anda lihat melalui sketsa yang telah dilakonkan itu tadi, secara keseluruhannya, apakah yang anda fikirkan, rasakan dan tindakan yang anda ingin lakukan sekiranya anda berada di situasi mangsa buli.

Panduan : Jawab soalan diruangan yang disediakan selepas sketsa disampaikan

Implikasi Buli

- Perlakuan buli yang membawa kepada berleluasanya gejala buli kini merupakan satu gejala yang banyak memberi impak negatif kepada diri seseorang pelajar sama ada kepada pembuli atau mangsa buli. Perlakuan buli dalam kalangan remaja terutamanya akan memberikan kesan yang besar kepada seseorang remaja tersebut dan lebih kritikal sekiranya remaja tersebut bergelar seorang pelajar sama ada diperingkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Gejala buli merupakan satu bentuk perlakuan ganas yang menyumbang kepada satu bentuk entiti negatif kepada organisasi sekolah terutamanya dalam dunia pendidikan di negara ini.
- Perlakuan gejala buli yang negatif ini secara lazimnya membawa kepada keganasan dan kesan buruk kepada pembuli dan mangsa buli kerana perlakuan buli ini memberikan kesan yang memudaratkan. Menurut Azizi Yahaya, Sharin Hashim, Yusof Boon & Zurhana Muhamad (2008), mangsa buli dan pembuli dilihat mengalami masalah dalam masalah sosial dan tingkah laku seperti penyisihan sosial dan kegagalan dalam pembelajaran di sekolah.

- Buli merupakan perlakuan yang menyalahi peraturan sekolah. Buli membawa kesan negatif terhadap pembuli, mangsa buli dan warga sekolah.
- Mangsa buli berkemungkinan menjadi pendiam, pemalu dan rendah diri, takut, suka bersendirian dan kurang sokongan sosial di sekolah. Mereka lebih suka merahsiakan perkara ini daripada pengetahuan ibu bapa, guru dan rakan-rakan kerana malu dan takut akan menerima tindak balas yang lebih agresif daripada pembuli. Masalah ini boleh mengakibatkan ponteng dan seterusnya penurunan prestasi akademik.
- Selain menjadi seorang yang rendah penghargaan sendiri, mangsa juga mungkin mengambil tindak balas yang serupa atau lebih terhadap murid atau orang lain pada masa hadapan disebabkan dendam.
- Pembuli pula berkemungkinan terlibat dengan salah laku yang lebih serius pada masa hadapan termasuklah melakukan jenayah seperti mencederakan mangsa yang akhirnya boleh menyebabkan kematian.

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2014), implikasi buli secara umumnya disenaraikan seperti di bawah:

Implikasi Buli Kepada Pembuli

- Tingkah laku agresif yang berbentuk buli semasa zaman kanak-kanak kekal sehingga mereka meningkat dewasa dan mereka menjadi penjenayah pada masa akan datang (Azizi et.al, 2008). Pembuli adalah tiga kali ganda cenderung melanggar undang-undang pada ketika usianya 30 tahun (Beale, 2001).
- Menurut Azizi et. al (2008), pembuli mungkin mempunyai potensi kepimpinan dalam kalangan rakan sebaya tetapi disebabkan mereka bergantung pada cara yang negatif bagi mempengaruhi orang lain, mereka kehilangan potensi bagi membentuk kepimpinan ini. Pembuli juga lazimnya mengalami penurunan status dalam kalangan rakan sebaya kerana apabila mereka semakin dewasa, tingkah laku ini membawa mereka bergaul dan bercampur hanya dalam kalangan orang-orang yang mempunyai masalah tingkah laku agresif. Pola ini dilihat menyumbang kepada perkembangan pembentukan kumpulan samseng remaja.
- Pembuli terdiri daripada mereka yang bersikap agresif reaktif dan proaktif (Camodeca et.al, 2002). Menurut Berthold & Hoover (2000), pembuli sering menghabiskan masa di rumah tanpa penyeliaan orang dewasa, minum arak, merokok atau menguyahtembakau, menipu semasaujian dan membawasenjata ke sekolah. Mereka bertindak memaksarakan sebaya melakukan tingkah laku berisiko tinggi seperti merokok dan minum arak.

Implikasi Buli Kepada Mangsa Buli

- Tingkah laku buli dalam bentuk mengejek contohnya merupakan satu bentuk buli adalah peristiwa yang sering dialami oleh para remaja dan membawa kesan yang serius kepada mangsa buli. Mangsa buli mempunyai implikasi terhadap beberapa aspek iaitu :
 1. Fizikal - konsep sendiri rendah dan ianya dapat dilihat daripada tingkah laku
 2. Dalaman - kerisauan, kemurungan dan tarik diri untuk bersekolah
 3. Luaran - bertindak secara agresif, sering bertengkar dan wujud sikap yang tidak jujur
 4. Sosial - kurang disukai rakan sebaya dan mengelak melakukan aktiviti sosial.
 5. Rasa tidak selamat - ponteng sekolah, prestasi akademik merosot
 6. Klimaks - mengamuk dan bunuh diri

Implikasi Buli Kepada Pembuli

- Gejala buli yang sering berlaku kini adalah terdiri daripada kalangan remaja yang masih bersekolah. Ini merupakan satu gambaran yang bukan sahaja tidak baik bagi perkembangan akademik pelajar malah sekolah yang merupakan sebuah institusi pendidikan sangat terkesan dengan isu ini. Sekolah di mana pelajar terlibat dengan tingkah laku buli mempunyai reputasi yang buruk dalam kalangan masyarakat setempat. Pihak pentadbiran sekolah dilihat merupakan satu organisasi yang lemah dan tidak afektif kerana tidak berupaya menangani gejala buli seterusnya gagal dalam membanteras gejala buli dari akar umbi terutamanya aspek disiplin pelajar sekolah itu sendiri. Ini sangat memberi kesan kepada pihak pentadbiran sekolah kerana keadaan ini akan mengurangkan keyakinan masyarakat terhadap keupayaan sekolah sebagai institusi pendidikan.
- Pelajar-pelajar yang mempunyai rekod perlakuan buli yang tinggi menyumbang kepada persepsi negatif guru-guru kepada mereka dan melihat pelajar ini mempunyai kemampuan yang rendah terhadap keupayaan dan kebolehan pelajar mereka dalam semua bidang termasuk akademik dan bukan akademik seperti sukan.



Strategi 4

Pengurusan Disiplin Di Sekolah & Peranan Setiap Pihak

Aktiviti	Masa	Lampiran
Aktiviti sendiri 1: Pejuang	45 minit	Nota & latihan
Aktiviti sendiri 2: Pahlawanku	45 minit	Nota & latihan

Sinopsis :

Strategi 4 melampirkan nota bacaan bagi pengurusan disiplin di sekolah dan peranan setiap pihak dalam carta organisasi sekolah dalam memikul tanggungjawab penting dalam usaha membanteras isu buli. Strategi 4 mengandungi dua aktiviti sendiri iaitu pejuang dan pahlawanku yang mana kesemua aktiviti ini mengambil masa 90 minit untuk dijalankan. Dalam strategi ini juga membentuk aktiviti sendiri kepada peserta yang mana aktiviti tersebut mengandungi latihan yang memerlukan peserta untuk memahami dan mengetahui secara lebih terperinci mengenai pengurusan disiplin di sekolah dan peranan setiap pihak dalam usaha memperkasa menangani buli.

Strategi 4

Pengurusan Disiplin Di Sekolah & Peranan Setiap Pihak

STRATEGI 4: AKTIVITI 1

PEJUANG

- Jangka masa : 45 minit
- Bilangan peserta : 10 - 50 orang
- Tempat : Kelas atau dewan yang bersesuaian dengan jumlah peserta
- Keperluan / alatan : 1. Alat tulis
2. Aktiviti sendiri 1: pejuang
- Objektif : 1. Mengenali struktur pengurusan disiplin di sekolah yang berperanan penting bertanggungjawab terhadap membanteras kejadian buli di sekolah.
2. Mengetahui bentuk-bentuk pemantapan pengurusan disiplin di sekolah dalam usaha menangani kes buli.
- Proses pelaksanaan aktiviti : 1. Fasilitator memberikan kata-kata aluan secara ringkas.
2. Fasilitator menjelaskan mengenai pengurusan disiplin di sekolah dan diumpamakan seperti pejuang kerana pengurusan disiplin sekolah sangat memainkan peranan penting dalam membanteras isu buli.
3. Fasilitator meminta peserta untuk menjawab latihan aktiviti sendiri yang dilampirkan.
4. Peserta berbincang dalam kumpulan tentang hasil latihan yang dilakukan.
5. Fasilitator membuat rumusan dan memberi penegasan aktiviti kepada peserta iaitu:
 - Peserta memahami mengenai struktur pengurusan sekolah.
 - Peserta mendapat dan menambah pengetahuan mengenai individu yang dapat membantu sekiranya berlaku buli di sekolah.6. Peserta merumus mengenai kefahaman mereka mengenai pengurusan disiplin sekolah. Semua peserta kembali ke kelompok besar dan seorang wakil bagi setiap kumpulan membentangkan hasil perbincangan.

AKTIVITI KENDIRI S4 A1

PEJUANG - LAMPIRAN / LATIHAN

Bina satu carta organisasi pihak pengurusan disiplin sekolah yang merupakan pihak yang bertanggungjawab dalam pemurniaan kawasan sekolah daripada penularan buli.



Panduan: Bina satu carta organisasi pihak pengurusan sekolah yang bertanggungjawab dalam membanteras isu buli

- Pengetua atau guru besar, guru-guru penolong kanan, guru-guru serta kakitangan sokongan di sekolah hendaklah menunjukkan bahawa mereka mempunyai komitmen yang tinggi bagi mengurangkan gejala buli yang berleluasa di sekolah.
- Beberapa cara yang dapat digunakan dalam usaha memberi sokongan dan peneguhan ialah seperti berikut :
 1. Menunjukkan tingkah laku positif kepada pelajar
 2. Memberikan masa yang mencukupi dalam pelaksanaan sesebuah program
 3. Memberikan sumber yang bersesuaian untuk menjalankan aktiviti
 4. Memastikan dasar atau peraturan antibuli dilaksanakan secara optimum di mana ianya perlu dipantau dan sekiranya terdapat kelemahan hendaklah diperbaiki.

Pemantapan Pengurusan Disiplin Di Sekolah



Peraturan Sekolah

- Peraturan sekolah dikaji dan disediakan mengikut keperluan sekolah. pengurusan sekolah perlu memastikan peraturan sekolah difahami oleh semua murid serta mengingatkan murid tentang peraturan sekolah. Kelemahan peraturan sekolah boleh menyebabkan berlakunya salah laku termasuk buli.

Program Anti Buli

- Program anti buli harus dirancang dan dilaksanakan mengikut keperluan sekolah untuk mengelakkan suasana tidak selamat di sekolah. Penilaian program anti buli di sekolah juga dilakukan bagi mengetahui keberkesanan program.



Pemantapan Pengurusan Disiplin Di Sekolah

Program Berfokus

- Program berfokus dirancang dan dilaksanakan mengikut keperluan salah laku yang berlaku di sekolah berdasarkan maklumat SSDM dan Adu Disiplin. Pemilihan program dibuat dengan pelbagai kes salah laku murid di sekolah. Penilaian program dilakukan bagi mengetahui keberkesanan sesuatu Program Berfokus yang dilaksanakan.



Intergrasi Kaum

- Program Integrasi Kaum diadakan untuk memantapkan perpaduan antara murid. Setiap program perlu dirancang, dilaksanakan dan dibuat penilaian bagi mengetahui keberkesanan integrasi kaum di sekolah dan mengatasi masalah buli. Program ini bertujuan untuk meningkatkan disiplin dan kawalan salah laku murid di sekolah yang melibatkan kaum.

Program Sekolah Selamat

- Program sekolah selamat harus dirancang dan dilaksanakan mengikut keperluan sekolah. Oleh itu kerjasama bersepadu antara murid, sekolah, pihak berkuasa dan masyarakat adalah perlu ke arah pelaksanaan program pencegahan yang berkesan serta menyeluruh. Penilaian program dilakukan bagi mengetahui keberkesanan program ini.



Kelab Pencegahan Jenayah

- Kelab Pencegahan Jenayah yang ditubuhkan di sekolah-sekolah perlu merancang, melaksana dan membuat penilaian program yang bersesuaian. Penubuhan kelab ini bertujuan untuk melatih dan memberi kesedaran dalam kalangan murid tentang pelbagai aspek jenayah dan pencegahannya.

Pengurusan Disiplin Sekolah

Dalam usaha menangani gejala buli ini sangat memerlukan kerjasama bersepadu daripada semua pihak. Tindakan secara kolektif dan berterusan daripada semua warga sekolah khususnya perlu dengan berpandukan maklumat Sistem Salah Laku Disiplin Murid (SSDM) dan adu disiplin di sekolah.



Rajah 4.1: Carta Pengurusan Disiplin Sekolah
Dipetik dan diubahsuai daripada: Kementerian Pendidikan Malaysia (2014)

Strategi 4

Pengurusan Disiplin Di Sekolah & Peranan Setiap Pihak

STRATEGI 4: AKTIVITI 2

PAHLAWANKU

- Jangka masa : 45 minit
- Bilangan peserta : 10 - 50 orang
- Tempat : Kelas atau dewan yang bersesuaian dengan jumlah peserta
- Keperluan / alatan : 1. Alat tulis
2. Aktiviti sendiri 2: pahlawanku
- Objektif : 1. Mengetahui peranan pengurusan sekolah secara lebih terperinci.
2. Memahami peranan setiap individu sekolah yang memainkan peranan penting dalam usaha menangani kes buli.
- Proses pelaksanaan aktiviti : 1. Fasilitator memberikan kata-kata aluan secara ringkas.
2. Fasilitator menjelaskan mengenai peranan setiap pihak dalam pengurusan disiplin di sekolah dan diumpamakan seperti pahlawan kerana setiap daripada mereka mempunyai tanggungjawab dalam membanteras buli.
3. Fasilitator meminta peserta untuk menjawab latihan aktiviti sendiri yang dilampirkan.
4. Peserta berbincang dalam kumpulan tentang hasil latihan yang dilakukan dan seorang wakil bagi setiap kumpulan membentangkan hasil perbincangan.
5. Fasilitator membuat rumusan dan memberi penegasan aktiviti kepada peserta iaitu:
- Peserta memahami setiap peranan individu dalam organisasi sekolah yang memainkan peranan penting dalam buli.
 - Peserta mengetahui peranan setiap pihak dalam pengurusan sekolah yang bekerja keras untuk membentara isu buli.

AKTIVITI KENDIRI S4 A2

PAHLWANKU - LAMPIRAN / LATIHAN

Nyatakan peranan individu terabit dalam pengurusan disiplin sekolah bagi membanteras masalah buli.

PENGETUA

Empty rounded rectangular box for notes under PENGETUA.

PENOLONG KANAN HAL EHWAL MURID

Empty rounded rectangular box for notes under PENOLONG KANAN HAL EHWAL MURID.

GURU DISIPLIN

Empty rounded rectangular box for notes under GURU DISIPLIN.

GURU BIMBINGAN DAN KAUNSELING

Empty rounded rectangular box for notes under GURU BIMBINGAN DAN KAUNSELING.

KETUA WARDEN

Empty rounded rectangular box for notes under KETUA WARDEN.

Panduan: Nyatakan peranan setiap individu yang dinyatakan dalam memikul tanggungjawab membanteras buli.

AKTIVITI KENDIRI S4 A2

PAHLWANKU - LAMPIRAN / LATIHAN

Bincangkan satu program yang boleh dijalankan oleh pihak sekolah bagi membendung masalah buli daripada berlaku di sekolah

Panduan: Rangka satu kertaskerja untuk menjalankan program membanteras buli.

Peranan Pengurusan Sekolah

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2014) dalam Panduan Pengurusan Menangani Buli Di Sekolah, peranan pihak pengurusan sekolah adalah seperti berikut:

Peranan Pengetua / Guru Besar

- Berkuasa sepenuhnya terhadap pengurusan disiplin sekolah.
- Pengurus jawatankuasa pengurusan disiplin sekolah
- Memastikan setiap ahli jawatankuasa berfungsi dan melaksanakan tugas yang telah dipertanggungjawabkan
- Mewujudkan kesedaran dalam kalangan semua pihak tentang isu buli di sekolah.
- Merancang, melaksanakan dan membuat penilaian pelaksanaan dan prosedur tindakan anti buli di sekolah dari semasa ke semasa.
- Memastikan wujudnya suasana kerja berpasukan dalam menangani gejala buli di sekolah.
- Mewujudkan perhubungan dan permuafakatan dengan agensi luar.
- Memastikan laporan perkembangan isu disiplin sekolah disampaikan kepada pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN).

Peranan Penolong Kanan Hal Ehwal Murid

- Bertanggungjawab kepada segala arahan daripada Pengetua/Guru Besar.
- Setiausaha jawatankuasa pengurusan disiplin sekolah.
- Merancang, menyelaraskan dan memantau program yang telah diputuskan oleh jawatankuasa pengurusan disiplin sekolah.
- Menguruskan mesyuarat berkaitan pengurusan disiplin sekolah.
- Memfailkan salinan laporan dari ahli jawatankuasa berkaitan.
- Melaporkan laporan kepada PPD.
- Memberi kefahaman tentang kesan dan implikasi buli kepada guru serta murid.
- Menerima aduan kes buli dan menjalankan tindakan susulan.



Peranan Pengurusan Sekolah

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2014) dalam Panduan Pengurusan Menangani Buli Di Sekolah, peranan pihak pengurusan sekolah adalah seperti berikut:

Peranan Penolong Kanan, Penolong Kanan Kokurikulum & Penolong Kanan Petang

- Bertanggungjawab kepada segala arahan daripada Pengetua / Guru Besar.
- Sebagai ahli jawatankuasa anti buli di peringkat sekolah.
- Melaporkan kes kepada Pengetua / Guru Besar.
- Memberi kefahaman tentang kesan buli kepada guru serta murid.
- Menerima aduan kes buli dan menjalankan tindakan susulan.

Peranan Guru Disiplin

- Bertanggungjawab kepada pengetua / guru besar serta merancang, menyelaras dan melaksanakan program yang telah diputuskan oleh jawatankuasa pengurusan disiplin sekolah.
- Mengenal pasti murid berisiko kes buli.
- Menerima aduan murid dan menjalankan siasatan kesahihan aduan.
- Mengambil tindakan wajar, adil untuk kedua-dua belah pihak yang terlibat seperti memberi nasihat dan bimbingan atau merujuk kepada personalia lain.
- Merekodkan semua kes salah laku murid dalam SSDM.
- Menjalankan pemantauan kes buli dan tindakan susulan yang berterusan.
- Menyediakan laporan salah laku kepada Penolong Kanan Hal Ehwal Murid.



Peranan Pengurusan Sekolah

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2014) dalam Panduan Pengurusan Menangani Buli Di Sekolah, peranan pihak pengurusan sekolah adalah seperti berikut:

Peranan Guru Bimbingan & Kaunseling

- Bertanggungjawab kepada pengetua / guru besar serta merancang, menyelaras dan melaksanakan program yang telah diputuskan oleh jawatankuasa pengurusan disiplin sekolah.
- Mengenal pasti murid yang berisiko kepada perlakuan buli.
- Menerima dan melaksanakan sesi kaunseling kepada murid.
- Mendapatkan data / maklumat kes buli daripada guru disiplin atau guru lain.
- Menyebarkan maklumat anti buli kepada warga sekolah dan ibu bapa murid.
- Merekodkan sesi kaunseling yang melibatkan kes buli.
- Melaksanakan sesi kaunseling berkelompok bagi mengatasi sahsiah diri pembuli secara berkumpulan.
- Pemantauan berterusan kepada murid yang terlibat (pembuli dan mangsa).
- Memberikan cadangan bagi merujuk murid kepada golongan profesional yang dapat membantu melalui pengetua / guru besar.
- Menyediakan laporan kepada Penolong Kanan Hal Ehwal Murid.

Peranan Ketua Warden

- Bertanggungjawab kepada pengetua / guru besar serta merancang, menyelaras dan melaksanakan program yang telah diputuskan oleh jawatankuasa pengurusan disiplin sekolah.
- Mewujudkan suasana kekeluargaan di asrama.
- Bertanggungjawab terhadap murid di asrama.
- Memupuk nilai murni dalam kalangan penghuni asrama.
- Sentiasa peka terhadap perlakuan murid di asrama.
- Sentiasa bersedia menerima aduan murid asrama dan membuat siasatan.
- Melaporkan hasil siasatan kepada Penolong Kanan Hal Ehwal Murid.
- Pemantauan berterusan kepada murid yang terlibat (pembuli dan mangsa).
- Menyediakan sudut pameran berkaitan dengan gejala buli.
- Memastikan ahli jawatankuasa asrama memberi informasi sekiranya berlaku gejala buli di asrama.



Peranan Pengurusan Sekolah


Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2014) dalam Panduan Pengurusan Menangani Buli Di Sekolah, peranan pihak pengurusan sekolah adalah seperti berikut:

Peranan Guru Kelas / Guru Tingkatan

- Bertanggungjawab kepada pengetua / guru besar serta merancang, menyelaras dan melaksanakan program yang telah diputuskan oleh jawatankuasa pengurusan disiplin sekolah.
- Sentiasa peka terhadap kelakuan murid yang mencurigakan.
- Memupuk nilai murni dalam kalangan murid di dalam kelasnya serta mewujudkan suasana yang ceria dan gembira.
- Sering memberi pengetahuan berkaitan hak melaporkan kes buli dan jenis-jenis buli, supaya memudahkan pihak mangsa untuk mengenal pasti perlakuan buli.
- Memberi nasihat dan garis panduan kepada murid yang berkaitan gejala buli.
- Menjalankan pemantauan berkesan serta fokus pada gejala buli.
- Menyediakan laporan kepada Penolong Kanan Hal Ehwal Murid.

Peranan Guru Agama & Moral

- Bertanggungjawab kepada pengetua / guru besar serta merancang, menyelaras dan melaksanakan program yang telah diputuskan oleh jawatankuasa pengurusan disiplin sekolah.
- Menjadi personalia rujukan untuk bimbingan kerohanian, sahsiah dan moral.
- Menyediakan program kerohanian untuk membina sahsiah diri yang baik.
- Menyampaikan tazkirah/ nasihat berkaitan dengan salah laku buli semasa perhimpunan murid.
- Menerima aduan dan memberi nasihat serta menerangkan implikasi dan perbuatan buli dari sudut agama dan moral.
- Menyediakan laporan kepada Penolong Kanan Hal Ehwal Murid.



Strategi 5

Modul Pemerkesaan Buli Peringkat Pencegahan

Aktiviti	Masa	Lampiran
Aktiviti sendiri 1: Sinar Kegemerlapan	45 minit	Nota & latihan
Aktiviti sendiri 2: Muka Pintu	45 minit	Tayangan Video & Latihan

Sinopsis :

Strategi 5 melampirkan nota bacaan bagi permufakatan pemantapan disiplin pelajar di sekolah seterusnya video motivasi diri dalam usaha mencegah seseorang pelajar daripada tingkah laku buli. Dalam strategi ini juga membentuk dua aktiviti sendiri kepada peserta iaitu sinar kegemerlapan dan muka pintu yang mana setiap aktiviti dijalankan dalam lingkungan masa 45 minit. Aktiviti tersebut mengandungi latihan yang memerlukan peserta untuk berfikir, memahami dan mengetahui secara mendalam mengenai konsep pencegahan buli ini seterusnya menanam dalam setiap diri peserta untuk melakukan pencegahan buli dari peringkat akar umbi.

Strategi 5

Modul Pemerkasaan Buli Peringkat Pencegahan

STRATEGI 5: AKTIVITI 1

SINAR KEGEMERLAPAN

- Jangka masa : 45 minit
- Bilangan peserta : 10 - 50 orang
- Tempat : Kelas atau dewan yang bersesuaian dengan jumlah peserta
- Keperluan / alatan : 1. Alat tulis
2. Aktiviti sendiri 1: sinar kegemerlapan
- Objektif : 1. Mengetahui buli pada peringkat pencegahan.
2. Mengetahui pemuafakatan pihak pengurusan disiplin di sekolah dalam usaha membanteras kes buli.
3. Memahami setiap peranan pihak bertanggungjawab yang turut terlibat dalam usaha memperkasa menangani kes buli di sekolah.
- Proses pelaksanaan aktiviti : 1. Fasilitator memberikan kata-kata aluan secara ringkas.
2. Fasilitator menjelaskan mengenai pemuafakatan pencegahan buli di sekolah dan pemantapan pengurusan disiplin di sekolah.
3. Fasilitator menjelaskan kepada peserta untuk membincangkan mengenai aktiviti sendiri yang disediakan. Fasilitator meminta peserta untuk membincangkan latihan sendiri secara berkumpulan.
4. Fasilitator meminta para peserta untuk berkongsi hasil perbincangan ahli kumpulan dengan semua peserta sebagai satu perkongsian dan peserta di minta memberikan maklum balas dalam perkongsian tersebut.
5. Fasilitator membuat rumusan dan memberi penegasan aktiviti kepada peserta iaitu:
- Peserta dapat memahami dan mengetahui pemuafakatan pencegahan buli di peringkat sekolah dengan lebih terperinci.
 - Peserta dapat mengetahui dan memahami peranan yang dimainkan dalam pemantapan disiplin pelajar di sekolah melalui program-program yang dilancarkan agar pencegahan buli ini dapat dilaksanakan secara berkesan.

AKTIVITI KENDIRI S5 A1	SINAR KEGEMERLAPAN - LAMPIRAN / LATIHAN
------------------------	---

Apakah yang perlu dilakukan dalam usaha pemantapan pengurusan disiplin murid sekolah ?

PERATURAN SEKOLAH

--

PROGRAM BULI

--

PROGRAM BERFOKUS

--

INTEGRASI KAUM

--

SEKOLAH SELAMAT

--

KELAB PENCEGAHAN JENAYAH

--

Panduan: Nyatakan peranan setiap perancangan di atas dalam usaha memantapkan pengurusan disiplin pelajar di sekolah.

Pendahuluan

- Dalam merancang aktiviti pencegahan sebagai fungsi dalam program pencegahan buli ini, di alam persekolahan, tidak semua pelajar berhak mendapatkan bimbingan dan tidak semua pelajar mahu mendapatkan bimbingan. Oleh yang demikian, adalah lebih baik pencegahan dilaksanakan pada peringkat awal agar lebih berkesan. Hal ini kerana tugas pencegahan adalah lebih ringan berbanding proses pemulihan kepada pembuli dan mangsa buli.
- Orientasi pencegahan ini dilihat sebagai satu tindakan yang proaktif dan bijak kerana boleh melibatkan semua warga sekolah dan sekitarnya. Aktiviti pencegahan mudah difahami dan dapat diterima ramai tanpa apa-apa stigma yang terdapat dalam orientasi pemulihan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014).

Pemuafakatan Pencegahan

- Dalam usaha menjayakan kempen pencegahan salah laku buli di dalam dan luar sekolah memerlukan kerjasama daripada semua pihak bagi melancarkan proses kejayaan kempen tersebut. Penglibatan agensi-agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) akan menjadikan Kempen Anti Buli ini mencapai objektif yang diharapkan. Agensi-agensi kerajaan dan NGO boleh memainkan peranan seperti berikut :

Polis Diraja Malaysia (PDRM)

- Memberi kesedaran dan kefahaman kepada murid tentang pentingnya patuh kepada undang-undang.
- Menggerakkan Pegawai Perhubungan Sekolah agar lebih aktif untuk menyertai aktiviti-aktiviti di sekolah.
- Menganjurkan ceramah dan pameran di sekolah.
- Mewujudkan sistem pemantauan dikawasan luar sekolah.

Jabatan Agama Islam

- Menyebarkan pengetahuan dari aspek keagamaan mengenai salah laku buli.
- Memberi bimbingan kesempurnaan kerohanian kepada murid.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

- Mengelolakan dan menganjurkan aktiviti-aktiviti yang boleh menimbulkan kesedaran murid akan gejala buli.
- Melibatkan diri secara aktif dalam semua aktiviti yang dirancang oleh pihak sekolah.
- Melaksanakan aktiviti yang berkaitan dengan amalan hidup sihat.

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)

- Melaksanakan program kemahiran keibubapaan.
- Memberi kesedaran dan kefahaman kepada ibu bapa tentang kepentingan kasih sayang dalam keluarga dan hidup harmoni dalam masyarakat.
- Memberi khidmat nasihat kepada ibu bapa.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

- Menerima kes rujukan atau aduan daripada pihak sekolah.
- Membantu mangsa buli dengan menyediakan khidmat perlindungan dan kaunseling atau psikoterapi.


Lain-lain agensi dan NGO berkaitan boleh juga dilibatkan oleh pihak sekolah dalam menangani gejala buli.

(Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia)

Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG)

- Menjadi ahli jawatankuasa Program Anti Buli.
- Bekerjasama dengan pihak sekolah dalam pelaksanaan Program Anti Buli.
- Menjadikan isu disiplin sebagai agenda wajib setiap kali mesyuarat PIBG.
- Menyokong semua polisi, peraturan dan panduan disiplin murid disediakan oleh pihak sekolah.





Rajah 5.1: Pemantapan Pengurusan Disiplin Murid di Sekolah
Dipetik dan diubahsuai daripada: Kementerian Pendidikan Malaysia (2014)

Strategi 5

Modul Pemerkasaan Buli

Peringkat Pencegahan

STRATEGI 5: AKTIVITI 2

MUKA PINTU

- Jangka masa : 45 minit
- Bilangan peserta : 10 - 50 orang
- Tempat : Kelas atau dewan yang bersesuaian dengan jumlah peserta
- Keperluan / alatan : 1. Alat tulis
2. Aktiviti sendiri 2: muka pintu
- Objektif : 1. Mengetahui pada peringkat pencegahan dengan video yang ditayangkan.
2. Dapat menerapkan kefahaman dalam diri mengenai pencegahan daripada perlakuan buli.
- Proses pelaksanaan aktiviti : 1. Fasilitator menerangkan aktiviti yang dijalankan.
2. Fasilitator mempertontonkan video motivasi diri kepada peserta. Fasilitator menjelaskan kepada peserta untuk membincangkan mengenai video yang di tonton. Peserta berada dalam kumpulan dan setiap kumpulan diminta berbincang mengenai apa yang mereka lihat, tahu dan faham mengenai perkara-perkara negatif daripada kegiatan buli.
3. Fasilitator meminta peserta untuk menjawab aktiviti sendiri 2.
4. Peserta diminta untuk berkongsi hasil perbincangan ahli kumpulan dengan semua peserta sebagai maklumat tambahan kepada peserta dalam usaha mencegah daripada terlibat dengan kegiatan buli.
5. Fasilitator membuat rumusan dan memberi penegasan aktiviti kepada peserta iaitu:
- Peserta dapat membentuk diri masing-masing ke arah yang positif dan mencegah daripada melakukan buli yang mana buli merupakan satu perbuatan yang dapat memberi impak negatif kepada mereka yang terlibat.
 - Peserta bukan sahaja dapat membentuk program membanteras buli malah dapat menanam pencegahan dalam diri untuk tidak menjadi pembuli atau mangsa buli yang berada pada tahap kritikal.


AKTIVITI KENDIRI S5 A2

MUKA PINTU - LAMPIRAN / LATIHAN

Apakah yang anda faham mengenai video yang ditayangkan?



Sekiranya anda merupakan pembuli, apakah dengan melakukan buli anda merasakan masa depan anda cerah dan berkembang baik? Mengapa?



Panduan: Berikan kefahaman anda terhadap video yang ditayangkan seterusnya nyatakan refleksi diri anda terhadap situasi yang diberikan.

AKTIVITI KENDIRI S5 A2


MUKA PINTU - LAMPIRAN / LATIHAN

Bincang dan senaraikan bentuk-bentuk pencegahan buli yang boleh dilakukan kepada warga sekolah yang dapat memberi manfaat bersama?

Panduan: Nyatakan bentuk pencegahan buli yang boleh dilakukan dalam usaha memperkasa menangani buli.

AKTIVITI KENDIRI S5 A2

MUKA PINTU - VIDEO MOTIVASI DIRI



Strategi 6

Modul Pemerkesaan Buli Peringkat Perkembangan

Aktiviti	Masa	Lampiran
Aktiviti sendiri 1: Rantaian Hati	45 minit	Nota & latihan
Aktiviti sendiri 2: Teratai Malam	45 minit	Tayangan Video & Latihan

Sinopsis :

Strategi 6 melampirkan nota bacaan bagi orientasi perkembangan buli dan video buli dalam usaha membawa peserta melihat tingkah laku buli yang menghalang daripada perkembangan positif yang baik dalam diri. Strategi ini membentuk dua aktiviti sendiri kepada peserta iaiturantaian hati dan teratai malam yang mana setiapaktiviti dijalankan dalam lingkungan masa 45 minit. Aktiviti tersebut mengandungi latihan yang memerlukan peserta untuk berfikir, memahami dan mengetahui secara mendalam mengenai konsep perkembangan ini yang membentuk kepada sifat positif seseorang individu.

Strategi 6

Modul Pemerksaan Buli Peringkat Perkembangan

STRATEGI 6: AKTIVITI 1

RANTAIAN HATI

- Jangka masa : 45 minit
- Bilangan peserta : 10 - 50 orang
- Tempat : Kelas atau dewan yang bersesuaian dengan jumlah peserta
- Keperluan / alatan : 1. Alat tulis
2. Aktiviti sendiri 1: rantaian hati
- Objektif : 1. Mengetahui peringkat perkembangan buli bagi seseorang individu.
2. Memahami buli pada peringkat perkembangan melalui latihan sendiri yang dijalankan.
- Proses pelaksanaan aktiviti : 1. Fasilitator memberikan kata-kata aluan secara ringkas.
2. Fasilitator menjelaskan mengenai orientasi perkembangan buli yang melibatkan pelajar di sekolah.
3. Fasilitator menjelaskan kepada peserta untuk membincangkan mengenai aktiviti sendiri yang disediakan. Fasilitator meminta peserta untuk membincangkan latihan sendiri secara berkumpulan.
4. Fasilitator meminta para peserta untuk berkongsi hasil perbincangan ahli kumpulan dengan semua peserta sebagai satu perkongsian dan peserta di minta memberikan maklum balas dalam perkongsian tersebut.
5. Fasilitator membuat rumusan dan memberi penegasan aktiviti kepada peserta iaitu:
- Peserta dapat memahami dan mengetahui apa itu orientasi perkembangan buli di peringkat sekolah dengan lebih terperinci.
 - Peserta dapat menerapkan dalam diri orientasi perkembangan ini untuk terus membentuk diri ke arah bersifat positif dan produktif.

AKTIVITI KENDIRI S6 A1

RANTAIAN HATI - LAMPIRAN / LATIHAN

Apakah nilai-nilai yang positif yang dapat diterapkan dalam diri individu supaya orientasi perkembangan ini dilihat menyokong usaha perkembangan yang baik dalam diri seseorang individu?

Panduan: Nyatakan nilai-nilai positif yang perlu diterapkan dalam diri seseorang

LAMPIRAN NOTA BACAAN S5 A1

SINAR KEGEMERLAPAN

Kementerian Pendidikan Malaysia (2014) menekankan bahawa dalam orientasi perkembangan ini perlu mengandaikan bahawa 'setiap murid yang normal itu berhak diberi bimbingan bagi perkembangan dirinya'. Aktiviti berbentuk perkembangan ini merupakan penyambungan yang menghubungkan antara sifat-sifat kelainan antara perezaan individu dengan tuntutan masyarakat dan budaya. Aktiviti ini tidak berorientasikan krisis, tetapi lebih mengutamakan perkembangan potensi yang ada pada murid.

Falsafah kepada bimbingan yang berbentuk perkembangan ini ialah setiap individu itu mempunyai nilai dan berhak kepada perkembangan yang optimum. Contohnya, murid dipupuk untuk mengembangkan sifat kasih sayang dan tolong menolong yang sedia ada dalam fitrah kejadian diri mereka. Mereka dilatih dengan kemahiran komunikasi untuk pergaulan seharian dalam masyarakat. Perubahan kepada orientasi ini amat perlu bagi program menangani buli kerana buat masa ini kita memerlukan satu sistem yang aktif dan proaktif, bukannya hanya berfungsi sebagai "Fire Fighters" yang bersifat reaktif sahaja (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014).

Selain itu, menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2014) menyatakan bahawa program pencegahan buli yang berorientasikan perkembangan ini adalah satu perkhidmatan yang melibatkan kerjasama seluruh masyarakat sekolah. Orientasi ini menolong murid memahami diri orang lain, memahami peluang-peluang terbuka untuknya dan bertanggungjawab. Hasilnya, murid akan berasa dirinya berguna serta pengalaman sebagai murid adalah berfaedah untuk menolongnya mengendalikan hidup.

Mempertimbangkan pemahaman dan pengiktirafan darihal wujudnya perbezaan antara individu (individual differences). Sejajar itu, program-program yang dirancang perlu membimbing murid memahami diri sendiri dan perbezaan mereka dengan orang lain. Murid harus disedarkan tentang potensi masing-masing dan peluang-peluang yang terbuka kepadamereka dan mereka tidak perlu menjadipembuli bagi memperoleh apa yang diinginkan. Pada masa yang sama, murid-murid yang lemah dapat disedarkan mereka tidak perlu menjadi mangsa buli kerana mereka berupaya dan berhak menentukan supaya tidak ditindas.

Orientasi perkembangan sesuai dijalankan secara berterusan supaya setiap murid mengetahui hak masing-masing dan gejala buli tidak berpeluang bertapak di sekolah. Kesimpulannya, langkah-langkah yang proaktif dan berterusan perlu di ambil dalam usaha mencapai matlamat pendidikan negara disamping prinsip-prinsip utama yang perlu diambil kira semasa merancang program menangani buli di sekolah.

Strategi 6

Modul Pemerkesaan Buli Peringkat Perkembangan

STRATEGI 6: AKTIVITI 2

TERATAI MALAM

- Jangka masa : 90 minit
- Bilangan peserta : 10 - 50 orang
- Tempat : Kelas atau dewan yang bersesuaian dengan jumlah peserta
- Keperluan / alatan : 1. Alat tulis, nota dan latihan
2. Aktiviti sendiri 2: teratai malam
- Objektif : 1. Mengetahui dan memahami buli pada peringkat perkembangan dengan video yang ditayangkan.
2. Dapat menerapkan dalam diri orientasi perkembangan dalam usaha menjauhi daripada perlakuan buli.
- Proses pelaksanaan aktiviti : 1. Fasilitator menerangkan aktiviti yang dijalankan.
2. Fasilitator mempertontonkan video buli diri kepada peserta. Fasilitator menjelaskan kepada peserta untuk membincangkan mengenai video yang di tonton. Peserta berada dalam kumpulan dan setiap kumpulan diminta berbincang mengenai apa yang mereka lihat, tahu dan faham mengenai perkara-perkara negatif daripada kegiatan buli. Perkara – perkara ini perlu diorientasikan dengan perkembangan yang positif untuk membentuk tingkah laku yang menjauhi buli.
3. Fasilitator meminta peserta untuk menjawab aktiviti sendiri 2.
4. Peserta diminta untuk berkongsi hasil perbincangan ahli kumpulan dengan semua peserta sebagai maklumat tambahan kepada peserta dalam usaha mencegah daripada terlibat dengan kegiatan buli.
5. Fasilitator membuat rumusan dan memberi penegasan aktiviti kepada peserta iaitu:
- Peserta dapat membentuk diri masing-masing ke arah yang positif dan mencegah daripada melakukan buli yang mana tingkah laku positif dapat mencegah daripada tingkah laku buli.
 - Peserta bukan sahaja dapat membentuk perlakuan yang baik malah mereka dapat mengajak orang lain untuk memperkembangkan sikap positif dalam diri terutamanya mengelak daripada tingkah laku buli yang membawa kesan negatif dalam diri peserta.

AKTIVITI KENDIRI S6 A2

TERATAI MALAM - LAMPIRAN / LATIHAN

Apakah aktiviti yang dapat dilakukan dalam membantu seseorang individu untuk membuktikan dirinya sangat bermakna dan berharga kepada masyarakat sekeliling?

Panduan: Berikan kefahaman anda terhadap video yang ditayangkan seterusnya nyatakan refleksi diri anda terhadap situasi yang diberikan.

AKTIVITI KENDIRI S6 A2

TERATAI MALAM - LAMPIRAN / LATIHAN


Sekiranya anda merupakan pembuli, apakah yang dapat anda rasakan sekiranya ibu bapa anda yang diperlakukan seperti itu?

Sekiranya anda merupakan anak yang sayang terhadap ibu bapa dan keluarga, apakah tindakan yang anda lakukan supaya tidak terlibat dengan kegiatan buli?

Panduan: Nyatakan refleksi diri anda terhadap situasi yang diberikan.

AKTIVITI KENDIRI S6 A2

TERATAI MALAM - VIDEO BULI



Strategi 7

Modul Pemerkesaan Buli Peringkat Pemulihan

Aktiviti	Masa	Lampiran
Aktiviti sendiri 1: Cahaya Bulan	45 minit	Nota & latihan
Aktiviti sendiri 2: Pancaran Matahari	45 minit	Tayangan video & latihan

Sinopsis :

Strategi 7 melampirkan nota bacaan dan video suasana aman di sekolah yang menggalakkan peserta seronok dan terasa nyaman berada di sekolah yang bebas dari buli. Strategi ini membentuk dua aktiviti sendiri kepada peserta iaitu cahaya bulan dan pancaran matahari yang mana setiap aktiviti dijalankan dalam lingkungan masa 45 minit. Aktiviti tersebut mengandungi latihan yang memerlukan peserta untuk berfikir, memahami dan mengetahui secara mendalam mengenai konsep pemulihan ini yang membentuk kepada pemeliharaan tingkah laku yang baik dan positif secara berterusan.

Strategi 7

Modul Pemerkesaan Buli

Peringkat Pemulihan

STRATEGI 7: AKTIVITI 1

CAHAYA BULAN

- Jangka masa : 45 minit
- Bilangan peserta : 10 - 50 orang
- Tempat : Kelas atau dewan yang bersesuaian dengan jumlah peserta
- Keperluan / alatan : 1. Alat tulis, nota dan latihan
2. Aktiviti sendiri 1: cahaya bulan
- Objektif : 1. Mengetahui buli pada peringkat pemulihan melalui aktiviti yang dijalankan.
2. Memahami buli pada peringkat pemulihan individu agar kesedaran terhadap pemulihan ini menjadi tunjang kepada kebebasan seseorang individu daripada dihantui masalah buli.
- Proses pelaksanaan aktiviti : 1. Fasilitator memberikan kata-kata aluan secara ringkas.
2. Fasilitator menjelaskan kepada peserta mengenai orientasi pemulihan dan memberikan penjelasan mengenai pemulihan.
3. Fasilitator meminta peserta berada dalam kumpulan membuat latihan sendiri 1 yang disediakan.
4. Fasilitator meminta peserta untuk berkongsi hasil latihan yang telah disiapkan bersama peserta lain dan peserta digalakkan memberi pandangan dan perbincangan semasa perkongsian tersebut.
5. Fasilitator membuat rumusan dan memberi penegasan aktiviti kepada peserta iaitu:
- Peserta dapat mengekalkan tingkah laku yang baik dan positif untuk memperoleh gaya hidup bahagia dan gembira.
 - Sebelum melakukan tindakan yang menyumbang kepada penyesalan seumur hidup adalah lebih baik peserta berfikir secara mendalam sebelum melakukan perbuatan buli yang sudah pastinya tidak memberikan manfaat kepada diri sendiri.

AKTIVITI KENDIRI S7 A1

CAHAYA BULAN - LAMPIRAN / LATIHAN

Bayangkan anda dan keluarga berada di tepi sungai yang cantik dan mendamaikan di dalam hutan. Anda dan keluarga melakukan pelbagai aktiviti sihat dan bergelak ketawa dengan riang tanpa kerisauan atau kebimbangan. Anda berkongsi-kongsi cerita dengan ahli keluarga dan mereka memberikan sokongan terhadap apa yang telah anda kongsikan dan anda merasakan anda sangat bersyukur kerana mempunyai sebuah keluarga yang sangat bahagia.

Sekiranya anda merupakan seorang pembuli yang dijatuhkan hukuman, adakah anda merasakan hidup anda bahagia dan keluarga akan memberikan sokongan kepada anda seperti mana yang anda mahukan?

Adakah anda mahu menjadi seorang yang tidak disayangi atau tidak dihiraukan ahli keluarga? Sekiranya anda diperlakukan begitu, apakah yang anda rasa dan apakah tindakan yang akan anda lakukan untuk mengelakkan situasi tersebut terjadi kepada diri anda?

Panduan: Berikan pandangan anda berdasarkan situasidi atas.

Apa itu pemulihan?

- Dalam pemilihan aktiviti berorientasikan pemulihan atau memulih, andaian bahawa “tidak semua pelajar berhak untuk diberi bimbingan”. Oleh itu, pelajar yang berhak melalui proses bimbingan itu adalah mereka yang amat memerlukan bimbingan iaitu pelajar yang dikenalpasti mempunyai masalah dan perlunya bimbingan sebelum sesuatu keadaan menjadi lebih serius. Walaupun program atau aktiviti pemulihan dianggap sebagai satu tindakan yang lewat, masalah pelajar perlu dirawat agar tidak merebak daripada seorang pelajar kepada pelajar yang lain.



Strategi 7

Modul Pemerkesaan Buli

Peringkat Pemulihan

STRATEGI 7: AKTIVITI 2

PANCARAN MATAHARI

- Jangka masa : 45 minit
- Bilangan peserta : 10 - 50 orang
- Tempat : Kelas atau dewan yang bersesuaian dengan jumlah peserta
- Keperluan / alatan : 1. Alat tulis, nota, latihan dan video sekolah aman
2. Aktiviti sendiri 2: pancaran matahari
- Objektif : 1. Mengetahui buli pada peringkat pemulihan dengan mengambil perkara positif hasil daripada video yang ditayangkan.
2. Memahami dan mendalami buli pada peringkat pemulihan agar setiap individu dapat merasaierti kedamaian di sekolah yang bebas dengan kejadian buli.
- Proses pelaksanaan aktiviti : 1. Fasilitator menerangkan aktiviti yang dijalankan. Fasilitator mempertontonkan video ketenangan di sekolah kepada peserta.
2. Fasilitator menjelaskan kepada peserta untuk membincangkan mengenai video yang di tonton. Peserta berada dalam kumpulan dan setiap kumpulan diminta berbincang mengenai apa yang mereka lihat, tahu dan faham mengenai suasana yang aman dan permai di sekolah yang harmoni terhindar daripada unsur-unsur negatif yang membawa keburukan kepada sekolah dan pelajar.
3. Fasilitator meminta peserta untuk menjawab aktiviti yang disediakan dan berbincang mengenai aktiviti tersebut di dalam kumpulan.
4. Peserta diminta untuk berkongsi hasil perbincangan ahli kumpulan dengan semua peserta sebagai satu pengajaran positif dalam diri yang dapat dikongsi bersama.
5. Fasilitator membuat rumusan dan memberi penegasan aktiviti kepada peserta iaitu:
- Peserta dapat membentuk jati diri masing-masing untuk mengekalkan tingkah laku yang baik dan positif yang dapat menyumbang kepada kehidupan yang harmoni dan mendamaikan.
 - Peserta dapat mempelajari satu kehidupan yang harmoni dan membentuk sikap positif sebagai seorang pelajar dan sebagai anak yang membahagiakn orang disekeliling.

AKTIVITI KENDIRI S7 A1

PANCARAN MATAHARI - LAMPIRAN / LATIHAN

Daripada video yang anda lihat, berikan refleksi diri anda terhadap kebaikan dan manfaat yang diperoleh sekiranya anda tidak terjebak dengan kegiatan buli?

Panduan: Berikan refleksi diri anda setelah menonton video tersebut.

AKTIVITI KENDIRI S7 A1

PANCARAN MATAHARI - LAMPIRAN / LATIHAN

Daripada video yang anda lihat, sebagai pelajar/warden, berikan refleksi diri anda terhadap kebaikan dan manfaat yang diperoleh sekiranya buli dapat ditangani dengan berkesan?

Panduan: Berikan refleksi diri anda sekiranya buli dapat ditangani dengan berkesan.

AKTIVITI KENDIRI S7 A1


PANCARAN MATAHARI - LAMPIRAN / LATIHAN

Apakah kesan yang dapat dilihat ke atas seseorang mangsa buli setelah melalui orientasi pemulihan?

Panduan: Berikan pandangan anda terhadap pembuli atau mangsa buli yang telah pulih daripada peralakuan tersebut.

LAMPIRAN S7 A2

PANCARAN MATAHARI - VIDEO



Strategi 8

Aplikasi Orientasi Pencegahan, Orientasi Perkembangan & Orientasi Pemulihan

Aktiviti	Masa	Lampiran
Aktiviti sendiri 1: Cermin Kaca	60 minit	Keratan akhbar & latihan
Aktiviti sendiri 2: Roda Kehidupan	30 minit	Inventori pencegahan, perkembangan & pemulihan buli

Sinopsis :

Strategi 8 melampirkan keratan akhbar, latihan dan inventori yang melibatkan orientasi pencegahan, perkembangan dan pemulihan buli. Strategi ini membentuk dua aktiviti sendiri kepada peserta iaitu cermin kaca dan roda kehidupan yang mana aktiviti sendiri 1 mengambil masa 60 minit dan aktiviti sendiri 2 mengambil masa 30 minit. Aktiviti tersebut mengandungi latihan yang memerlukan peserta untuk berfikir, memahami dan mengetahui secara mendalam mengenai konsep orientasi ini yang membentuk kepada pemeliharaan tingkah laku yang baik dan positif secara berterusan.

Strategi 8

Aplikasi Orientasi Pencegahan, Orientasi Perkembangan & Orientasi Pemulihan

STRATEGI 8: AKTIVITI 1

CERMIN KACA

- Jangka masa : 45 minit
- Bilangan peserta : 10 - 50 orang
- Tempat : Kelas atau dewan yang bersesuaian dengan jumlah peserta
- Keperluan / alatan : 1. Alat tulis, modul pemerksaan menangani buli dalam perkhidmatan kaunseling di sekolah.
- Objektif : 2. Aktiviti sendiri 1: cermin kaca
1. Orientasi pencegahan, orientasi perkembangan dan orientasipemulihan dapat diaplikasi dengan berkesan kepada peserta
 2. Membantu peserta memahami dan mendalami aplikasi ini dengan baik supaya ianya dapat diterapkan denganberkesan dalam diri seseorang peserta.
- Proses pelaksanaan aktiviti : 1. Fasilitator menjelaskan aktiviti yang dijalankan.
2. Fasilitator memaklumkan aktiviti mengikut warna 'trafic light' bagi mewakili setiap orientasi. Merah mewakili orientasi pencegahan, Oren mewakili orientasi perkembangan dan Hijau mewakili orientasi pemulihan.
 3. Fasilitator menjelaskan fungsi warna bagi setiap yang digunakan dan setiap aktiviti bagi mewakili orientasi tersebut disertakan dengan kajian kes.
- Warna merah yang mewakili orientasi pencegahan merupakan orientasi kepada peserta yang mana mereka berada dalam kelompok pencegahan buli. Ini bermakna peserta masih perlu diberikan bimbingan, diberikan motivasi, dorongan,pengetahuan secukupnya dan seterusnya dipantau dari semasa ke semasa untuk melihat perkembangan yang lebih baik.
 - Warna oren mewakili orientasi perkembangan bagi kategoribuli bagi peserta. Pada peringkat ini, peserta masih dalam orientasi perkembangan yang mana peserta masih dalam proses mengumpul maklumat dan pengetahuan serta mendalami dengan lebih baik dan positif kesan yang terhasildaripada isu buli yang telah dilalui oleh peserta.

Strategi 8

Aplikasi Orientasi Pencegahan, Orientasi Perkembangan & Orientasi Pemulihan

STRATEGI 8: AKTIVITI 1


CERMIN KACA - LAMPIRAN / LATIHAN

Proses pelaksanaan :
aktiviti

- Warna Hijau mewakili orientasi pemulihan. Orientasi pemulihan ini menunjukkan peserta dalam proses pemulihan sepenuhnya di mana peserta telah melalui satu proses yang membantu diri mereka pulih sepenuhnya dari dibelenggu masalah buli. Namun, peserta masih terus dalam usaha memastikan dirinya terus jauh dan membuang isu buli tersebut dari dalam diri peserta.

4. Fasilitator membuat rumusan dan memberi penegasan aktiviti kepada peserta iaitu:

- Peserta memahami fungsi setiap warna yang digunakan dan peserta lebih memahami dan mengetahui di peringkat mana mereka berada.
- Peserta lebih peka terhadap pembawaan diri mereka ke arah yang lebih baik dan positif.



Rajah 8.1

Traffic Light mewakili setiap orientasi

Strategi 8

Aplikasi Orientasi Pencegahan, Orientasi Perkembangan & Orientasi Pemulihan

STRATEGI 8: AKTIVITI 1

CERMIN KACA - LAMPIRAN / LATIHAN



**Orientasi
Pencegahan**

'Saya tak akan maafkan kamu'

ASYKIN ASMIN [Follow](#)

18 Julai 2025 02:27pm
Masa membaca: 2 minit

[f](#) [X](#) [WhatsApp](#)

Terus kuat anaku.

Photo · 1d ago

Kpd pembenci2 anak sy, mungkin kamu sudah berpusing2 melihat keadaan ini. Ingat, seteg kamu belum memohon maaf dan mengaku, sy jg tidak akan memaafkan kamu. Sy tahu nama2 mereka yg selalu e Zara sebut.

Saw translation

Search

Add comment...

275
159
809

Tangkap layar pemilik akaun dipercayai ibu kepada pelajar yang dilaporkan meninggal dunia akibat terjatuh dari tingkat tiga bangunan sekolah di Papar.

Strategi 8

Aplikasi Orientasi Pencegahan, Orientasi Perkembangan & Orientasi Pemulihan

STRATEGI 8: AKTIVITI 1

CERMIN KACA - LAMPIRAN / LATIHAN

Berdasarkan kes di atas, bincangkan bentuk pencegahan yang dapat membendung kejadian tersebut dari terus berlaku

Panduan: Bincangkan bersama ahli kumpulan bentuk pencegahan buli yang boleh dilakukan.

Strategi 8

Aplikasi Orientasi Pencegahan, Orientasi Perkembangan & Orientasi Pemulihan

STRATEGI 8: AKTIVITI 1

CERMIN KACA - LAMPIRAN / LATIHAN



**Orientasi
Perkembangan**

'Anak alami gegaran otak akibat dibuli, pelaku tak dikenakan tindakan atas alasan masih bawah umur...' - Ibu mangsa

Oleh **Mary Victoria Dasa** - 0gos 17, 2025 @ 3:58pm



Izzul Islam Azuan Isaidi menerima rawatan di sebuah hospital swasta di bandar raya dipercayai selepas mengalami gegaran otak. Foto ihsan keluarga

Strategi 8

Aplikasi Orientasi Pencegahan, Orientasi Perkembangan & Orientasi Pemulihan

STRATEGI 8: AKTIVITI 1

CERMIN KACA - LAMPIRAN / LATIHAN

Berdasarkan kes di atas, bincangkan bentuk perkembangan buli dalam diri seseorang individu yang dapat membendung kejadian tersebut berlaku.

Panduan: Bincangkan bersama ahli kumpulan bentuk perkembangan buli dalam diri seseorang yang boleh membendung kejadian buli dari terus berlaku.

Strategi 8

Aplikasi Orientasi Pencegahan, Orientasi Perkembangan & Orientasi Pemulihan

STRATEGI 8: AKTIVITI 1

CERMIN KACA - LAMPIRAN / LATIHAN



**Orientasi
Pemulihan**

A photograph of a woman with short dark hair and glasses, wearing a dark suit, speaking at a podium. In the top right corner of the image, there is a circular logo featuring a scale of justice and the word 'INFO'.

**KESALAHAN BULI
BAKAL DIPENJARA
SEHINGGA 10 TAHUN**

Individu yang melakukan gangguan, penghinaan atau perbuatan membuli termasuk dalam talian kini berdepan hukuman penjara sehingga 10 tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Perkara ini termaktub dalam pindaan Kanun Keseksaan melalui Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2025 [Akta A1750] yang diperkenalkan oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM).

Dato' Eric Abraham Binti عثمان سعيد
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Undang-Undang dan Reformasi Institusi)

Strategi 8

Aplikasi Orientasi Pencegahan, Orientasi Perkembangan & Orientasi Pemulihan

STRATEGI 8: AKTIVITI 1

CERMIN KACA - LAMPIRAN / LATIHAN

Berdasarkan kes di atas, bincangkan bentuk pemulihan buli yang dapat dijalankan dalam usaha membendung kejadian tersebut dari terus berlaku.

Panduan: Bincangkan bersama ahli kumpulan bentuk pemulihan buli yang boleh dilakukan dalam usaha membantu seseorang menjauhi buli.

Strategi 8

Aplikasi Orientasi Pencegahan, Orientasi Perkembangan & Orientasi Pemulihan

STRATEGI 8: AKTIVITI 2

RODA KEHIDUPAN

- Jangka masa : 30 minit
- Bilangan peserta : 10 - 50 orang
- Tempat : Kelas atau dewan yang bersesuaian dengan jumlah peserta
- Keperluan / alatan : 1. Inventori pencegahan buli, inventori perkembangan buli dan inventori pemulihan buli
- Objektif : 2. Aktiviti sendiri 2: rodah kehidupan
1. Membantu peserta memahami dan mendalami aplikasi ini dengan lebih supaya ianya dapat diterapkan dengan berkesan dalam diri seseorang peserta.
 2. Peserta dapat melihat tahap perkembangan diri melalui inventori yang dijalankan.
- Proses pelaksanaan aktiviti : 1. Fasilitator menjelaskan aktiviti yang dijalankan.
2. Fasilitator mengedarkan inventori kepada peserta dan meminta peserta untuk menjawab inventori tersebut dalam masa 30 minit.
 3. Fasilitator mentadbir inventori tersebut bersama peserta dan seterusnya meminta peserta secara sukarela untuk berkongsi hasil yang diperoleh dengan peserta lain.
 4. Fasilitator membuat rumusan dan memberi penegasan aktiviti kepada peserta iaitu:
 - Peserta memahami peringkat orientasi diri mereka.
 - Setiap peserta memahami dan mendalami orientasi tersebut secara berkesan dan dapat membantu diri daripada sifar buli dan hidup secara normal dan bahagia.

Strategi 8

Aplikasi Orientasi Pencegahan, Orientasi Perkembangan & Orientasi Pemulihan

STRATEGI 8: AKTIVITI 2	INVENTORI PENCEGAHAN BULI - LAMPIRAN / LATIHAN
------------------------	--

BIL	PERNYATAAN	PERNYATAAN			
		1	2	3	4
1	Saya takut melihat kejadian buli				
2	Saya sering mendapatkan maklumat mengenai kejadian buli				
3	Saya akan melaporkan kepada guru sekiranya melihat kejadian buli				
4	Buli merupakan satu perlakuan yang merugikan diri sendiri				
5	Saya menasihati rakan-rakan untuk tidak terlibat dengan buli				
6	Saya sentiasa memastikan rakan-rakan tidak terlibat dengan buli				
7	Bagi saya individu melakukan buli adalah orang yang jahat				
8	Buli adalah satu perbuatan yang sia-sia				
9	Kejadian buli meruntuhkan akhlak seseorang				

Strategi 8

Aplikasi Orientasi Pencegahan, Orientasi Perkembangan & Orientasi Pemulihan

STRATEGI 8: AKTIVITI 2	INVENTORI PENCEGAHAN BULI - LAMPIRAN / LATIHAN
------------------------	--

BIL	PERNYATAAN	PERNYATAAN			
		1	2	3	4
10	Pelaku buli merupakan orang yang tidak bermoral				
*11	Buli satu perbuatan yang mampu menunjukkan kuasa seseorang				
*12	Buli merupakan perbuatan yang mengajar seseorang bersosial				
*13	Buli adalah satu tindakan yang meningkatkan keupayaan diri				
*14	Secara rasionalnya, buli sangat digalakkan untuk meningkatkan generasi yang digeruni				
*15	Buli dapat membantu seseorang belajar untuk menggertak orang lain supaya ditakuti				

Strategi 8

Aplikasi Orientasi Pencegahan, Orientasi Perkembangan & Orientasi Pemulihan

STRATEGI 8: AKTIVITI 2

INVENTORI PEKEMBANGAN BULI - LAMPIRAN / LATIHAN

BIL	PERNYATAAN	PERNYATAAN			
		1	2	3	4
1	Saya senang dapat membantu guru memantau kejadian buli di sekolah				
2	Saya sedar kegiatan buli demi perlu dijauhi demi kebaikan				
3	Saya sedar ibu bapa sangat mengharapkan saya berkelakuan baik				
4	Saya tahu guru-guru sangat mengharapkan kelakuan yang baik daripada pelajar				
5	Pihak sekolah mengalukan kehadiran pelajar yang bebas dari kegiatan buli				
6	Saya sedia membantu pihak sekolah sekiranya diminta menjadi ahli jawatankuasa membanteras buli				
7	Saya selesa dengan suasana harmoni di sekolah				
8	Saya gembira dapat berada di sekolah yang bebas buli				
9	Saya sentiasa membantu memantau kejadian buli di sekolah				

Strategi 8

Aplikasi Orientasi Pencegahan, Orientasi Perkembangan & Orientasi Pemulihan

STRATEGI 8: AKTIVITI 2

INVENTORI PEKEMBANGAN BULI - LAMPIRAN / LATIHAN

BIL	PERNYATAAN	PERNYATAAN			
		1	2	3	4
10	Saya terus melaporkan apabila melihat kejadian buli yang berlaku di sekolah				
*11	Saya tidak kisah sekolah mempunyai kaki buli				
*12	Saya tidak suka ambil tahu mengenai kejadian buli				
*13	Bagi saya setiap pembuli berhak melakukan buli sekiranya mempunyai sebab munasabah				
*14	Buli dapat meningkatkan emosi yang baik				
*15	Seseorang yang melakukan buli dapat meningkatkan keberanian mereka				

Strategi 8

Aplikasi Orientasi Pencegahan, Orientasi Perkembangan & Orientasi Pemulihan

STRATEGI 8: AKTIVITI 2	INVENTORI PEMULIHAN BULI - LAMPIRAN / LATIHAN
------------------------	---

BIL	PERNYATAAN	PERNYATAAN			
		1	2	3	4
1	Saya tahu perbuatan buli salah di sisi undang-undang				
2	Buli merupakan satu perbuatan yang tidak bermoral				
3	Individu yang melakukan buli perlu dihadapkan ke muka pengadilan				
4	Buli satu perbuatan yang sia-sia				
5	Saya tidak terlibat dengan kegiatan buli				
6	Sekiranya saya ditangkap kerana melakukan buli saya sanggup menerima hukuman				
7	Sekiranya saya dibuli saya tidak teragak-agak melaporkan kepada pihak bertanggungjawab				
8	Saya sedar perbuatan buli meruntuhkan sahsiah saya di mata masyarakat				
9	Saya fikir saya perlu menghindarkan diri daripada unsur-unsur negatif buli				


Strategi 8


Aplikasi Orientasi Pencegahan, Orientasi Perkembangan & Orientasi Pemulihan

STRATEGI 8: AKTIVITI 2

INVENTORI PEMULIHAN BULI - LAMPIRAN / LATIHAN

BIL	PERNYATAAN	PERNYATAAN			
		1	2	3	4
10	Buli merosakkan hubungan dengan orang sekeliling				
*11	Buli merupakan cara saya bersosial dengan orang lain				
*12	Buli merupakan satu cara berinteraksi yang tepat				
*13	Bagi saya buli tidak salah di sisi undang-undang				
*14	Buli merupakan satu bentuk gurauan				
*15	Saya rasa buli dapat meningkatkan tahap keyakinan saya berhadapan dengan orang				





Strategi 9

Peraturan Umum Jangan Buli

Aktiviti	Masa	Lampiran
Aktiviti sendiri 1: Jiwa Terseksa	30 minit	Nota & latihan

Sinopsis :

Strategi 9 melampirkan nota bacaan dan latihan. Strategi ini membentuk satu aktiviti sendiri kepada peserta iaitu jiwa terseksa yang mana aktiviti ini dijalankan dalam lingkungan masa 30 minit. Aktiviti tersebut mengandungi latihan yang memerlukan peserta untuk berfikir, memahami dan mengetahui secara mendalam mengenai peraturan umum jangan buli disamping membawa peserta mendalami dirinya dalam usaha membanteras buli sama ada pembuli mahupun mangsa buli itu sendiri.

Strategi 9

Peraturan Umum Jangan Buli

STRATEGI 9: AKTIVITI 1

JIWA TERSEKSA

- Jangka masa : 30 minit
- Bilangan peserta : 10 - 50 orang
- Tempat : Kelas atau dewan yang bersesuaian dengan jumlah peserta
- Keperluan / alatan : 1. Alat tulis, nota dan latihan
2. Aktiviti sendiri 1: jiwa terseksa
- Objektif : 1. Memberi kefahaman kepada warga sekolah khususnya dan ibu bapa serta masyarakat sekeliling umumnya mengenai peraturan umum jangan buli.
2. Memberi kesedaran kepada warga sekolah, ibu bapa dan masyarakat sekeliling betapa pentingnya mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.
3. Menambah pengetahuan kepada semua pihak mengenai peraturan umum jangan buli agar dapat membantu menangani kejadian buli.
- Proses pelaksanaan aktiviti : 1. Fasilitator menjelaskan mengenai aktiviti yang akan dijalankan.
2. Fasilitator menerangkan secara ringkas mengenai peraturan jangan buli kepada peserta.
3. Fasilitator menjelaskan kepada ahli kumpulan mengenai aktiviti yang dijalankan iaitu ahli kumpulan dikehendaki menjawab aktiviti sendiri yang disediakan mengenai kejadian buli yang mana situasinya melibatkan ahli keluarga yang terlibat dalam kejadian buli tersebut.
4. Fasilitator menjelaskan penegasan aktiviti yang dijalankan kepada peserta. Melalui aktiviti ini peserta akan dapat memahami dan merasai secara tidak langsung perasaan dan pemikiran individu yang menjadi mangsa buli seterusnya apa akibat menjadi seorang pembuli. Ini merupakan satu tindakan yang membawa kesedaran moral kepada peserta.

Strategi 9

Peraturan Umum Jangan Buli

STRATEGI 9: AKTIVITI 1

JIWA TERSEKSA - LAMPIRAN / LATIHAN

1. Sekiranya anda seorang pembuli, apa yang anda rasakan sekiranya yang di buli itu adalah adik beradik anda?



2. Sekiranya anda seorang mangsa buli, apakah perasaan sekiranya anda melihat adik beradik anda yang dibuli?



3. Pada pandangan anda, apakah hukuman yang patut dijatuhkan kepada seorang pembuli?



Strategi 9

Peraturan Umum Jangan Buli

STRATEGI 9: AKTIVITI 1

JIWA TERSEKSA - LAMPIRAN / LATIHAN

4. Siapakah antara mereka di bawah ini yang ingin anda buli?

- a. Guru / Pengetua
- b. Ibu Bapa
- c. Abang / Kakak / Adik
- d. Rakan-rakan
- e. Jiran Tetangga

5. Berdasarkan jawapan anda di soalan nombor 4, mengapakah individu terbabit yang anda pilih untuk dibuli? Nyatakan.

Panduan: Sila jawab di ruangan yang disediakan.

Peraturan Umum Jangan Buli

Peraturan umum ini memberi penekanan kepada pemikiran, emosi dan tingkah laku yang positif dan fleksibel berdasarkan kepada persekitaran ilmun sebuah sekolah. Peraturan umum jangan buli ialah :

1. *Mind Set* buli adalah satu jenayah berat.
2. Patuhi peraturan sekolah yang melarang kegiatan buli.
3. Sayangi sekolah anda dengan 'sifar buli'.
4. Sayangi rakan-rakan di sekolah.
5. Sentiasa mengamalkan komunikasi dua hala bagi mengelakkan kejadian buli.
6. Sentiasa mendengar masalah antara satu sama lain agar buli dapat dicegah pada peringkat awal.
7. Sentiasa mengamalkan sikap tolong-menolong antara satu sama lain.
8. Elakkan meninggikan suara apabila bercakap dengan orang lain.
9. Jika tidak berpuas hati kepada seseorang sila rujuk kepada individu yang mampu membantu dalam menyelesaikan permasalahan yang timbul.
10. Sentiasa berfikiran tenang dalam menghadapi sesuatu perkara dan tidak bertindak secara melulu.
11. Memupuk pemikiran bahawa perkara yang baik akan dibalas baik.
12. Jika emosi marah dalam keadaan tegang dan memuncak, minum air kosong untuk membantu diri kembali tenang.
13. Sentiasa beristigfar dalam diri supaya mengelakkan diri terus dibelenggu rasa tidak puas hati kepada orang lain.

Strategi 10

Tindakan Menangani Kes Buli

Aktiviti	Masa	Lampiran
Aktiviti sendiri 1: Kegemilangan	30 minit	Nota & latihan

Sinopsis :

Strategi 10 melampirkan nota bacaan dan latihan. Strategi ini membentuk satu aktiviti sendiri kepada peserta iaitu kegemilangan yang mana aktiviti ini dijalankan dalam lingkungan masa 45 minit. Aktiviti tersebut mengandungi latihan yang memerlukan peserta untuk berfikir, memahami dan mengetahui secara mendalam mengenai tindakan menangani kes buli yang membentuk kepada pengetahuan individu dalam menangani kejadian buli.

Strategi 10

Tindakan Menangani Kes Buli

STRATEGI 10: AKTIVITI 1

KEGEMILANGAN

- Jangka masa : 30 minit
- Bilangan peserta : 10 - 50 orang
- Tempat : Kelas atau dewan yang bersesuaian dengan jumlah peserta
- Keperluan / alatan : 1. Alat tulis dan latihan
2. Aktiviti sendiri 1: kegemilangan
- Objektif : 1. Memberi kefahaman kepada warga sekolah khususnya dan ibu bapa serta masyarakat sekeliling umumnya mengenai tindakan menangani kes buli.
2. Memberi kesedaran kepada warga sekolah, ibu bapa dan masyarakat sekeliling betapa pentingnya tindakan menangani kes buli
3. Menambah pengetahuan kepada semua pihak mengenai tindakan yang dapat dilakukan dalam menangani kes buli.
- Proses pelaksanaan aktiviti : 1. Fasilitator menjelaskan mengenai aktiviti yang akan dijalankan.
2. Fasilitator menerangkan secara ringkas mengenai tindakan menangani kes buli yang dibahagikan kepada beberapa kategori. Tindakan yang diambil merupakan satu bentuk langkah mengatasi isu buli.
3. Fasilitator menjelaskan kepada ahli kumpulan mengenai aktiviti yang dijalankan iaitu ahli kumpulan dikehendaki menjawab aktiviti sendiri yang disediakan mengenai apa yang mereka faham mengenai tindakan mengatasi kegiatan buli dan peserta di minta memberikan sumbangan pendapat dalam menangani isu buli ini.
4. Fasilitator menjelaskan penegasan aktiviti yang dijalankan kepada peserta. Melalui aktiviti ini peserta akan dapat memahami tindakan yang boleh di ambil bagi menangani isu buli dan peserta mahir dalam mengambil tindakan sebagai satu usaha membanteras kegiatan buli.

Strategi 10

Tindakan Menangani Kes Buli

STRATEGI 10: AKTIVITI 1

KEGEMILANGAN - LAMPIRAN / LATIHAN

01

04

02

05

03

06

TINDAKAN
MENANGANI
KES BULI

Panduan: Sila jawab di ruangan yang disediakan.

Strategi 10

Tindakan Menangani Kes Buli

STRATEGI 10: AKTIVITI 1

KEGEMILANGAN - LAMPIRAN / LATIHAN

Pelan Tindakan Jangka Masa Pendek

Pelan Tindakan Jangka Masa Panjang

Panduan: Nyatakan pelan jangka pendek dan jangka panjang.

LAMPIRAN NOTA BACAAN S10 A1

KEGEMILANGAN

01
SEKOLAH

04
KAUNSELOR

02
IBU BAPA

TINDAKAN
MENANGANI
KES BULI

05
MEDIA MASSA

03
PELAJAR

06
BADAN KERAJAAN
DAN BADAN
BUKAN KERAJAAN
(NGO)

Rajah 10.1: Pihak Bertanggungjawab Mengambil Tindakan Menangani Kes Buli



TINDAKAN MENANGANI KES BULI

- Buli merupakan satu kegiatan yang dipandang serius di negara ini kerana buli merupakan satu gejala yang mendorong kepada berlakunya jenayah.
- Pelajar merupakan aset negara yang penting dan akan menerajui negara ini pada masa kelak namun isu buli ini menjadi sebahagian dalam diri pelajar yang terjebak dengan masalah ini.
- Semua pihak haruslah sehati sejiwa dalam usaha menangani masalah kes buli ini walaupun terpaksa mengharungi liku-liku yang penuh dengan onak duri.
- Semoga berkat daya usaha yang gigih, kita dapat melahirkan generasi muda yang dapat menjulang nama negara dan mengangkat martabat bangsa di persada dunia global. Tindakan menangani kes buli yang dicadangkan adalah seperti berikut:

SEKOLAH

- Mendapatkan maklumat tentang kes buli yang berlaku di sekolah masing- masing, sama ada bentuk psikologi atau fizikal seperti meminta pelajar mengisi borang soal selidik berkaitan dengan kegiatan buli yang melibatkan pelajar.
- Selain itu, memberi peluang kepada pelajar menulis artikel mengenai buli atau menceritakan mengenai kejadian buli yang pernah mereka alami dan identiti pelajar menjadi perkara sulit untuk didedahkan.
- Sekolah perlu mempunyai peraturan yang jelas berkaitan dengan buli. Poster anti buli di tampal di sudut-sudut bacaan pelajar di sekolah dan mengedarkan risalah anti buli kepada ibu bapa dan masyarakat sekeliling supaya semua pihak memahami dan mengetahui info-info berkaitan pencegahan buli seperti no telefon yang boleh dihubungi untuk melaporkan kejadian buli sekiranya berlaku.

SEKOLAH

- Isu buli perlu dititikberatkan dengan memasukkan sebagai satu agenda dalam mesyuarat Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG) bagi memudahkan maklumat dan kerjasama membanteras buli dapat di lakukan secara usaha sama.
- Setiap kelas perlu mempunyai satu peraturan yang jelas berkaitan buli untuk dibentuk dari peringkat bawah iaitu setiap kelas mempunyai senarai yang jelas mengenai perlakuan yang diklasifikasikan sebagai buli serta setiap pelajar bertindak sebagai 'informer' dengan melaporkan kepada guru atau pihak pentadbiran sekolah sekiranya melihat kejadian buli.

PELAJAR

- Pelajar memerlukan pendidikan agama. Langkah paling penting dalam membendung masalah buli ini adalah dengan pendidikan agama yang perlu diterapkan dalam diri setiap pelajar itu sendiri. Agama Islam yang telah sempurna menyediakan peraturan dan panduan yang lengkap untuk manusia menjalani hidup dengan penuh bernilai dan bermaruah.
- Pelajar harus bijak memilih kawan kerana pelajar mudah terpengaruh dengan tingkah laku rakannya. Contohnya, rakan yang minat membaca buku maka pelajar tersebut juga akan mempengaruhi rakan-rakan yang lain membaca bersama-sama. Begitu juga dengan buli, tingkah laku buli yang menjadikannya serius adalah apabila tingkah laku tersebut ditiru dan mendapat sokongan daripada rakan-rakannya.

PELAJAR

- Di samping itu, pelajar juga harus berganding bahu dengan pihak sekolah dalam usaha untuk membendung gejala ini. Apabila pelajar melihat kes buli berlaku atau menjadi mangsa pembuli, pelajar harus memberanikan diri untuk melaporkan kepada pihak sekolah dengan segera agar masalah itu dapat diatasi dengan secepat mungkin demi kesejahteraan dan keharmonian sekolah.

IBU BAPA

- Ibu bapa juga memainkan peranan yang penting dalam usaha untuk membendung isu buli ini. Ibu bapa haruslah menampilkan teladan yang baik kepada anak-anak supaya ibu bapa dapat menjadi contoh yang terbaik buat anak-anak.
- Walaupun ibu bapa sibuk demi memenuhi keperluan material anak-anak, mereka juga perlu sentiasa mengambil perhatian tentang keadaan anak mereka semasa di sekolah dan di rumah serta memberikan belaian kasih sayang yang sepenuhnya kepada anak-anak supaya mereka tidak berasa sunyi dan diabaikan oleh ibu bapa.

IBU BAPA

- Ibu bapa juga harus memujuk anak mereka sejak kecil lagi seperti kata-kata pepatah 'melentur buluh biarlah dari rebungnya' dan menjadikan anak-anak sebagai sahabat agar anak-anak lebih selesa untuk berkongsi masalah dan cerita kehidupan harian mereka dengan ibu bapa mengatasi segala kesulitan yang dihadapi oleh anak-anak.

MEDIA MASSA

- Media massa sama ada elektronik dan cetak seharusnya memainkan peranan yang sangat penting. Ini kerana media merupakan alat yang cukup berkesan dalam mempengaruhi tindakan manusia untuk bertingkah laku.
- Media massa perlu menyediakan rancangan khusus mengenai isu-isu yang dipandang serius dalam dunia pendidikan dan rancangan tersebut ditayangkan pada waktu kemuncak.
- Media massa juga perlu mempunyai satu rancangan khusus atau penulisan yang khusus mengenai hukuman-hukuman yang akan dijalankan kepada pelajar-pelajar yang melakukan kegiatan buli khususnya dan kesalahan disiplin lain secara amnya.

BADAN KERAJAAN DAN BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO)

- Penguatkuasaan Peraturan perlu diperketatkan. Peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dan diperketatkan perlu dikuatkuasakan supaya pelajar yang ingkar sedar yang mereka berhadapan dengan hukuman yang berat sekiranya berbuat demikian.
- Poster-poster berkenaan kes buli perlu disebarluaskan secara meluas agar kefahaman dan kesedaran masyarakat mengenai isu buli ini meningkat dan secara tidak langsung mendedahkan kepada masyarakat bahawa isu buli ini dipandang sebagai satu isu yang serius.
- Pihak kerajaan dan bukan kerajaan (NGO) perlu memperbanyakkan aktiviti-aktiviti yang dapat memberi penjelasan secara mendalam tentang isu ini ke dalam masyarakat yang sudah pastinya maklumat mengenai isu buli ini kurang disalurkan kepada masyarakat di negara ini terutamanya di kawasan luar bandar.

Strategi 11

Tips-tips Menangani Buli

Aktiviti	Masa	Lampiran
Aktiviti sendiri 1: Keabadian Jiwa	45 minit	Nota & latihan

Sinopsis :

Strategi 11 melampirkan nota bacaan dan latihan. Strategi ini membentuk satu aktiviti sendiri kepada peserta iaitu keabadian jiwa yang merangkumi dua latihan aktiviti sendiri yang mana aktiviti ini dijalankan dalam lingkungan masa 45 minit. Aktiviti tersebut mengandungi latihan yang memerlukan peserta untuk berfikir, memahami dan mengetahui secara mendalam tips-tips menangani buli ini dan mengetahui sifat-sifat bukan pembuli yang membentuk kepada pengetahuan dan penambahbaikan tingkah laku yang lebih proaktif dalam pemerkasaan buli.

Strategi 11

Tips-tips Menangani Buli

STRATEGI 11: AKTIVITI 1

KEABADIAN JIWA

- Jangka masa : 45 minit
- Bilangan peserta : 10 - 50 orang
- Tempat : Kelas atau dewan yang bersesuaian dengan jumlah peserta
- Keperluan / alatan : 1. Alat tulis, nota bacaan dan latihan
2. Aktiviti sendiri 1: keabadian jiwa
- Objektif : 1. Memberi kefahaman, kesedaran dan pengetahuan kepada peserta serta pihak sekolah, ibu bapa dan masyarakat sekeliling mengenai tips-tips dalam memperkasa usaha menangani buli.
2. Memberi pemahaman dan penghayatan peranan dan kefungsiiaan masing- masing dalam pelaksanaan strategi dan pelan tindakan di peringkat sekolah untuk mencegah dan mengatasi gejala buli secara serius.
- Proses pelaksanaan aktiviti : 1. Fasilitator menjelaskan mengenai aktiviti yang akan dijalankan.
2. Fasilitator membentangkan slide kepada peserta serta menjelaskan mengenai tips-tips memperkasa menangani buli.
3. Fasilitator meminta peserta menjawab latihan iaitu aktiviti sendiri 1 dan 2 yang disediakan berdasarkan pengetahuan mereka terhadap tips-tips memperkasa menangani buli.
4. Fasilitator meminta peserta berkongsi mengenai refleksi mereka terhadap Modul Pemerkasaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah.
5. Fasilitator membuat rumusan dan memberi penegasan aktiviti kepada peserta. Peserta dapat menambah pengetahuan mengenai tips-tips memperkasa menangani buli dan dapat diaplikasikan dalam diri masing- masing.

Strategi 11

Tips-tips Menangani Buli

STRATEGI 11: AKTIVITI 1

KEABADIAN JIWA - LAMPIRAN / LATIHAN

Sebagai pelajar, apakah tindakan yang akan dilakukan sekiranya terlihat kejadian buli berlaku di sekolah?

Sebagai sebagai guru bimbingan dan kaunseling, apakah tindakan yang akan dilakukan sekiranya terlihat kejadian buli berlaki di sekolah?

Panduan: Berikan pandangan anda berdasarkan situasi di atas.

Strategi 11

Tips-tips Menangani Buli

STRATEGI 11: AKTIVITI 1

KEABADIAN JIWA - LAMPIRAN / LATIHAN

Apakah yang dapat anda rasakan setelah mengikuti Modul Pemerkasaan Menangani Buli Dalam Perkhidmatan Kaunseling di Sekolah ini?

Panduan: Berikan pandangan anda berdasarkan situasi di atas.

Strategi 11

Tips-tips Menangani Buli

STRATEGI 11: AKTIVITI 2	KEABADIAN JIWA - LAMPIRAN / LATIHAN
-------------------------	-------------------------------------

Apakah perkataan pertama yang anda lihat dalam kotak di bawah ini?

Cari 10 perkataan di bawah yang menunjukkan **sifat bukan seorang pembuli.**

A	H	G	E	R	A	M	Z	J	L	K	D	M	E	J	L	C
J	B	I	G	J	P	K	P	D	C	B	P	E	Z	P	K	S
K	P	O	S	I	T	I	F	S	J	E	K	L	L	B	O	D
L	L	C	F	S	K	D	E	B	S	R	H	A	D	S	M	P
M	H	D	D	E	Z	P	J	K	Z	S	G	W	S	K	I	J
T	E	K	P	J	C	H	C	B	D	A	C	A	J	S	T	D
E	B	Z	E	C	T	Z	S	K	L	N	P	N	B	D	E	K
L	J	S	M	K	U	E	B	G	C	G	K	E	E	G	D	C
U	P	D	A	Z	L	D	E	H	S	K	H	D	R	K	H	E
S	E	K	R	G	U	L	R	J	D	A	K	G	D	S	G	B
H	N	G	A	D	S	K	H	K	G	B	Z	J	E	D	Z	E
L	Y	D	H	L	H	D	E	D	K	A	E	A	D	B	E	R
C	A	A	K	A	B	A	M	P	C	I	B	D	I	C	J	J
K	Y	C	J	D	K	O	A	K	S	K	P	K	K	K	A	A
H	A	V	H	S	C	B	H	Z	V	Z	J	W	A	O	P	Y
D	N	D	K	K	L	E	P	V	D	O	B	K	S	Z	A	A
S	G	K	P	H	O	R	M	A	T	Z	C	D	I	K	T	P
C	P	Z	A	S	J	A	K	J	A	K	S	E	P	Y	U	S
H	K	V	B	E	R	D	E	N	D	A	M	Z	H	S	H	D
K	B	C	N	Z	E	O	K	S	J	K	E	N	N	K	W	K
J	S	H	D	K	L	A	M	A	N	A	H	K	B	D	J	L
D	Z	P	O	J	C	P	K	K	D	Z	G	X	B	P	A	N
B	W	B	E	R	M	U	S	U	H	C	H	D	K	C	H	A
K	J	K	P	L	W	J	K	E	S	J	L	K	L	E	A	K
B	E	R	T	A	N	G	G	U	N	G	J	A	W	A	B	A
E	V	K	P	C	V	A	D	V	J	K	A	P	W	S	X	L
H	D	T	E	R	T	E	K	A	N	G	B	T	E	X	K	E
S	J	S	P	A	Z	K	S	K	W	D	Z	K	O	P	J	J
G	Z	D	I	S	I	P	L	I	N	C	K	A	H	G	U	P
B	C	L	Z	J	P	G	J	K	L	G	B	G	D	Z	J	C
P	G	L	M	E	M	B	E	N	C	I	S	C	J	G	U	S
J	D	K	G	Z	C	K	E	P	J	K	P	G	B	S	R	L
K	A	K	I	B	U	L	I	D	C	H	J	D	L	K	E	Z

Panduan: Cari dan bulatkan perkataan yang anda jumpa.

TIPS - TIPS MENANGANI BULI



LAMPIRAN NOTA BACAAN S11 A1

KEABADIAN JIWA

PENTADBIRAN SEKOLAH

- Membentuk jawatankuasa khas sebagai penyelar program anti buli di sekolah.
- Mengadakan buku rekod khusus bagi pelajar yang terlibat dalam gejala buli bagi memantau perkembangan mereka.
- Mengadakan program pencegahan dan pemulihan buli secara berkala dan melibatkan semua kakitangan dan pelajar sekolah.
- Mengadakan program kerjasama dengan sekolah-sekolah berdekatan dalam usaha membanteras kegiatan buli secara lebih praktikal.
- Membentuk jawatankuasa khas sebagai penyelar program anti buli di sekolah.
- Mengadakan buku rekod khusus bagi pelajar yang terlibat dalam gejala buli bagi memantau perkembangan mereka.
- Mengadakan program pencegahan dan pemulihan buli secara berkala dan melibatkan semua kakitangan dan pelajar sekolah.
- Mengadakan program kerjasama dengan sekolah-sekolah berdekatan dalam usaha membanteras kegiatan buli secara lebih praktikal.

KAUNSELOR

- Menyediakan ruangan relaksasi di bilik kaunseling agar pelajar dapat mencari ketenangan apabila berada dalam situasi marah atau geram.
- Menyediakan satu ruangan 'punching bag' untuk pelajar melepaskan kemarahan (sublimasi).
- Menggalakkan pelajar mengikuti aktiviti kokurikulum iaitu pelajar yang suka membuli dengan menggantikan aktiviti lebih berfaedah seperti silat dan taekwando.
- Menggalakkan pelajar menjawab ujian personaliti supaya lebih mengenali diri sendiri.



LAMPIRAN NOTA BACAAN S11 A1

KEABADIAN JIWA

GURU - GURU

- Memberikan perhatian khusus terhadap kegiatan buli yang berlaku di sekolah seperti membentuk jawatankuasa buli di dalam kelas.
- Menyediakan ruangan melepaskan ketidakpuasan hati dengan meletakkan sampul surat untuk setiap pelajar meluahkan perasaan supaya tidak menyimpan kemarahan dan dendam terhadap seseorang.
- Tegass dalam menanganimasalah buli di sekolah.
- Tidak berkompromi terhadap pelajar yang dilihat melakukan buli.
- Membantu dalam memantau kegiatan buli yang berlaku di sekolah.
- Membina hubungan baik dengan ibu bapa agar dapat bekerjasama dengan ibu bapa membanteras buli yang melibatkan pelajar sekolah.
- Guru-guru perlu membincangkan serta melihat perkembangan isu buli dari semasa ke semasa.

PENGAWAS & KEPIMPINAN PELAJAR

- Memberikan maklumat kepada guru dengan kadar segera apabila melihat kejadian buli.
- Membantu guru memantau kegiatan buli pelajar di sekolah dan membuat laporan secara berkala terhadap perkembangan buli di sekolah.

GURU DISIPLIN

- Menghukum pelajar yang terlibat dengan kegiatan buli dengan mengeluarkan surat amaran dan buang sekolah sekiranya berada dalam keadaan yang series.
- Merujuk pelajar yang melakukan buli kepada kaunselor untuk sesi kaunseling.
- Memantau perkembangan disiplin pelajar sepanjang waktu persekolahan berlangsung.
- Melantik beberapa orang pelajar sebagai jawatankuasa buli bagi membantu memantau kegiatan buli di sekolah.




PELAJAR

- Melaporkan kepada guru mengenai kejadian buli di sekolah.
- Menyalurkan maklumat kepada guru mengenai pelajar-pelajar yang terlibat dengan buli.
- Sentiasa peka terhadap rakan-rakan di sekolah dan sekiranya terdapat unsur-unsur buli terus memaklumpkannya kepada guru.

IBU BAPA

- Mengetahui aktiviti atau kegiatan anak-anak.
- Mengenali rakan sekeliling anak-anak.
- Memantau setiap gerak kerja atau aktiviti harian anak-anak.
- Mendorong anak-anak untuk sentiasa melakukan perbuatan positif dan berfaedah.
- Memberikan contoh yang baik terhadap anak-anak dan elak untuk bergaduh di hadapan anak-anak.
- Sekiranya anak-anak mempunyai masalah, ajak mereka berbincang dan menyelesaikan secara baik tanpa menghukum mereka secara melulu.



*Jadilah kawan,
bukan pembuli*

STRATEGI MENANGANI BULI DI SEKOLAH

PENDIDIKAN AGAMA

Agama Islam yang telah sempurna menyediakan peraturan yang lengkap untuk manusia menjalani hidup dengan penuh bernilai

Sebagai contoh : Al Quran dan Hadis

Melalui agama, seseorang pelajar dapat membezakan antara perkara baik dan buruk

PERANAN DIRI SENDIRI

Pelajar itu sendiri perlu mempunyai kesedaran mengenai keburukan buli

Pelajar perlu bijak memilih rakan – perlu menjauhi pelajar yang terlibat dalam kes buli

PERANAN PIHAK KERAJAAN

Mengadakan kempen kesedaran kepada masyarakat bagi bersama sama membantu untuk menghentikannya

Kerajaan perlu mengadakan lebih banyak kempen

PERANAN IBU BAPA

Ibu bapa perlu memberikan sepenuh perhatian dan kasih sayang kepada anak-anak

Jika anak-anak tidak mendapat perhatian dan kasih sayang yang sewajarnya, mereka akan cenderung untuk mencari perhatian dengan cara yang salah seperti terlibat dengan rakan yang membuli

Ibu bapa perlu menjadi role-model kepada anak-anak dengan tidak menunjukkan keganasan di hadapan anak-anak kerana anak-anak kebiasaannya akan mengikuti perbuatan ibu bapa mereka

TAULADAN YANG BAIK KEPADA ANAK2

PERANAN MASYARAKAT

Bekerjasama dengan pihak berkuasa iaitu jika mengetahui sesuatu kes buli yang berlaku

Segera melaporkan kepada pihak sekolah/berkuasa sekiranya ternampak pelajar yang melakukan kes buli

Tubuhkan rukun tetangga di persekitaran tempat tinggal yang mengawasi keselamatan dan keharmonian jiran tetangga dalam mengawasi aktiviti buli

KEMPEN ATASI BULI



STRATEGI MENANGANI BULI DI SEKOLAH

PERANAN SEKOLAH

Mengetatkan peraturan di sekolah seperti mengenakan hukuman yang lebih tegas sebagai contoh hukuman gantung persekolahan selama sebulan

Peranan kaunselor – mengadakan program kesedaran khusus untuk pelajar yang terlibat menjadi pembuli sebagai contoh kem motivasi, ceramah berkenaan kesan buli –ceramah bertujuan untuk memberi kesedaran kepada pembuli

Kaunselor juga perlu mengadakan sesi dengan mangsa buli kerana mangsa tersebut mungkin menghadapi trauma

**HARI TERBUKA SEKOLAH YANG BERFOKUS
KEPADA KEMPEN ANTI BULI**

PERANAN MEDIA MASSA

Media massa seperti media cetak dan media elektronik perlu memperbanyakkan kempen

Menyiarkan poster-poster berkenaan keburukan dan bahaya buli

Penerbitan rencana berkaitan buli

Memaparkan drama berkaitan buli

**MENYIARKAN RANCANGAN TV YANG MENGUPAS
NEGATIF KEGIATAN BULI**



Strategi 12

Peti Aduan Mangsa Buli / Pemerhati Buli

Aktiviti	Masa	Lampiran
Aktiviti sendiri 1: Keharmonian Cinta	45 minit	Nota & latihan

Sinopsis :

Strategi 12 melampirkan nota bacaan dan latihan. Strategi ini membentuk satu aktiviti sendiri kepada peserta iaitu Keharmonian Cinta yang mana aktiviti ini dijalankan dalam lingkungan masa 45 minit. Aktiviti tersebut mengandungi latihan yang memerlukan peserta untuk berfikir, menyelami dan empati secara mendalam kepada mangsa buli dan tindakan aduan sangat penting dalam usaha menyekat kegiatan bulu dari terus berleluasa.

Strategi 12

Peti Aduan Mangsa Buli / Pemerhati Buli

STRATEGI 12: AKTIVITI 1

KEHARMONIAN CINTA

Jangka masa	: 30 minit
Bilangan peserta	: 10 - 50 orang
Tempat	: Kelas atau dewan yang bersesuaian dengan jumlah peserta
Keperluan / alatan	: 1. Alat tulis, nota bacaan dan latihan 2. Aktiviti sendiri 1: keharmonian cinta
Objektif	: 1. Memberi kefahaman, kesedaran dan pengetahuan kepada peserta serta pihak sekolah, ibu bapa dan masyarakat sekeliling peti aduan buli. 2. Memberi pemahaman dan penghayatan peranan dan kefungsiiaan masing- masing dalam penggunaan peti aduan buli yang memainkan peranan penting dalam pemerkasaan buli.
Proses pelaksanaan aktiviti	: 1. Fasilitator menjelaskan mengenai aktiviti yang akan dijalankan. 2. Fasilitator membentangkan fungsi peti aduan kepada peserta. 3. Fasilitator meminta peserta menjawab latihan iaitu aktiviti sendiri 1 yang disediakan. 4. Fasilitator meminta peserta berkongsi mengenai refleksi mereka terhadap peti aduan buli. 5. Fasilitator membuat rumusan dan memberi penegasan aktiviti kepada peserta. Peserta dapat menambah pengetahuan mengenai peranan utama peti aduan buli dalam usaha membentaras buli dari akar umbi.

Strategi 11

Tips-tips Menangani Buli

STRATEGI 12: AKTIVITI 1

KEHARMONIAN CINTA - LAMPIRAN / LATIHAN



1. Di manakah anda melihat peti aduan tersebut di sekolah anda?

2. Di manakah terletak peti aduan tersebut di kawasan persekitaran kediaman tempat tinggal anda?

Panduan: Isi jawapan anda diruangan kotak yang disediakan.

Strategi 11

Tips-tips Menangani Buli

STRATEGI 12: AKTIVITI 1

KEHARMONIAN CINTA - LAMPIRAN / LATIHAN



3. Jika anda melihat peti aduan tersebut, apakah yang anda akan lakukan?

4. Adakah anda rasa peti aduan ini membantu dalam usaha menangani buli?

Panduan: Isi jawapan anda diruangan kotak yang disediakan.

NUTP SYOR KPM TETAP PERATURAN JELAS BERKAITAN PETI ADUAN DI SEKOLAH



Kuala Lumpur: Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Semenanjung Malaysia (NUTP) menggesa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menetapkan peraturan jelas berkaitan peti aduan pelajar supaya kemudahan itu dibuka dan dipantau secara berkala.

Setiausaha Agung NUTP, Fouzi Singon, berkata ketiadaan prosedur operasi standard (SOP) itu mengakibatkan banyak aduan tidak pernah diambil peduli berikutan petinya dibiarkan begitu saja.

"Ada sekolah meletakkan peti aduan sekadar syarat tanpa pernah dibuka sehingga kuncinya berkarat atau hilang.

"Ia berlaku kerana tiada ketetapan bila perlu dibuka, siap bertanggungjawab memantau atau bagaimana aduan diproses. Ini menyebabkan aduan tidak diambil berat," katanya kepada BH, hari ini.

Kelmarin, Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen mengenai Wanita, Kanak-Kanak dan Pembangunan Masyarakat, Yeo Bee Yin mendakwa peti aduan yang diwujudkan di sekolah untuk pelajar membuat aduan termasuk kes buli, dikatakan gagal berfungsi dengan baik.

Beliau dilaporkan berkata, kegagalan guru menjaga kerahsiaan pelajar juga antara faktor menyebabkan mangsa buli enggan tampil membuat aduan selain terletak di tempat terbuka dan tiada privasi kepada mangsa.

Sehubungan itu, Fouzi mencadangkan sekolah menetapkan peraturan peti aduan itu diperiksa sekurang-kurangnya dua minggu atau sebulan sekali supaya permasalahan pelajar dibawa ke mesyuarat disiplin untuk tindakan susulan.

"Kita tahu tidak praktikal peti aduan dibuka setiap hari. Tetapi sekurang-kurangnya ia perlu diperiksa secara berkala. Tetapi masalah sekarang, mesyuarat disiplin paling kerap diadakan tiga kali setahun.

"Lazimnya mesyuarat itu membabitkan guru penolong kanan hal ehwal murid (PKHEM) yang bertanggungjawab membuka peti aduan, guru disiplin dan guru kaunselor," katanya.

Mengulas dakwaan peti aduan tidak mementingkan kerahsian atau privasi kerana ditempatkan di kawasan terbuka seperti kantin, Fouzi menafikan dakwaan dan menjelaskan murid bebas memasukkan aduan pada bila-bila masa tanpa perlu menunggu waktu tertentu.

"Ia perlu diletakkan di tempat tumpuan murid seperti kantin atau bilik guru. Murid boleh guna nama samaran, isunya bukan lokasi, tetapi aduan mesti dibaca dan diambil tindakan.

"Ia peti surat bertutup yang pelajar boleh pergi bila-bila masa tidak kira waktu rehat, lepas waktu persekolahan dan diletakkan di lokasi terpencil mungkin peti itu akan kosong," katanya.

Justeru katanya, tidak tepat andaian soal kerahsian tidak dilindungi kerana isu itu bergantung kepada individu.

"Selalunya, kaunselor menjaga kerahsian, namun tidak dinafikan ada guru yang memberi peringatan umum mengenai aduan pelajar di perhimpunan tetapi mereka tidak mendedahkan identiti murid atau menyebut nama.

"Tujuannya mendidik murid lain, tetapi pelapor mungkin terasa seolah-olah rahsianya terbongkar, sedangkan identiti mereka tidak pernah didedahkan," katanya.

Namun pengalamannya sebagai bekas PKHEM, beliau berkata, kebanyakan aduan itu berkaitan makanan tidak sedap, kebersihan tandas, rumput terbiar dan tiada isu berkaitan buli.

"Daripada pengalaman saya dahulu, murid lebih cenderung berkongsi masalah mengenai buli dengan kaunselor dan bukan melalui peti aduan yang ditempatkan di lokasi terbuka," katanya.

Dalam pada itu, Fouzi meminta KPM mengambil tindakan usul NUTP yang mahu jawatankuasa khas di peringkat KPM ditubuhkan bagi mengkaji isu disiplin, meringankan beban guru yang sehingga kini tiada maklum balas.

"Perkara yang dulu dianggap kecil kini semakin penting seperti isu buli dalam sekolah, jadi peti aduan guru dan murid tidak boleh lagi dipandang ringan," katanya.

KPM LAKSANA PENDEKATAN SIFAR TOLERANSI TERHADAP KEJADIAN BULI DI SEKOLAH



Timbalan Menteri Pendidikan Wong Kah Woh (tiga, kiri) beramah mesra bersama pengunjung pada sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia (HKHM) Peringkat Daerah Larut Matang dan Selama 2025 di Dataran Warisan Taiping/ BERNAMA

Taiping - Kementerian Pendidikan (KPM) mengambil pendekatan sifar toleransi terhadap sebarang kejadian buli di sekolah.

Timbalan Menteri Pendidikan, Wong Kah Woh berkata, KPM mempunyai garis panduan ketat menerusi Surat Pekeliling Ikhtisas berkaitan prosedur yang telah ditetapkan bagi menangani kes-kes buli di sekolah.

“Biarlah kita melaksanakan tugas ini bersama-sama. KPM ada peranan kita, di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) pihak sekolah ada peranan, ibu bapa ada peranan dan masyarakat ada peranan.

“Bagi saya ini merupakan satu kita perlu mengambil satu pendekatan menyeluruh masyarakat untuk kita mengajak semua, meningkatkan kesedaran di semua pihak. Kita pastikan bahawa apabila ada aduan sahaja, tidak ada cubaan menutup aduan dan pada masa sama kesemua garis panduan dipatuhi”, katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia peringkat Daerah Larut, Matang dan Selama Tahun 2025, di Taiping.

Pada program tersebut hampir 5,000 orang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat hadir memeriahkan sambutan berkenaan yang diadakan di Dataran Warisan Taiping.

ADUAN KES BULI DITANGANI MENGIKUT SOP, GARIS PANDUAN DITETAPKAN



Kota Kinabalu - Kementerian Pendidikan (KPM) menangani setiap aduan melibatkan kes buli di sekolah berdasarkan prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh kementerian itu.

Menterinya Fadhlina Sidek yakin melalui pendekatan itu, kes buli akan dapat ditangani dengan lebih berkesan khususnya apabila turut melibatkan pelbagai pihak termasuk ibu bapa dan komuniti.

Beliau berkata KPM juga memberi ruang kepada mereka yang tidak berpuas hati dengan proses SOP sedia ada menyerahkan kepada pihak berkuasa menjalankan siasatan dengan lebih lanjut.

"Aduan buli ini kita tangani mengikut SOP dan kebanyakan selesai dalam tempoh yang ditetapkan, ini yang kita mahu iaitu aduan tersebut sampai kepada pihak kita.

"Jadi kita boleh sertakan data, ambil tindakan intervensi serta merta dan memastikan keadilan dapat diberikan pada semua pihak. Kita tidak akan teragak-agak mengambil tindakan yang tegas dalam soal buli ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri program Gerakan Kepimpinan MADANI: Hentikan Buli di Sekolah Menengah Lok Yuk di sini hari ini yang turut dihadiri Menteri Sains, Inovasi dan Teknologi Sabah Datuk Dr Mohd Arifin Mohd Arif.

Fadhlina berkata KPM sentiasa turun padang ke sekolah terpilih untuk melaksanakan advokasi berkaitan hentikan buli yang turut memerlukan komitmen daripada semua pihak.

Beliau berkata melalui pendekatan itu perbincangan dengan ketua pelajar dan pengawas dapat dijalankan bagi memahami isu yang terdapat di sekolah berkenaan.

"Penegasan telah KPM beri berulang kali dan saya bagi penegasan sekali lagi bahawa tidak ada dan tidak boleh menyembunyikan kes berkaitan dengan buli ini," katanya.

BERNAMA, 14 November 2024

BORANG ADUAN BULI OLEH PEMERHATI BULI

Perkara : _____

Tarikh: _____ Masa : _____

Tempat Kejadian : _____

Maklumat Pembuli : _____

Maklumat Mangsa Buli : _____

Bil. Individu Terlibat : _____

Terangkan Secara Ringkas Kronologi Kejadian :

Tindakan Yang Telah Dilakukan :

BORANG TINDAKAN GURU KEPADA KAUNSELOR

Perkara : _____

Tarikh : _____ Masa : _____

Tempat Kejadian : _____

Maklumat Pembuli : _____

Maklumat Mangsa Buli : _____

Bil. Individu Terlibat : _____

Rawatan Yang Dijalankan / Diberi Kepada Individu Terlibat :

Tindakan Susulan Yang Telah Dilakukan :

Bibliografi

- Abdul Malek Abdul Rahman. (2004). Kesan Kaunseling Kelompok Berstruktur dalam merawat tingkah laku lansang buli di kalangan pelajar sekolah menengah. Laporan Penyelidikan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abu Bakar Nordin. (1995). Nilai Kumulatif. Diakses pada 07 April 2015 dilaman web <https://kamaruzamanmoidunny.blogspot.com/2013/07/artikel-17-kesahandankebolehpercayaan.html>
- Ahmad Mahdzan. (1983). Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Anastasi, A., & Urbina, S. (1997). Psychological testing, 7 th ed. Upper Saddle River, NJ: Prentice-Hall.
- Azizi Hj. Yahaya, Yusof Boon, Shahrin Hashim, Mohammad Sharif Mustaffa & Zurhana Muhamad. (2008). Indeks Perlakuan Buli di Kalangan Pelajar di Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah di Malaysia. Pusat Pengurusan Penyelidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Azneeal Ar-Rashid Mohd Ramli, Nora Mislan & Siti Mislia Selamat (2005) Gejala Buli. Kertas Kerja Seminar Pendidikan 2005. Anjuran Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia , 15 Oktober 2005).
- Berita Bernama (2016,Mac 27). Kira-kira 3000 Kes Buli di Sekolahdirekod pada tahun 2015, 12.
- Cohen, R. J. and Swerdlik, M. E. (2010). Psychological testing and assessment: An introduction to tests & measurements (seventh edition). Boston: McGraw-Hill Higher Education.
- Deidra Alexander Sorrell. (2015). Workplace Bullying in Education. Journal of Bullying and Social Aggression, 1(2), 10-20.
- Denzin, N & Lincoln.(1994). Handbook of Qualitative Research,Thousand Oaks (Calif), Sage.
- Denzin and Lincoln (1994)In Gall, M. D. et al. (1996)Educational Research: An Introduction. New York: Longman.
- Efford, M.G. (2013) secr: Spatially explicit capture–recapture models. R package version 2.5.0. <http://CRAN.R-project.org/package=secur> [accessed 11 February 2013]
- Ersilia Menesini & Christina Salmivalli. (2017). Bullying in schools: the state of knowledge and effective interventions. Psychology, Health & Medicine, 22:sup1, 240-253,DOI: 10.1080/13548506.2017.1279740
- Fauziah Mohd Sa'ad.(2014). Keberkesanan Kaunseling Kelompok Pendekatan Pemusatan Insan Dan Pendekatan Psikologi Kognitif Ad-Din Ke Atas Konsep Kendiri, Kemurungan Dan Daya Tahan Remaja Hamil Luar Nikah. Phd Thesis, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Glover,D.,Gough,G.,Johnson,M., & Cartwright,N. (2000). Bullying in 25 Secondary School: Incidence,impact and intervention. Educational Research,42,141-156

Bibliografi

- Jamaludin Ahmad.(2002). Kesahan, kebolehpercayaan dan keberkesanan modul program maju diri ke atas motivasi pencapaian di kalangan pelajar 297 sekolah menengah negeri Selangor. Tesis Dr. Fal. Universiti Putra Malaysia.
- Jamaludin Ahmad. (2008). Modul dan pengendalian bimbingan kelompok. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Junainor Hassan, Salleh Abd Rashid, Suliadi Firdaus Sufahani, Mohd Kasturi Nor Abd Aziz. (2016). Buli Di Kalangan Pelajar Sekolah Rendah Luar Bandar: Kajian Kes Di Kawasan Felda Utara Kedah-Perlis, Malaysia (Bully Among Rural Primary School Students: A Case Study Of North Kedah-Perlis Felda Territory, Malaysia). Jurnal Psikologi Malaysia 30 (1) (2016): 113-125.
- Kamus Dewan Edisi Keempat (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2014). Panduan Pengurusan Menangani Buli di Sekolah. Putrajaya.
- Mahadi Khalid. (2007). Tingkah Laku Buli Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Sarawak, Paper Presented at Seminar Penyelidikan Pendidikan Institut Perguruan Batu Lintang, Kuching, Sarawak.
- Mastura Mahfar. (2011). Kesan modul pendidikan rasional emotif terhadap kepercayaan tidak rasional dan tekanan dalam kalangan pelajar sekolah berasrama penuh di Johor, Malaysia. PhD thesis, Universiti Putra Malaysia.
- Md Noor Saper. (2012). Pembinaan modul bimbingan 'Tazkiyah An-Nafs' dan kesanya keatas religiosity dan resiliensi remaja. Dr. Fal. Universiti Utara Malaysia.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (2003). Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan. Skudai: Penerbit UTM.
- Mohammad Aziz Shah. (2010). Kesan Kelompok Bimbingan Ke Atas Konsep Kendiri, Daya Tahan Dan Kelangsangan Remaja. (Tesis Doktor Falsafah Fakulti Alam Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia yang tidak diterbitkan).
- Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip, Mohammad Nasir Bistamam, Ahmad Jazimin Jusoh, Syed Sofian Syed Salim, & Roslee Ahmad (2013). Manual Fasilitator Modul Pengubahsuaian Corak Pemikiran Berdasa kan Terapi Kognitif – Tingkahlaku. Universiti Pendidikan Sultan Idris: Tanjung Malim.
- Mohd Majid Konting. (2005). Kaedah penyelidikan pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Rogers, C. R. (1961). On Becoming a Person: A Therapist's View of Psychotherapy. Boston: Houghton Mifflin.
- Roslee Ahmad. (2011). Kesan bimbingan kelompok pendekatan al-Ghazali dalam menangani penyelewengan tingkah laku seksual di kalangan pelajar sekolah menengah di negeri Johor. Tesis Dr. Fal. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

MODUL PEMERKASAAN MENANGANI BULI DALAM PERKHIDMATAN KAUNSELING DI SEKOLAH

